

BAB IV: FASA PERTAMA ERA MOHD ASRI MUDA

(1965-1969)

Pengenalan

Di dalam bab ini, kita akan membincangkan perjalanan PAS dari tahun 1965 ke tahun 1969 di mana perbincangan kita akan bermula dengan peristiwa pemangkuan jawatan Yang Dipertua Agung PAS oleh Mohd Asri Muda pada 29 Januari 1965 dan akan berakhir dengan peristiwa kematian Dr Burhanuddin al-Helmy pada 25 Oktober 1969. Di dalam jangka masa ini, perjalanan PAS adalah dipandu oleh Perlembagaan PAS 1963. Di dalam jangka masa ini juga, PAS, yang telah tidak melangsungkan sebarang mesyuarat agung khas, telah melangsungkan sebanyak hanya 3 mesyuarat agung tahunan, iaitu Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-13 yang telah dilangsungkan di Dewan Zulkiflee Muhammad, Bangunan PAS Kelantan, Kota Bharu, Kelantan, pada 20 dan 21 April 1965, Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 yang telah dilangsungkan di Bangunan YMCA, Jalan Stesyen, Taiping, Perak, pada 12, 13 dan 14 Ogos 1966 dan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 dan Kali Ke-16 yang telah dilangsungkan di Dewan Syarikat Pegawai-Pegawai Kerajaan Perlis, Kangar, Perlis, pada 19, 20, 21 dan 22 April 1968, selain telah turut menyertai sebanyak 1 pilihan raya umum, iaitu Pilihan Raya Umum Kali Ke-4 yang telah dilangsungkan pada 10 Mei 1969.

Membebaskan PAS Dari Isu Penentangan Ke Atas Malaysia

Ekoran penahanan Dr Burhanuddin al-Helmy dan Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani, Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 29 Januari 1965 telah

memutuskan untuk melantik Mohd Asri Muda memangku jawatan Yang Dipertua Agung PAS yang dijawat oleh Dr Burhanuddin al-Helmy sebelumnya, juga untuk melantik Hasan Adli Arshad memangku jawatan Timbalan Yang Dipertua Agung PAS yang dijawat oleh Mohd Asri Muda sebelumnya dan untuk melantik Wan Mustapha Ali memangku jawatan Naib Yang Dipertua Agung PAS yang dijawat oleh Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani sebelumnya.¹ Selain melakukan rombakan ke atas pemegang jawatan-jawatan utama di dalam PAS ini, mesyuarat khas ini juga telah turut memutus untuk mengarahkan cawangan-cawangan dan ranting-ranting PAS mengadakan upacara sembahyang hajat bagi memohon pertolongan dan pembelaan Allah,² juga untuk mengarahkan Badan-Badan Perhubungan PAS Negeri melangsungkan rapat-rapat umum bagi menjelaskan kepada rakyat tentang matlamat perjuangan PAS dan tentang bantahan PAS terhadap penahanan kedua-dua pemimpin PAS itu³--arahan yang disertakan dengan penegasan PAS mengenai keyakinannya ke atas kejujuran kedua-dua pemimpinnya itu.⁴

¹ Keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 29 Januari 1965, dlm. Penyata Jawatankuasa (Kerja) Agung PAS 1964/1965. Hlm. 4. Sewaktu mesyuarat khas ini dilangsungkan, Mohd Asri Muda merupakan Timbalan Yang Dipertua Agung PAS manakala Hasan Adli Arshad dan Wan Mustapha Ali pula merupakan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS.

² Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Pesuruhjaya-Pesuruhjaya (Badan Perhubungan) PAS Negeri dan (Yang Dipertua-Yang Dipertua) PAS Cawangan bertarikh 2 Februari 1965 (tidak bertajuk). Hlm. 2.

³ Ibid. Hlm. 2. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Februari 1965 pula memutuskan bahawa rapat-rapat umum itu hendaklah dibuat serentak pada 20 Mac 1965, di mana "tema-tema ucapan dalam rapat-rapat umum itu ialah penjelasan tentang cita-cita perjuangan PAS yang berdasarkan kepada Perlombagaan (Persekutuan), (khususnya bahawa) PAS tidak berniat sedikit pun (untuk) melakukan perjuangan di luar garis Perlombagaan (Persekutuan) (dan bahawa) sesiapa yang menyeleweng dari Perlombagaan (Persekutuan), maka itu adalah tanggungjawabnya sendiri" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Februari 1965. Hlm. 2-3; dan Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Pesuruhjaya-Pesuruhjaya (Badan Perhubungan) PAS Negeri bertarikh 16 Februari 1965 (tidak bertajuk). Hlm. 1).

⁴ Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Pesuruhjaya-Pesuruhjaya (Badan Perhubungan) PAS Negeri dan (Yang Dipertua-Yang Dipertua) PAS Cawangan bertarikh 2 Februari 1965 (tidak bertajuk). Hlm. 1. Mengikut surat ini, Dr Burhanuddin al-Helmy merupakan "seorang pemimpin yang jujur yang tidak pernah bosan memperjuangkan cita-cita Islam yang suci dan cita-cita kebangsaan Melayu tulen yang progresif" manakala Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani pula merupakan "(seorang pemimpin) yang cergas, jujur dan penuh bertanggungjawab terhadap partinya dalam perjuangan".

Di sebalik penegasan PAS ini, Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani sendiri telah, pada pagi 13 Februari 1965, dihebahkan⁵ membuat satu pengakuan sukarela mengenai pemberian bantuan kewangan berjumlah RM105 ribu kepada PAS oleh "pihak" Indonesia bagi menghadapi Pilihan Raya Umum 1964,⁶ mengenai tindakan beliau menghantar enam orang pemuda untuk "berlatih" di Indonesia,⁷ mengenai tindakan beliau merundingkan penubuhan sebuah kerajaan buangan di luar negara dengan "pihak" Indonesia di Tokyo, Jepun,⁸ dan mengenai penglibatan beliau menubuhkan gabungan parti-parti pembangkang bagi mengaturkan pemergian beberapa orang pemimpin tertinggi mereka ke Karachi, Pakistan, untuk menubuhkan kerajaan buangan di sana.⁹

⁵ Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. I, No. 51, Friday, 5 March 1965. Col. 6725.

⁶ Jabatan Penerangan Malaysia (1965). Pengakuan Ishak Haji Mohamad, Bekas Penggerusi Front Sosialis Rakyat Malaysia, Dan Dato' Raja (Mohd) Hanifah, Naib Yang Dipertua Agung Persatuan Islam Se-Malaya. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia. Hlm. 8. Di dalam ucapan beliau pada satu majlis yang berlangsung di Melaka pada hari yang sama, iaitu 13 Februari 1965, Mohd Asri Muda telah, selain menyatakan "di dalam ucapannya itu Dato' Raja ada menyebut tiga nama pemimpin PAS (Mohd Asri Muda, Hasan Adli Arshad dan Mohd Taha Kalu), kalaukah ketiga-tiga kami ditahan, saya berharap kepada ahli-ahli yang tinggal dapat meneruskan perjuangan PAS ini selagi PAS dihalalkan", mengingatkan kepada para pemberita supaya mencatatkan bahawa "saya dan PAS adalah menafikan penerimaan wang dari Indonesia untuk pilihan raya sebanyak RM105 ribu itu" (Laporan Setiausaha Badan Perhubungan PAS Melaka, Haron Ahmad, kepada Setiausaha Agung PAS bertarikh 18 Mac 1965 bertajuk "Isi Ceramah Pemangku Yang Dipertua Agung Dan Pegawai-Pegawai Agung Di Majlis Perjumpaan Hari Raya Pada 13 Februari 1965 Bertempat Di Dewan Guru-Guru Melayu Melaka". Hlm. 5). Mengulangi penegasan beliau ini di dalam Dewan Rakyat, Mohd Asri Muda telah menyatakan: "Akan bertanyalah orang: Bagaimana boleh dikatakan (PAS) tidak terlibat sedangkan wang RM105 ribu diterima oleh Dato' Raja Hanifah bagi belanja kempen Parti PAS? Ini pun satu masalah... (tetapi) saya orang nombor dua dalam PAS sesudah Dr Burhanuddin (al-Helmy), Dato' Raja Hanifah (hanya) orang nombor tiga, kalau kegiatan yang dilakukan oleh Dato' Raja Hanifah, sama ada menerima wang, sama ada apa sahaja seperti yang disebutkan di dalam tayangan filem baru sebentar tadi, (merupakan) gerakan PAS secara *indirect*, tentulah saya yang lebih tahu sebab saya rasa saya orang nombor dua... tetapi, dengan sangat malangnya, perkara itu tidak sampai kepada pengetahuan saya..." (Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. I, No. 51, Friday, 5 March 1965. Col. 6727).

⁷ Jabatan Penerangan Malaysia (1965). Pengakuan Ishak Haji Mohamad, Bekas Penggerusi Front Sosialis Rakyat Malaysia, Dan Dato' Raja (Mohd) Hanifah, Naib Yang Dipertua Agung Persatuan Islam Se-Malaya. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia. Hlm. 9.

⁸ Ibid. Hlm. 9-12.

⁹ Ibid. Hlm. 13-18. Mereka yang didakwa terlibat di dalam penubuhan gabungan parti-parti pembangkang ini ialah Hussin Yaakob yang dikatakan mewakili Ishak Mohamad, Kampo Radjo yang dikatakan mewakili Abdul Aziz Ishak, Tajuddin Kahar dan Hasan Adli Arshad yang dikatakan mewakili Dr Burhanuddin al-Helmy manakala mereka yang didakwa dipersetujui untuk pergi ke luar negara pula ialah Dr Burhanuddin al-Helmy, Ishak Mohamad dan Abdul Aziz Ishak. Hasan Adli Arshad walau bagaimanapun telah kemudiannya menafikan dakwaan Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani

Ekoran penyiaran pengakuan sukarela beliau ini,¹⁰ Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Februari 1965 telah segera bersepakat untuk menyesali tindakan beliau membabitkan PAS dengan perbuatan beliau yang dikatakan dilakukan tidak dengan setahu jawatankuasa kerja agung parti itu di samping untuk mengarahkan jawatankuasa politik parti itu supaya membuat satu kenyataan bagi menjelaskan betapa PAS tidak pernah pun berniat untuk membelakangi perlombagaan negara di dalam perjuangannya.¹¹

Penahanan kedua-dua orang pemimpin PAS ini ternyata memberikan kesan yang besar kepada PAS sebagaimana yang terlihat di dalam tindakan Mohd Asri Muda memperuntukkan sebahagian besar daripada ucapan dasar beliau di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-13 di Dewan Zulkiflee Muhammad, Bangunan PAS

mengenai penglibatan beliau di dalam penubuhan gabungan parti-parti pembangkang ini (Kenyataan akhbar Pemangku Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 13 Februari 1965 bertajuk "Pertemuan Di Golden Hill Hotel; Penjelasan Hasan Adli". Hlm. 1).

¹⁰ Mengikut Abdul Aziz Ishak: "Saya mengetahui daripada cerita (Raja Mohd Hanifah) bahawa (dia) terlibat secara peribadi dan bukan partinya, PAS. Dia ditangkap waktu pulang dari Tokyo, di sana dia bertemu dengan seorang ahli politik Indonesia. Dia mengaku ada menerima sejumlah wang, tetapi tidaklah sebanyak yang didakwa oleh kerajaan... (Ishak Mohamad) (juga) memberitahu saya bahawa beliau telah mengaku ada menerima wang pada masa Pilihan Raya (Umum) 1964, tetapi jumlahnya lebih kecil daripada yang dituduh oleh Special Branch ke atasnya. Pada bulan pertama mereka ditahan, (Raja Mohd Hanifah) dan Ishak Mohamad pernah bercakap melalui Radio Malaysia menerangkan kisah-kisah penglibatan mereka di atas tuduhan yang dihadapkan kepada mereka itu. Mereka berbuat serupa itu sesudah dijanjikan akan mendapat kebebasan segera sebaik sahaja mereka membuat pengakuan rasmi... tetapi ternyata ini tidak berlaku" (Abdul Aziz Ishak (1976). Tamu Istimewa: Kisah Penahanan Seorang Bekas Menteri Kabinet Di Malaysia. Singapura: Abdul Aziz Ishak. Hlm. 146-147). Tulis Abdul Aziz Ishak mengenai reaksi Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani setelah beliau dimaklumkan, pada 22 Jun 1965, mengenai perlanjutan penahanan beliau di sebalik janji pembebasan yang diberikan kepada beliau sebelumnya: "(Raja Mohd Hanifah) menjerit-jerit--mengutuk, menyumpah, menangis, melaung-laung kerajaan dengan segala macam nama yang dapat diingatinya di muka bumi ini. Kemarahananya meluap-luap, meremek dengan sekutu hatinya, dan dia tidak bergerak dari tempat tidurnya, berbaring atau berguling-guling. Belum pernah saya melihat orang marah serupa itu, marah yang begitu memuncak. Begitulah keadaannya terus-menerus selama sepuluh minit" (Ibid. Hlm. 159).

¹¹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Februari 1965. Hlm. 2. Walau bagaimanapun, tulis Abdullah Zawawi Hamzah kemudiannya: "Kesimpulan yang diberi oleh Ahli-Ahli Parlimen kita setelah melihat filem (pengakuan sukarela Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani yang ditayangkan di Parlimen pada 5 Mac 1965) itu ialah bahawa (Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani) ialah seorang pahlawan yang mempertahankan konsep PAS (dan) (dia) bukan(lah) pengkhianat (kepada) PAS" (Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada (Yang Dipertua-Yang Dipertua) PAS Cawangan bertarikh 7 Mac 1965 bertajuk "Laporan Pengakuan Politik Yang Tegas Dari Dato' Raja Mohd Hanifah, Naib Yang Dipertua Agung PAS". Hlm. 4). Tulis beliau lagi: "Filem pengakuan (Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani) itu telah menaikkan kembali semangat Ahli-Ahli

Kelantan, Kota Bharu, Kelantan, pada 20 dan 21 April 1965 untuk--selain menyingkap kembali latar belakang penentangan PAS terhadap penubuhan Malaysia, iaitu di atas kebimbangannya bahawa ia akan membahayakan kekuasaan politik bangsa Melayu¹²-- menjelaskan bahawa walaupun PAS menentang gagasan Malaysia, ia tidak sesekali bersedia untuk menggunakan cara-cara yang lain dari "cara-cara perlembagaan" dan "(cara-cara) demokrasi" di dalam menuju cita-cita politiknya.¹³ Turut signifikan di dalam ucapan dasar sulung Mohd Asri Muda ini ialah penegasan semula dasar perjuangan PAS sebelum ini, iaitu untuk "memperjuangkan cita-cita Islam dalam masyarakat dan urusan negara"¹⁴ yang dikatakan turut mewajibkan parti itu untuk "memperjuangkan ketuanan Melayu" yang dikatakan telah dizalimi oleh British dan Perikatan kerana, mengikut beliau, "kezaliman dari segi cita-cita politik Islam wajib(lah) ditentang habis-habisan".¹⁵

Parlimen kita walaupun apa yang dibuatnya itu (adalah) di luar pengetahuan Jawatankuasa (Kerja) Agung" (Ibid. Hlm. 4).

¹² Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-13 pada 20 dan 21 April 1965 (tidak bertajuk). Hlm. 8. Kenang Mohd Asri Muda: "Sewaktu dikemukakan Rang Undang-Undang Malaysia dalam Parlimen, PAS dengan tegas menyatakan bahawa.. dalam negara Malaysia nanti kekuasaan politik anak-anak bumiputera akan beransur-ansur hilang dan lenyap dengan lebihnya bilangan keturunan yang bukan dari keturunan serumpun bangsa, iaitu rumpun bangsa Melayu... Kita telah menyatakan dengan tegas dalam Dewan Rakyat akan bahaya dan kerugian yang akan menimpa kepada bangsa Melayu (akibat daripada pembentukan Malaysia) dari sudut politik".

¹³ Ibid. Hlm. 10 dan 13-14. Jelas Mohd Asri Muda: "Kita menentang Kerajaan Perikatan dalam cita-cita dan politik. Kita berazam hendak menggulingkannya, tetapi kita tidak bersedia melalui jalan lain dan kita tidak percaya kepada jalan lain melainkan jalan demokrasi. Kita yakin kepada sistem demokrasi dalam menuju cita-cita politik kita... Sebagai sebuah parti yang menjunjung tinggi perlembagaan dan undang-undang, PAS tidak menyetujui cara-cara yang lain dari cara-cara perlembagaan walaupun cita-citanya benar... PAS akan berjuang terus dengan asas-asas demokrasi menuju cita-citanya yang suci murni walaupun sampai kepada orangnya yang terakhir".

¹⁴ Ibid. Hlm. 2. Jelas Mohd Asri Muda: "Pelita perjuangan ini dinyalakan dengan api iman kepada kebenaran agama Islam, bahawa menjadi kewajipan yang mutlak bagi tiap-tiap seorang Muslim memperjuangkan supaya dirinya menjadi diri yang Muslim, masyarakatnya masyarakat yang Muslim dan negaranya negara yang Muslim. Dari pengkalan ini bahtera perjuangan PAS dilayarkan mengharungi samudera politik tanah air yang bergelora tidak henti-hentinya itu".

¹⁵ Ibid. Hlm. 3. Jelas Mohd Asri Muda: "Cita-cita Islam dalam urusan negara mengikut hukum dan kehendak agama itu sendiri menghendaki supaya pembelaan terhadap ketuanan Melayu dan tanah airnya wajib diperjuangkan sebab, baik British sebagai penjajah atau Parti Perikatan sebagai mewarisi pusakanya, kedua-duanya mempunyai politik yang sama menyalimi hak ketuanan Melayu dalam

Para perwakilan yang menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-13 ini ternyata masih bersifat *sentimental* dengan isu penubuhan Malaysia--sifat yang dimanifestasikan oleh tindakan mereka meluluskan usul wakil Dewan Pemuda PAS Pusat yang meminta supaya dewan tempat dilangsungkan mesyuarat agung tahunan itu dinamakan "Dewan Zulkiflee Muhammad" bagi mengenang jasa Zulkiflee Muhammad yang dikatakan "telah berucap dengan panjang sekali dalam sejarah Parlimen kita kerana menolak konsep pembentukan Malaysia itu",¹⁶ juga oleh tindakan mereka meluluskan usul wakil Tanah Merah yang meminta supaya mesyuarat agung tahunan itu mengutuk Kerajaan Perikatan yang dikatakan telah menyalahgunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menahan Dr Burhanuddin al-Helmy dan Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani (juga beberapa orang pemimpin PAS Kelantan yang lain).¹⁷ Pegangan Mohd Asri Muda ke atas PAS walau bagaimanapun kelihatan masih belum kukuh pada peringkat awal ini apakala para perwakilan telah, dengan suara terbanyak,¹⁸ menolak usul Jawatankuasa Kerja Agung PAS,¹⁹ yang dikemukakan oleh wakilnya, Hasan Adli Arshad, yang meminta lokasi Pejabat Agung PAS dipindahkan dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu.²⁰

negerinya. Kezaliman dari segi cita-cita politik Islam wajib ditentang habis-habisan. Dan berdasarkan inilah PAS memperjuangkan ketuanan Melayu dan kebangsaan Melayu".

¹⁶ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-13 pada 20 dan 21 April 1965. Hlm. 28-29. Usul wakil Dewan Pemuda PAS Pusat, yang disokong oleh wakil Kota Bharu, ini telah dipersetujui dengan sebulat suara oleh para perwakilan setelah Khairul Khatib selaku Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan menyatakan penerimaan Badan Perhubungan PAS Kelantan ke atasnya.

¹⁷ Ibid. Hlm. 29. Usul wakil Tanah Merah, yang disokong oleh wakil Tanjung Karang, ini telah dipersetujui dengan sebulat suara oleh para perwakilan.

¹⁸ Ibid. Hlm. 34-37. Usul yang telah diundi secara sulit ini hanya berjaya memperolehi 51 undi menyokong sahaja berbanding 73 undi membangkang walaupun Mohd Asri Muda sendiri telah sebelumnya menggesa para perwakilan menerima supaya "akan bertambah lancar jentera gerakan PAS kita ke hadapan kelak".

¹⁹ Usul untuk memindahkan Pejabat Agung PAS ini dikemukakan setelah Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Februari 1965 telah, dengan suara terbanyak (6-3), bersetuju--persetujuan yang walau bagaimanapun hanya mampu diperolehi olehnya setelah Mohd Asri Muda menggunakan undi pemutus beliau untuk menyokong cadangan yang meminta supaya soal pemindahan itu diputuskan pada masa itu juga yang memperolehi jumlah undi yang seimbang (5) dengan jumlah undi yang diperolehi oleh cadangan yang meminta supaya soal pemindahan itu ditangguhkan dahulu "sehingga keadaan agak tenang"--dengan kandungan kertas kerja Amaluddin Darus dan Abu Bakar

Mungkin sebagai satu tindak-balas kepada kesan negatif yang diperolehi oleh PAS ekoran pendedahan meluas media massa ke atas dakwaan penglibatan sebahagian daripada pemimpinnya di dalam aktiviti yang dikatakan dicetuskan oleh pegangan semangat kebangsaan Melayu mereka yang ekstrim, Jabatan Penerangan PAS Pusat telah, di antara bulan-bulan April dan Disember 1965, menerbit dan mengedarkan secara bersiri 12 risalah penerangan yang bertajuk "Kursus Politik Dan Islam" kepada cawangan PAS di seluruh negara. Apa yang bermula sebagai satu penjustifikasi kepada kewujudan sebuah parti politik Islam--kerana Islam dikatakan mewajibkan umatnya berpolitik, dan berpolitik secara Islam, selaras dengan pengakuan untuk mengabdikan diri kepada Allah yang mereka lafazkan di dalam sembahyang mereka--di dalam siri pertama risalah itu²¹ beransur-ansur menjadi satu medan untuk dengan secara tidak langsung mengkafirkkan UMNO pula apabila siri kedua risalah itu menegaskan bahawa, selain "Parti Islam", semua parti politik lain yang ada di negara ini, sama ada ia

Hamzah yang telah secara umumnya mewajarkan pemindahan itu di atas alasan untuk memberikan nafas baru kepada perjuangan PAS (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Februari 1965. Hlm. 3; dan Kertas kerja Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat, Amaluddin Darus, dan Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, bertarikh 30 Januari 1965 bertajuk "Kertas Kerja Mengenai Cadangan Pemindahan Pejabat Agung PAS Ke Kota Bharu, Kelantan". Hlm. 1-6).

²⁰ Ekoran kekalahan usul--yang dikatakan telah dibahaskan dengan "panas" oleh para perwakilan (Surat Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Baharuddin Abdul Latif, kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 22 Oktober 1965 bertajuk "Memorandum Atas Memorandum". Hlm. 1)--ini, Amaluddin Darus, yang merasakan bahawa ia telah tidak mendapat "pertahanan yang sewajarnya oleh Jawatankuasa Kerja Agung PAS sendiri", telah meletakkan jawatan beliau sebagai Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat disebabkan oleh "apa yang disifatkannya sikap kurang bijaksana dari pucuk pimpinan PAS yang mana kedudukan Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat adalah seolah-olah anak-anak sahaja di dalam pucuk pimpinan PAS". Perletakan jawatan beliau ini walau bagaimanapun telah ditolak oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat yang telah sebaliknya bersetuju untuk mengemukakan satu memorandum kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bagi menjadikan PAS "sebuah parti politik yang kuat dan berjaya" (Surat Setiausaha Dewan Pemuda PAS Pusat, Yunus Yatimi, kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 10 September 1965 bertajuk "Memorandum Dewan Pemuda PAS Pusat". Hlm. 1)).

²¹ Siaran Jabatan Penerangan PAS Pusat bertajuk "Kursus Politik Dan Islam (Perenggan Pertama)" (tidak bertarikh). Hlm. 3. Pengakuan untuk mengabdikan diri kepada Allah ini dikatakan terkandung di dalam satu doa yang wajib dilafazkan di dalam setiap rakaat sembahyang, iaitu doa yang berbunyi: "Sesungguhnya sembahyangku, dan peribadatanku, dan hidupku, dan matiku, adalah kepunyaan Allah Tuhan Seru Alam".

bercorak komunis, sosialis atau nasionalis, adalah "Parti Yang Bukan Islam" kerana ia "adalah berdasarkan faham sekularisme yang tidak mahu menjalankan ideologi Islam".²²

Setelah memuatkan seruan umum Syeikh Ahmad al-Syarabasi agar bangsa Melayu melaksanakan dengan sepenuhnya dasar-dasar Islam di negara ini,²³ juga fatwa umum Syeikh Mahmud Syaltut bahawa umat Islam yang memegang teraju pemerintahan negara yang tidak menghukum dengan hukum-hukum *qat'i* Islam sedangkan mereka benar-benar mengetahui hakikat dan kedudukan hukum-hukum *qat'i* Islam itu, juga umat Islam yang menganggap hukum-hukum *qat'i* Islam itu tidak dapat memberi keadilan dan maslahat kebaikan, adalah "kafir murtad (yang) terkeluar daripada Islam",²⁴ risalah itu telah dengan secara khususnya menyifatkan Malaysia sebagai bukan sebuah negara Islam, tetapi sebuah negara sekular, kerana perlembagaannya dikatakan tidak bercorak Islam.²⁵ Setelah menyelar "angkatan *taghut*" yang dikatakan mempermain-mainkan syari'at Islam kerana beriman dengan sebahagian sahaja daripada kandungan al-Qur'an, iaitu bahagian peribadatannya, tetapi mengeneplikan bahagian perundangannya,²⁶ risalah itu, selain menerangkan ayat-ayat al-Qur'an yang melarang umat Islam berketuakan

²² Siaran Jabatan Penerangan PAS Pusat bertarikh April 1965 bertajuk "Kursus Politik Dan Islam (Perenggan Kedua)". Hlm. 2.

²³ Siaran Jabatan Penerangan PAS Pusat bertarikh April 1965 bertajuk "Kursus Politik Dan Islam (Perenggan Kedua)". Hlm. 3. Syeikh Ahmad al-Syarabasi dikatakan merupakan "seorang ulama' yang menjadi mahaguru di Universiti al-Azhar, Mesir" manakala seruan umum beliau ini pula dikatakan terkandung di dalam "Majalah al-Azhar" keluaran September 1957.

²⁴ Siaran Jabatan Penerangan PAS Pusat bertarikh 27 April 1965 bertajuk "Kursus Politik Dan Islam (Perenggan Ketiga)". Hlm. 3-4. Syeikh Mahmud Syaltut dikatakan merupakan "Pengetua Universiti al-Azhar, Mesir" manakala fatwa umum beliau ini pula dikatakan terkandung di dalam sebuah buku beliau yang bertajuk "al-Fatawa" atau "Beberapa Fatwa".

²⁵ Siaran Jabatan Penerangan PAS Pusat bertarikh 24 Mei 1965 bertajuk "Kursus Politik Dan Islam (Perenggan Keempat)". Hlm. 1-2.

²⁶ Siaran Jabatan Penerangan PAS Pusat bertarikh 12 Jun 1965 bertajuk "Kursus Politik Dan Islam (Perenggan Kelima)". Hlm. 4.

"orang-orang kafir"²⁷ dan "orang-orang Islam yang memperkecil-kecilkan Islam",²⁸ menjelaskan pula kewajipan umat Islam menegakkan negara *baldatun tayyibatun*.²⁹

Sejurus sebelum empat siri terakhir risalah itu diterbitkan, Tengku Abdul Rahman Putra telah, di dalam Mesyuarat Tergempar Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri pada 8 Ogos 1965, menyampaikan hasrat beliau untuk menyingkirkan Singapura dari Malaysia ekoran daripada pertentangan pendapat dan perselisihan faham yang dikatakan wujud di antara kedua-dua belah pihak.³⁰ Berhadapan dengan permintaan Tengku Abdul Rahman Putra yang "beria-ia benar" meminta beliau mempelopori sokongan ke atas pengumuman perpisahan yang bakal dibuat di dalam sidang khas Dewan Rakyat pada 9 Ogos 1965 itu,³¹ Mohd Asri Muda telah mengambil kesempatan itu untuk memulangkan paku buah keras beliau kepada para pemimpin UMNO di atas tindakan mereka memperkecil-kecilkan penentangan para pemimpin PAS ke atas penubuhan Malaysia dahulu.³² Sokongan para pemimpin PAS ke atas penyingkiran ini³³-

²⁷ Siaran Jabatan Penerangan PAS Pusat bertarikh 30 Julai 1965 bertajuk "Kursus Politik Dan Islam (Perenggan Kelapan)". Hlm. 2-4.

²⁸ Siaran Jabatan Penerangan PAS Pusat bertarikh 30 Ogos 1965 bertajuk "Kursus Politik Dan Islam (Perenggan Kesembilan)". Hlm. 1-2.

²⁹ Siaran Jabatan Penerangan PAS Pusat bertarikh Disember 1965 bertajuk "Kursus Politik Dan Islam (Perenggan Kesebelas)". Hlm. 1-2.

³⁰ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13 Ogos 1965. Hlm. 2. Sewaktu mengumumkan penyingkiran Singapura--yang dikatakan "*has ceased to give even a measure of loyalty to the Central Government*"--daripada Malaysia, Tengku Abdul Rahman Putra telah menjelaskan: "*Since the formation of Malaysia, and this year in particular, there have been so many differences with the Singapore Government and these differences take many forms, many shapes and many guises...and all that gives us the most concern is the communal issue which has been brought up by the leaders of Singapore...A Malaysian Malaysia in particular suggests that the Malaysia we have now is bad and that all the advantage in Malaysia is given to one race only while depriving the other races of their rightful place in our society...*" (Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. II, No. 8, Monday, 9 August 1965. Col. 1459-1469).

³¹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13 Ogos 1965. Hlm. 3.

³² Ibid. Hlm. 3. Sewaktu berucap menyokong "The Constitution And Malaysia (Singapore Amendment) Bill" yang dikemukakan oleh Tengku Abdul Rahman Putra, Mohd Asri Muda telah menegaskan bahawa "bila saya mengkaji dengan telitinya ucapan Allahyarham Encik Zulkiflee (Muhammad) tentang percantuman dengan Singapura ini, maka terbuktilah bagaimana benarnya

-yang melenyapkan asas utama penentangan PAS ke atas penubuhan Malaysia sekaligus melenyapkan salah satu punca permusuhan di antara PAS dan UMNO³⁴--telah terpaksa diperjelaskan kepada ahli-ahli PAS di dalam satu siaran khas Pejabat Agung PAS pula bagi meredakan ketidakpuasan hati sebahagian daripada mereka terhadap sokongan ini.³⁵

pandangan yang diberi oleh beliau, ertinya pandangan yang diberikan oleh pihak PAS, tentang soal bahaya-bahaya yang akan timbul dari keadaan dan tujuan percantuman dengan Singapura dalam Malaysia" (Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. II, No. 8, Monday, 9 August 1965. Col. 1482-1492). Turut berucap menyokong rang undang-undang ini ialah Abu Bakar Hamzah (Ibid. Vol. II, No. 8, Monday, 9 August 1965. Col. 1510-1516).

³³ Kesemua 8 orang Ahli Dewan Rakyat PAS--kecuali Mohd Asri Muda sendiri yang namanya langsung tidak tercatat di dalam rekod pengundian--telah mengundi menyokong "The Constitution And Malaysia (Singapore Amendment) Bill" setelah ia dikemukakan untuk diundi (Ibid. Vol. II, No. 8, Monday, 9 August 1965. Col. 1518-1522). Di dalam Dewan Negara pula, Amaluddin Darus, walaupun turut menyatakan bahawa "Singapura adalah hak orang Melayu, kerana itu paling dukacita perpisahan ini berlaku kerana ianya bererti memisahkan Melayu dengan Melayu yang tidak patut dibuat oleh Melayu" (Parliamentary Debates. Dewan Negara. Official Report. Second Session of the Second Dewan Negara, Vol. II, No. 5, Monday, 9 August 1965. Col. 624-627), telah turut mengundi menyokong rang undang-undang ini setelah ia dikemukakan untuk diundi (Ibid. Second Session of the Second Dewan Negara. Vol. II, No. 5, Monday, 9 August 1965. Col. 647-650). Walaupun begitu, Mohd Taha Kalu telah kemudiannya mencadangkan supaya PAS mengemukakan usul undi tidak percaya kepada Kerajaan Perikatan di atas tindakannya menyingkirkan Singapura dari Malaysia--cadangan yang walau bagaimanapun telah tidak mendapat sambutan daripada 7 Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS lain yang menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13 Ogos 1965 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13 Ogos 1965. Hlm. 3) manakala Dewan Pemuda PAS Pusat pula telah mendesak Jawatankuasa Kerja Agung PAS supaya menyusun semula Jawatankuasa Politik PAS yang dikehendaki "sentiasa bersidang (bagi) membincangkan perkara-perkara yang timbul di dalam dan di luar tanah air dan keputusannya hendaklah dijalankan atau dibawa untuk mendapat persetujuan sepenuhnya oleh Jawatankuasa Kerja Agung PAS" (Surat Setiausaha Dewan Pemuda PAS Pusat, Yunus Yatimi, kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 10 September 1965 bertajuk "Memorandum Dewan Pemuda PAS Pusat". Hlm. 1)--desakan yang turut disokong oleh Baharuddin Abdul Latif yang, selain mengingatkan bahawa "memutuskan suatu masalah besar secara bersendirian dapat menimbulkan bahaya dan kerosakan besar kepada moral dan masa hadapan parti", menyatakan bahawa "soal-soal seperti pemisahan Singapura...adalah di antara masalah-masalah yang Jawatankuasa Politik tidak dapat melepaskannya begitu sahaja" (Surat Baharuddin Abdul Latif kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 22 Oktober 1965 bertajuk "Memorandum Atas Memorandum". Hlm. 2).

³⁴ Sama ada dipengaruhi oleh semangat yang terkandung di dalam sokongan para pemimpin PAS ke atas penyingkirkan Singapura dari Malaysia ataupun tidak, siri terakhir risalah "Kursus Politik Dan Islam" telah dengan secara *ironic*nya diakhiri dengan kritikan pengarangnya ke atas kenyataan Tengku Abdul Rahman Putra untuk "bertolak-ansur mengenai masalah bahasa yang ditimbulkan oleh orang-orang yang bukan Melayu" (Siaran Jabatan Penerangan PAS Pusat bertarikh 31 Disember 1965 bertajuk "Kursus Politik Dan Islam (Perenggan Kedua Belas)". Hlm. 4).

³⁵ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 Oktober 1965. Hlm. 4; dan Siaran Khas Pejabat Agung PAS bertarikh 23 Oktober 1965 bertajuk "Kenapa PAS Menyokong Pemisahan Singapura Dari Persekutuan Malaysia?". Hlm. 1-7. Siaran Khas Pejabat Agung PAS ini telah di antara lainnya menjawab dakwaan bahawa "PAS telah menjadi penyokong Perikatan" dengan menyatakan bahawa "pada zahirnya nampaklah begitu, tetapi pada hakikatnya tidak", menjawab dakwaan bahawa "PAS telah bersubahat dengan Perikatan melepas dan menyerahkan Singapura ke tangan bangsa asing", dengan menyatakan bahawa "pada zahirnya nampaklah begitu, tetapi Singapura sebagai (satu) unit dalam Malaysia pun begitu juga keadaannya" dan menjawab soalan mengenai "mengapa PAS tidak berkecuali (di dalam soal penyingkirkan Singapura dari Malaysia)" dengan menyatakan bahawa "ada

Mengukuhkan Kedudukan Di Peringkat Negeri

Sewaktu Mohd Asri Muda dilantik memangku jawatan Yang Dipertua Agung PAS pada 29 Januari 1965, beberapa perubahan telah pun berlaku di dalam kepimpinan Badan Perhubungan PAS Kelantan mahupun Kerajaan Kelantan. Di peringkat parti, Mohd Asri Muda sendiri telah, sejak 8 Januari 1962, tidak lagi memegang jawatan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan tatkala Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada tarikh itu melantik Khairul Khatib menggantikan tempat beliau³⁶ yang telah dipilih untuk memegang jawatan Naib Yang Dipertua Agung PAS di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 sebelumnya.³⁷ Di peringkat kerajaan pula, beliau telah, sejak 10 Mei 1964, memegang jawatan Menteri Besar Kelantan³⁸ menggantikan tempat Ishak Lotfi Omar yang, pada tarikh yang sama, dilantik menjadi Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan tatkala Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 3 Mei 1964 telah membentuk kabinet baru Kerajaan Kelantan³⁹ ekoran kejayaan PAS menguasai 21 daripada 30 kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan di

falsafah yang menyatakan bahawa orang yang berkecuali itu ialah orang yang salah kerana ia memandang sama antara yang benar dan yang salah" (Ibid. Hlm. 6).

³⁶ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 8 dan 14 Januari 1962. Hlm. 3. Selain daripada menjadi Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Khairul Khatib telah turut dilantik menjadi Setiausaha Politik Kepada Menteri Besar Kelantan setelah jawatan itu mula diwujudkan selepas berakhirnya Pilihan Raya Umum 1964 (Laporan Tahunan Badan Perhubungan PAS Kelantan 1963/1964. Hlm. 1). Khairul Khatib kekal memegang jawatan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan melalui perlantikan semula beliau oleh Mesyuarat-Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 Ogos 1964 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 Ogos 1964. Hlm. 2) dan pada 14 Ogos 1966 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Ogos 1966. Hlm. 2) sehingga beliau digantikan oleh Mohd Noor Yusoff yang telah dilantik untuk mengambil alih jawatan ini di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 April 1968 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 April 1968. Hlm. 2).

³⁷ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 pada 5 dan 6 Januari 1962. Hlm. 17.

³⁸ Kelantan Government Gazette, 30 July 1964, No. 163.

³⁹ Minit Mesyuarat Bersama Ahli-Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan Dengan Ahli-Ahli Dewan (Undangan) Negeri (PAS) Kelantan pada 3 Mei 1964. Hlm. 1.

dalam Pilihan Raya Umum 1964.⁴⁰ Turut bertukar ialah penjawat jawatan Timbalan Menteri Besar Kelantan⁴¹ yang kini disandang oleh Nik Abdul Rahman Nik Mohamad.⁴²

Kematian Zulkiflee Muhammad yang sebelum ini adalah perancang, penasihat dan penyatu Badan Perhubungan PAS Kelantan dan Kerajaan Kelantan, ditambah oleh kemerosotan pengaruh PAS di negeri itu yang dimanifestasikan oleh kegalannya mempertahankan 7 daripada 28 kerusi dewan undangan negeri yang dimenanginya di dalam Pilihan Raya Umum 1959,⁴³ juga oleh penurunan jumlah undi majoriti di kerusi-kerusi yang dimenangi oleh calon-calonnya di dalam Pilihan Raya Umum 1964--penurunan yang terus berlaku di dalam Pilihan Raya Kecil Dewan Rakyat Bachok pada 27 Jun 1964⁴⁴ dan di dalam Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Tumpat Tengah

⁴⁰ Penyata Pilihan Raya-Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) dan Dewan-Dewan Negeri, Tahun 1964, bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu. Hlm. 31.

⁴¹ Penyandang jawatan Timbalan Menteri Besar Kelantan sebelum ini, iaitu Mohamad Nasir, telah gagal mengekalkan kerusi Machang Utara yang beliau menangi di dalam Pilihan Raya Umum 1959 apabila beliau dikalahkan dengan majoriti 133 undi oleh calon Perikatan, Che Mohyiddin @ Che Kadir Che Tengah, di dalam Pilihan Raya Umum 1964 ini (Penyata Pilihan Raya-Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) dan Dewan-Dewan Negeri, Tahun 1964, bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu. Hlm. 82). Ekoran kekalahan ini, beliau, yang telah kemudiannya dilantik menjadi Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Kelantan, memilih untuk "meletakkan semua jawatan (beliau) dalam PAS dan bersara dari politik (mulai 1 Julai 1964)" (Surat Mohamad Nasir kepada Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, bertarikh 10 Julai 1964 bertajuk "Bersara Dari Politik". Hlm. 1).

⁴² Kelantan Government Gazette, 30 July 1964, No. 163. Selain Mohd Asri Muda dari Kota Bharu Tengah dan Nik Abdul Rahman Nik Mohamad dari Meranti yang telah masing-masingnya dipilih untuk memegang jawatan Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besar Kelantan, Ahmad Yatim dari Rantau Panjang, Mohd Amin Yaakob dari Bachok Tengah, Abdullah Ahmad dari Kota Bharu Utara, Abdul Rahman Mohd Salleh dari Pasir Puteh Tenggara, Yusoff Abdul Latiff dari Tanah Merah Barat, Shafei Ahmad dari Bachok Utara dan Omar Awang dari Bandar Pasir Mas juga telah turut dipilih sebagai Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.

⁴³ Penyata Pilihan Raya-Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) dan Dewan-Dewan Negeri, Tahun 1964, bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu. Hlm. 76, 77, 79 dan 82-83).

⁴⁴ Berbanding kemenangan dengan majoriti 10,119 dan 4,381 undi Zulkiflee Muhammad di dalam Pilihan Raya-Pilihan Raya Umum 1959 dan 1964, calon PAS di dalam Pilihan Raya Kecil Dewan Rakyat Bachok ini, iaitu Abu Bakar Hamzah, sekadar menang dengan majoriti 3,239 undi sahaja apabila beliau telah memperolehi 11,900 undi berbanding 8,661 undi yang telah diperolehi oleh calon Perikatan, iaitu Abdul Ghani Sulaiman (Federal Government Gazette, 23 July 1964, No. 2925).

pada 10 Oktober 1964⁴⁵--walau bagaimanapun telah menghadapkan Mohd Asri Muda dengan tanggungjawab yang berat untuk mengekalkan keutuhan PAS di Kelantan. Satu langkah berani yang telah diambil oleh beliau di dalam mengemudi Kerajaan Kelantan ialah menjalinkan kerjasama yang lebih erat dengan Kerajaan Persekutuan,⁴⁶ langkah yang dimulai oleh kunjungan peribadi beliau ke kediaman Abdul Razak Hussein untuk di antara lainnya mempelawa Timbalan Perdana Menteri Malaysia itu melawat Kelantan--pelawaan yang terus ditunaikan oleh Abdul Razak Hussein pada 5 November 1964.⁴⁷

Di sebalik kegembiraan Mohd Asri Muda⁴⁸ di atas kejayaan perundingan di antara beliau dan Abdul Razak Hussein pada 5 November 1964,⁴⁹ langkah berunding dan

⁴⁵ Berbanding kemenangan dengan majoriti 53 undi Mustapha Awang di dalam Pilihan Raya Umum 1959 dan berbanding kekalahan dengan majoriti 1,269 undi Abdul Rahman Harun di dalam Pilihan Raya Umum 1964, calon PAS di dalam Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Tumpat Tengah ini, iaitu Ismail Diah, telah kalah dengan majoriti 1,743 undi apabila beliau sekadar memperolehi 2,744 undi berbanding 4,487 undi yang diperolehi oleh calon Perikatan, iaitu Che Lat Kassim (Kelantan Government Gazette, 27 August 1964, No. 187; dan Kelantan Government Gazette, 5 November 1964, No. 240).

⁴⁶ Dr Burhanuddin al-Helmy sendiri telah, di dalam ucapan dasar beliau pada Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-12 pada 22 dan 23 Ogos 1964, sebenarnya merestui langkah Kerajaan Kelantan menjalinkan kerjasama yang lebih erat dengan Kerajaan Persekutuan ini dengan menyatakan: "Perkara bekerjasama dengan Kerajaan Pusat ini telah berkali-kali disebutkan, bahkan telah diamalkan dan akan terus diamalkan. Kalau sekarang sudah dapat titik kerjasama antara Kerajaan PAS Kelantan dengan Kerajaan Pusat, maka memanglah sikap Kerajaan PAS Kelantan itu dari mula lagi tidak berniat hendak bermusuuh dengan Kerajaan Pusat". Jelas beliau lagi: "Keinginan PAS ialah untuk memelihara negeri Kelantan itu sebagai satu-satunya negeri Melayu di Persekutuan ini. Negeri Kelantan itu masih belum banyak ternoda atau dinodai oleh gara-gara kebangsaan asing. Ketulenan kebangsaan Melayu negeri Kelantan masih boleh dipelihara dan dipupuk sebaik-baiknya. Menurut PAS, Kelantan itu masih boleh merupakan satu teras kenegerian kebangsaan Melayu yang berisi dengan unsur-unsur keislaman yang kuat. Inilah yang wajib dipelihara bersama oleh segenap bangsa Melayu dan umat Islam di negeri ini" (Teks ucapan dasar Dr Burhanuddin al-Helmy di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-12 pada 22 dan 23 Ogos 1964 (tidak bertajuk). Hlm. 9).

⁴⁷ Minit Perjumpaan Ahli-Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan Dengan Ahli-Ahli Dewan (Undangan) Negeri Dan (Ahli-Ahli) Parliment (PAS) Kelantan pada 13 November 1964. Hlm. 2. Walaupun begitu, adalah diragui bahawa lawatan Abdul Razak Hussein ke Kelantan ini adalah semata-mata untuk menunaikan pelawaan Mohd Asri Muda memandangkan perundingan di antara mereka berdua pada 5 November 1964 sebenarnya hanyalah merupakan salah satu daripada berbagai-bagai agenda lawatan beliau yang memakan masa selama empat hari, iaitu 5, 6, 7 dan 8 November 1964, ini.

⁴⁸ Ibid. Hlm. 2. Mengikut Mohd Asri Muda: "Apa yang berlaku pada hari (itu) adalah di luar dugaan sama sekali kerana perundingan yang dijangka (akan mengambil masa selama) 3 jam itu (mampu) diselesaikan dalam tempoh (selama) sejam sahaja". Beliau juga turut menyebutkan komen akhbar Nanyang Siang Pau yang menyifatkan beliau sebagai "seorang ahli sihir yang pandai", juga komen

Di sebalik penegasan Mohd Asri Muda, di dalam perjumpaan di antara Ahli-Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan dan Wakil-Wakil Rakyat PAS Kelantan pada 13 November 1964, bahawa langkah berunding itu adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan parti dan kerajaan di dalam menghadapi keadaan yang dikatakan "sedang genting",⁵³ Mohd Noor Yusoff khususnya masih menyifatkan lawatan Abdul Razak Hussein sebagai "lawatan yang membawa gula beracun",⁵⁴ manakala Amaluddin Darus dan Ahmad Yatim, selain mengkritik tindakan Mohd Asri Muda yang hanya meminta pendapat setelah perundingan itu berlalu, telah pergi lebih jauh lagi dengan meratapi keretakan dan kelemahan disiplin yang dikatakan mula berlaku di dalam pimpinan parti di negeri itu.⁵⁵

dalam negeri masing-masing tidak memperkenankan, bahkan, kalau boleh, mengharamkan, jualan loteri kebajikan masyarakat itu di dalam negeri-negeri Baginda" (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 pada 5 dan 6 Januari 1962. Hlm. 20).

⁵² Minit Perjumpaan Ahli-Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan Dengan Ahli-Ahli Dewan (Undangan) Negeri Dan (Ahli-Ahli) Parliment (PAS) Kelantan pada 13 November 1964. Hlm. 6. Penjelasan Mohd Asri Muda mengenai kehalalan bantuan kewangan yang berpunca dari hasil loteri setelah ia dikatakan disatukan ke dalam kumpulan hasil-mahsul negara telah tidak diterima sepenuhnya oleh Harun Suhung yang menyatakan bahawa wang loteri itu tetap haram tetapi, apabila ia disatukan ke dalam kumpulan hasil-mahsul negara, ia akan menjadi wang *syubhat* yang makruh digunakan untuk membina surau dan masjid, juga oleh Mohd Fakhruddin Abdullah yang menyuarakan kebimbangan beliau bahawa PAS akan kehilangan pegangan sekiranya Kerajaan Persekutuan memungkiri persetujuan untuk memberikan bantuan kewangan itu. Hussain Rahimi Saman pula, walaupun berpendapat bahawa wang loteri itu harus digunakan untuk membina surau dan masjid setelah ia disatukan ke dalam kumpulan hasil-mahsul negara, tetap mengingatkan para pemimpin PAS untuk menentang pada bila-bila masa pun sekiranya Kerajaan Persekutuan hendak meneruskan aktiviti penjualan loteri itu (Ibid. Hlm. 6). Sewaktu melaporkan tentang lawatan yang dikatakan "telah menimbulkan salah faham, hatta dari orang-orang PAS sendiri" ini di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 November 1964 pula, Mohd Asri Muda--yang telah dihadapkan dengan pertanyaan daripada Mohd Daud Abdul Samad mengenai sama ada Kerajaan Kelantan telah merujukkan soal penerimaan bantuan kewangan yang berpunca dari hasil loteri itu kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS, juga dengan penegasan Dr Burhanuddin al-Helmy mengenai keputusan Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang "menganggap loteri itu haram dan segala bantuan atas nama loteri itu tidaklah kita terima"--telah terpaksa mencadangkan sendiri usul, yang kemudian diterima olehnya, supaya mesyuarat itu "menerima langkah dan cara-cara yang dijalankan oleh Kerajaan PAS Kelantan sekarang ini", selain telah turut menjanjikan untuk menanyakan di dalam Dewan Rakyat mengenai "kenapa mesti diteruskan loteri" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 November 1964. Hlm. 2-10).

⁵³ Minit Perjumpaan Ahli-Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan Dengan Ahli-Ahli Dewan (Undangan) Negeri Dan (Ahli-Ahli) Parliment (PAS) Kelantan pada 13 November 1964. Hlm. 4.

⁵⁴ Ibid. Hlm. 5.

⁵⁵ Ibid. Hlm. 7. Gesa Amaluddin Darus: "Patutlah disedari bahawa kita sekarang mulai retak, seperti keadaan orang-orang kafir di zaman Rasulullah yang kelihatan mesra di luar tetapi pecah di dalam, (dan) perkara ini perlu segera diperbaiki sebab tidak ada gunanya kita berselisih sesama kita". Keluh Ahmad Yatim pula: "Sebagai Timbalan Pesuruhjaya, saya merasa dukacita melihatkan perkembangan

hasil-hasil perundingan itu sendiri⁵⁰--khususnya sikap Kerajaan Kelantan untuk mula menerima bantuan kewangan yang berpunca dari hasil loteri, yang kini dikatakan telah disatukan ke dalam kumpulan hasil-mahsul negara, untuk membina masjid dan surau di negeri itu⁵¹--telah disenangi oleh sebahagian daripada pemimpin PAS Kelantan.⁵²

akbar Merdeka yang menyifatkan beliau sebagai "seekor belut", untuk menggambarkan kejayaan perundingan ini (Ibid. Hlm. 4).

⁴⁹ Di dalam perundingan ini, turut menyertai Mohd Asri Muda di pihak Kerajaan Kelantan ialah Timbalan Menteri Besar Kelantan, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Negeri, Jurutera Negeri, Pegawai Pembangunan Negeri, Pegawai Jabatan Haiwan Negeri, Setiausaha Lembaga Kemajuan Tanah Negeri, Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri, Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri dan Setiausaha Politik Kepada Menteri Besar Kelantan manaka turut menyertai Abdul Razak Hussein di pihak Kerajaan Persekutuan ialah Ketua Perancang Pembangunan Luar Bandar, Setiausaha Kementerian Luar Bandar, Timbalan Setiausaha Pelajaran Dewasa, Pengerusi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Pengarah Jabatan Kerja Raya, Pengarah Perkhidmatan Haiwan, wakil Perbendaharaan dan Setiausaha Politik Kepada Timbalan Perdana Menteri (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 November 1964. Hlm. 2-3).

⁵⁰ Perundingan ini adalah berkisar di sebalik tiga permintaan Kerajaan Kelantan terhadap Kerajaan Persekutuan--iaitu supaya Kerajaan Persekutuan meningkatkan jumlah bantuan tahunan yang diperuntukkan kepada Kerajaan Kelantan oleh Perlembagaan Persekutuan, supaya ia menyiapkan pembinaan jalan-jalan raya yang terbengkalai di samping membina lebih banyak jalan-jalan raya yang baru di negeri itu dan supaya ia membiayai perbelanjaan untuk menyelenggarakan dua buah rancangan parit dan tali air yang dibina oleh Kerajaan Kelantan--tetapi juga turut berkisar di sebalik pernyataan kesediaan Kerajaan Kelantan untuk menerima bantuan kewangan untuk membina masjid dan surau di negeri itu sekiranya ia disalurkan melalui Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Negeri dan kesediaannya untuk menerima skim rancangan tanah yang dianjurkan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan sekiranya Kerajaan Persekutuan boleh bertolak-ansur mengenai syarat-syarat yang dikenakan ke atasnya (Minit Perjumpaan Ahli-Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan Dengan Ahli-Ahli Dewan (Undangan) Negeri Dan (Ahli-Ahli) Parlimen (PAS) Kelantan pada 13 November 1964. Hlm. 2-4).

⁵¹ Ibid. Hlm. 3. Kesediaan Kerajaan Kelantan untuk mula menerima bantuan kewangan yang berpunca dari hasil loteri ini adalah agak mengejutkan juga memandangkan Mohd Asri Muda sendiri telah, pada 26 November 1959, mengemukakan satu usul, yang walau bagaimanapun dikalahkan kemudianya (Dewan Rakyat. Undi-Undi Dan Perjalanan Mesyuarat. Penggal Pertama. Jil. I, Bil. 16, Hari Isnin, 14 Disember 1959, dlm. Federation of Malaya Parliament. Dewan Rakyat. Votes and Proceedings. First Session. September 1959 to February 1960. Vol. I. Hlm. 112), yang berbunyi "iaitu Majlis ini memutuskan bahawa Loteri Kebajikan Masyarakat itu dihentikan" (Ibid. Jil. I, Bil. 4, Hari Khamis, 26 November 1959, dlm. Federation of Malaya Parliament. Dewan Rakyat. Votes and Proceedings. First Session. September 1959 to February 1960. Vol. I. Hlm. 41); memandangkan enam orang Ahli Dewan Rakyat PAS, iaitu Dr Burhanuddin al-Helmy, Hussain Rahimi Saman, Othman Abdullah, Mohd Asri Muda, Khadijah Mohd Sidek dan Ahmad Abdullah, juga telah berucap membangkang "The Social and Welfare Services Lotteries Bill" yang dikemukakan oleh Menteri Kesihatan dan Kebajikan Sosial, Ong Yoke Lin, pada 30 April 1962 (Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. IV, No. 4, Monday, 30 April 1962. Col. 568-575 dan 586-588; dan Ibid. Vol. IV, No. 5, Tuesday, 1 May 1962. Col. 599-603, 609-612, 612-614, 614-617 dan 620-621); dan memandangkan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 pada 5 dan 6 Januari 1962 telah meluluskan satu usul yang berbunyi: "Bahawa Mesyuarat Agung PAS yang bersidang pada hari ini telah mengambil keputusan bersetuju menyembah Ke Bawah Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu dan Gabenor-Gabenor Negeri Melayu, terutamanya kepada Baginda-Baginda yang berkenaan, atas pendapat mufti-mufti mereka yang telah memutuskan bahawa loteri kebajikan masyarakat itu adalah judi dan mengharamkan penggunaan hasil-hasil pendapatan loteri seperti itu bagi membina masjid-masjid, surau-surau dan madrasah-madrasah, supaya apalah kiranya Duli-Duli Yang Maha Mulia itu sebagai ketua-ketua agama

Hanya dua bulan setelah Mohd Asri Muda dilantik memangku jawatan Yang Dipertua Agung PAS, masalah keretakan dan kelemahan disiplin di dalam pimpinan PAS Kelantan yang diperkatakan oleh Amaluddin Darus dan Ahmad Yatim ini mula menunjukkan bahangnya tatkala akhbar Utusan Melayu bertarikh 5 April 1965--yang memetik keterangan seorang "pegawai tertinggi PAS"--melaporkan bahawa PAS Kelantan sedang menghadapi suatu persengketaan tegang yang menyebabkan PAS negeri itu telah terbahagi kepada dua golongan yang bertentangan untuk merebut kuasa, dengan salah satu daripadanya dikatakan sedang berusaha untuk menggulingkan Khairul Khatib dari jawatan beliau sebagai Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan dan menggantikan tempat beliau itu dengan Ahmad Yatim.⁵⁶ Di sebalik penafian Khairul

parti sekarang ini... Sekarang kita sudah ada wakil-wakil rakyat dan nampaknya cawangan-cawangan kita bergantung kepada mereka di dalam menjalankan gerakan, sedangkan didapati banyak wakil-wakil rakyat tidak patuh kepada arahan-arahan parti". Sementara itu, di peringkat Pusat pula, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 28 Disember 1964 telah, setelah dimaklumkan oleh Baharuddin Abdul Latif mengenai "keadaan wakil-wakil PAS dalam Dewan Rakyat sekarang" yang dikatakan "tidak kuat berpadu seperti dahulu"--makluman yang diakui oleh Ahmad Abdullah--dan setelah digesa oleh Hasan Adli Arshad supaya "(meng)usahakan wujudnya perpaduan dan persefahaman di dalam Parlimen...(kerana) rakyat, khususnya ahli-ahli kita, sangat mengharapkan untuk mendengar sesuatu yang bernes dan tegas dari Ahli-Ahli Parlimen kita itu", membentuk sebuah jawatankuasa bertindak politik bagi "menghadapi dan memutuskan sikap dan tindakan terhadap perkara-perkara politik yang berlaku sekarang, (tetapi) bukan yang mengenai sikap dan dasar perjuangan PAS yang mesti diputuskan oleh Jawatankuasa Kerja Agung atau langsung oleh Mesyuarat Agung (PAS)" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 28 Disember 1964. Hlm. 3-4).

⁵⁶ "Sengketa tambah hebat: PAS Kelantan terbahagi kepada dua golongan berebut kuasa, satu pihak sedang berusaha untuk menggulingkan pesuruhjayanya", dlm. Utusan Melayu, 5 April 1965. PAS Kelantan juga menghadapi masalah kelemahan disiplin sebahagian daripada pemimpinnya--masalah yang dimanifestasikan oleh keputusan perjumpaan di antara Ahli-Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan dan Wakil-Wakil Rakyat PAS Kelantan pada 5 April 1965 memberikan tempoh dua bulan kepada PAS Pasir Mas dan PAS Kota Bharu untuk memperbaiki keadaan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Tendong dan Kota Bharu Selatan, iaitu Che Hassan Ismail dan Ishak Lotfi Omar, yang dikatakan "tidak pernah hadir dalam mesyuarat-mesyuarat yang dianjurkan oleh parti" dan "langsung tidak memberikan perhatian kepada soal-soal kepartian" masing-masingnya (Minit Perjumpaan Ahli-Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan Dengan Ahli-Ahli Dewan (Undangan) Negeri Dan Ahli-Ahli Parlimen (PAS) Kelantan pada 5 April 1965. Hlm. 3), juga oleh permohonan keluar parti yang dikemukakan oleh seorang Ahli Dewan Undangan Negeri PAS Kelantan, iaitu Saufi Idris, pada 28 April 1965 yang diperkenankan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 4 Mei 1965 (Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya (Badan Perhubungan PAS Negeri), Pengurus Tetap dan Pegawai-Pegawai Penerangan PAS bertarikh 5 Mei 1965 bertajuk "Permohonan Berhenti Dari YB Encik Saufi Idris". Hlm. 1; "Wakil rakyat yang dibebaskan dari tahanan keluar dari PAS", dlm. Utusan Melayu, 6 Mei 1965; dan Kenyataan akhbar Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Khairul Khatib, bertarikh 10 Mei 1965 bertajuk "Keberhentian Encik Saufi Idris Sebagai Ahli PAS". Hlm. 1).

Khatib ke atas kebenaran laporan itu,⁵⁷ PAS Machang, yang diketuai oleh Mohd Noor Yusoff, telah benar-benar menulis sepucuk surat kepada Pejabat Agung PAS meminta supaya beliau ditukarkan dari jawatan itu, tetapi Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 Mei 1965 sekadar memutus untuk membincangkan perkara ini setelah berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-16 pada tahun yang berikutnya.⁵⁸

Selang enam bulan setelah ia menyiar laporan mengenai percubaan untuk menggulingkan Khadir Khatib ini, akhbar Utusan Melayu telah menyiar pula satu laporan mengenai percubaan "sebilangan besar pemimpin PAS Kelantan" untuk menggulingkan Mohd Asri Muda dari jawatan beliau sebagai Pemangku Yang Dipertua Agung PAS⁵⁹ dan untuk menggantikan tempat beliau dengan "seorang yang tidak terikat dengan sebarang golongan"--sekaligus untuk membersihkan parti itu dari kekotoran yang dikatakan diakibatkan oleh beberapa penyelewengan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin PAS di Kelantan--disebabkan beliau dikatakan telah dikuasai oleh segolongan kecil pemimpin PAS yang berjuang untuk "merebut kekayaan dan pangkat semata-mata".⁶⁰ Setelah membincangkan penyiaran laporan ini di dalam mesyuaratnya pada 18

⁵⁷ "Sengketa tambah hebat: PAS Kelantan terbahagi kepada dua golongan berebut kuasa, satu pihak sedang berusaha untuk menggulingkan pesuruhjayanya", dlm. Utusan Melayu, 5 April 1965.

⁵⁸ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 Mei 1965. Hlm. 4-5; dan Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Setiausaha PAS Machang, Wan Abdullah Wan Ahmad, bertarikh 24 Mei 1965 bertajuk "Pesuruhjaya PAS Kelantan". Hlm. 1.

⁵⁹ Di sekitar tempoh ini, Wan Mustapha Ali dan Baharuddin Abdul Latif juga telah masing-masingnya menyatakan--dengan secara umum-bahawa "memandang kepada perjalanan PAS hari ini, kita tidak mempunyai harapan untuk menjadi sebuah parti yang ulung di dalam negeri ini...kecuali pemimpin-pemimpin kita bersedia untuk menjadi lebih aktif dan progresif" (Surat Pemangku Naib Yang Dipertua Agung PAS, Wan Mustapha Ali, kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 3 Oktober 1965 bertajuk "Siaran Sokong Seeni". Hlm. 4) dan bahawa "PAS kita sekarang sedang beransur-ansur kehilangan tenaga dinamismenya sebagai sebuah parti politik..." (Surat Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Baharuddin Abdul Latif, kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 22 Oktober 1965 bertajuk "Memorandum Atas Memorandum". Hlm. 2).

⁶⁰ "Gerakan pembersihan PAS", dlm. Utusan Melayu, 15 Oktober 1965. Pemangku Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, telah kemudiannya manafikan kebenaran berita ini dengan menyatakan bahawa "tidak ada tokoh-tokoh besar PAS yang ada pada masa ini, sepanjang yang saya tahu, boleh menggantikan pucuk pimpinan itu" ("Hasan Adli mengenai rancangan guling Asri", dlm.

Oktober 1965, Badan Perhubungan PAS Kelantan, walaupun "cenderung untuk beranggapan bahawa perkara itu memang ada", sekadar memutuskan untuk "menunggu dan melihat perkembangan daripada Mesyuarat Jawatankuasa (Kerja) Agung PAS" sebelum mengambil sebarang tindakan.⁶¹ Walaupun begitu, isu ini gagal dibincangkan oleh Jawatankuasa Kerja Agung PAS⁶² menyebabkan ia hilang lenyap begitu sahaja.⁶³

Utusan Melayu, 23 Oktober 1965). Kenyataan beliau ini walau bagaimanapun amat tidak disenangi oleh Wan Mustapha Ali yang menyatakan bahawa "(ekoran penyiaran kenyataan ini) maka semestinya lah masyarakat seluruhnya akan menganggap bahawa semua pemimpin PAS di dalam Tanah Melayu ini (selain Mohd Asri Muda)... adalah tidak mampu memimpin, apa lagi untuk menjadi pucuk pemimpin... Kalau lahir itu pendapat parti, maka tiadalah guna saya membuang masa sehingga merosakkan mata pencarian saya sebagai seorang peguam..." (Surat Pernangku Naib Yang Dipertua Agung PAS, Wan Mustapha Ali, kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 31 Oktober 1965 bertajuk "Kenyataan Tuan Haji Hasan Adli Utusan Melayu 23 Oktober 1965". Hlm. 1).

⁶¹ Surat Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, kepada Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Khairul Khatib, bertarikh 20 Oktober 1965 bertajuk "Keputusan (Mesyuarat Badan) Perhubungan (PAS Kelantan) Pada 18 Oktober 1965 Mengenai Berita Utusan Melayu 15 Oktober 1965". Hlm. 2. Sewaktu diminta memberikan pendapat mereka mengenai perkara ini, Amaluddin Darus dan Wan Mustapha Ali telah masing-masingnya menyatakan bahawa "berita itu ada kebenarannya" (Surat Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat, Amaluddin Darus, kepada Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, bertarikh 16 November 1965 bertajuk "Berita Utusan Melayu 15 Oktober 1965 Mengenai Gerakan Pembersihan Di Dalam PAS". Hlm. 1) dan bahawa "sememangnya ada sedikit sebanyak kebenaran di dalam berita tersebut" (Surat Pemangku Naib Yang Dipertua Agung PAS, Wan Mustapha Ali, kepada Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, bertarikh 23 November 1965 bertajuk "Berita Utusan Melayu 15 Oktober 1965 Mengenai Gerakan Pembersihan Di Dalam PAS". Hlm. 1). Tambah Wan Mustapha Ali lagi: "Tidaklah mustahak bagi saya menyebut peristiwa-peristiwa di mana keputusan-keputusan telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin PAS berlawanan dengan dasar PAS sendiri, tapi sesungguhnya langkah seumpama ini akan mencerminkan betapa tidak terurnya urusan pentadbiran yang dibuat oleh pihak pucuk pemimpin parti. Tegasnya, mereka boleh membuat sesuatu dengan kehendak dan keputusan diri sendiri sahaja..." (Ibid. Hlm. 1).

⁶² Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 Oktober 1965. Hlm. 1-2 dan 6; Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 9 Januari 1966. Hlm. 1 dan 2-3; Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Agung PAS pada 2 Februari 1966. Hlm. 1 dan 2; Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 15 Mei 1966. Hlm. 1 dan 2-3; dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 20 Jun 1966. Hlm. 1 dan 2-3.

⁶³ Amaluddin Darus walau bagaimanapun telah kemudiannya meminta Abdullah Zawawi Hamzah membincangkan, di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS, mengenai isu "pertentangan dalam diam" yang dikatakan berlaku di antara para pemimpin PAS Pusat, juga di antara para pemimpin PAS Kelantan, isu "perebutan kebendaan" yang dikatakan menjadi-jadi hingga menimbulkan blok-blok (di mana) orang-orang yang patut dihukum telah tidak dihukum, sebaliknya kasih keluarga mengatasi kebenaran" dan isu "(kewujudan) banyak perkara (yang) dilakukan di luar badan rasmi parti" (Surat Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat, Amaluddin Darus, kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 1 Mei 1966 (tidak bertajuk). Hlm. 1), tetapi Abdullah Zawawi Hamzah sebaliknya sekadar menasihatkan Amaluddin Darus supaya "dalam kita mulai meniti untuk mengisi sesudut dari rancangan kita, janganlah hendaknya kita mencari sangat-sangat kesalahan tokoh-tokoh dengan maksud mencurigai untuk menjatuhkannya, malah jalan yang sebaik-baiknya ialah untuk mencari usaha selicin-licinnya bagi membaiki serba sedikit yang telah dihasilkannya, lalu memberi sokongan dan galakan supaya (dia) akan berasa insaf untuk semakin bergiat bagi membesarkan hasil

Kegagalan percubaan untuk menggulingkan Mohd Asri Muda--yang dimanifestasikan oleh kejayaan beliau memenangi jawatan Timbalan Yang Dipertua Agung PAS tanpa bertanding di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 di Bangunan YMCA, Jalan Stesyen, Taiping, Perak, pada 12, 13 dan 14 Ogos 1966,⁶⁴ yang ditambah pula oleh ketiadaan suara-suara yang mempersoalkan kedudukan Khairul Khatib selaku Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan walaupun setelah beliau telah, pada 14 Ogos 1966, sekali lagi dilantik untuk menjawat jawatan itu bagi sesi 1966/1968⁶⁵--telah secara relatifnya mewujudkan ketenangan di dalam kepimpinan PAS Kelantan, sekaligus mengukuhkan penguasaan Mohd Asri Muda ke atas perjalanan PAS di sana. Kegagalan percubaan sesetengah pemimpin PAS Kelantan untuk merevolusikan kepimpinan parti itu walau bagaimanapun tidaklah bermakna bahawa apa-apa penyelewengan akan dibiarkan begitu sahaja, tetapi bahawa teguran-teguran ke atasnya mula mengambil bentuk percubaan untuk memperbaiki kedudukan parti itu secara umum tanpa menjadikan mana-mana pemimpin tertinggi PAS sebagai sasaran sebagaimana yang pernah dilakukan oleh sebelas pemimpin PAS Kelantan pada 8 November 1966⁶⁶.

Di dalam perjumpaan mereka pada 8 November 1966, sebelas pemimpin PAS Kelantan itu⁶⁷ telah mengenal-pasti beberapa "penyakit" yang melanda parti itu, khususnya perebutan bana-bana kayu balak, ketidakadilan pembahagian projek kemajuan kampung serta ketiadaan usaha pengurangan maksiat yang tegas; juga "penyakit" yang

usahaannya itu" (Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat, Amaluddin Darus, bertarikh 10 Mei 1966 (tidak bertajuk). Hlm. 2).

⁶⁴ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1966. Hlm. 22-23.

⁶⁵ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Ogos 1966. Hlm. 2.

⁶⁶ Minit Perjumpaan (Sebelas Pemimpin PAS Kelantan) pada 8 November 1966. Hlm. 1.

melanda sesetengah pemimpin parti itu, khususnya kegagalan mereka mengerjakan sembahyang fardhu, keterlibatan mereka di dalam perkara-perkara maksiat seperti arak dan perempuan serta kegagalan mereka mengambil-berat kebijakan para pengundi mereka.⁶⁸ Laporan perjumpaan itu telah, di atas cadangan Nik Abdullah Arshad,⁶⁹ kemudiannya dibahaskan di dalam perjumpaan Wakil-Wakil Rakyat PAS dan Ahli-Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 24 Disember 1966 yang telah di antara lainnya memutuskan supaya Pesuruhjaya atau Timbalan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan menemui pemimpin-pemimpin PAS Kelantan yang dicurigai tidak menggunakan bana-bana kayu balak yang diberikan kepada mereka untuk tujuan yang diarahkan oleh parti,⁷⁰ supaya Menteri Besar Kelantan memantau kelulusan projek kemajuan kampung⁷¹ dan supaya kerajaan meningkatkan usaha pengurangan maksiat.⁷²

Mengukuhkan Kedudukan Di Peringkat Pusat

Sementara itu, di peringkat Pusat, percubaan untuk menulenkan ideologi keislaman pegangan PAS yang momentumnya telah diperlakukan oleh sokongan PAS ke atas penyingkiran Singapura dari Malaysia--yang sekali lagi menyaksikan para pemimpin PAS menonjolkan parti mereka sebagai pejuang kebangsaan Melayu--telah semakin dikendurkan oleh tindakan parti itu, melalui usul yang dikemukakan oleh Abdul

⁶⁷ Kesebelas pemimpin PAS Kelantan itu ialah Hussain Rahimi Saman, Che Hassan Ismail, Ghazali Ismail, Zakaria Ismail, Nik Abdullah Arshad, Yusoff Abdul Latiff, Shafie Ahmad, Abdul Kadir Mat Saad, Mohd Amin Yaakob, Muda Yusoff dan Wan Ismail Wan Ahmad.

⁶⁸ Ibid. Hlm. 1.

⁶⁹ Minit Perjumpaan Ahli-Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan Dengan Ahli-Ahli Dewan (Undangan) Negeri Dan Ahli-Ahli Parlimen (PAS) Kelantan pada 24 Disember 1966. Hlm. 2.

⁷⁰ Ibid. Hlm. 3.

⁷¹ Ibid. Hlm. 4.

⁷² Ibid. Hlm. 4.

Samad Gul Ahmad Mianji di dalam sidang Dewan Rakyat pada 11 Ogos 1965, mencadangkan supaya Perlembagaan Malaysia dipinda "dengan maksud supaya terjamin hak-hak bumiputera dalam lapangan politik, ekonomi, pelajaran dan kebudayaan".⁷³ Di sebalik hujjah-hujjah yang telah diberikan oleh Mohd Asri Muda, Abu Bakar Hamzah, Ahmad Abdullah dan Mohd Daud Abdul Samad untuk menyokongnya,⁷⁴ usul yang pernah cuba dikemukakan oleh wakil PAS tetapi yang telah ditolak dari dibahaskan pada tahun 1962 dahulu kerana dikatakan berbau perkauman⁷⁵ dan telah diterima pada kali ini apabila istilah "hak-hak bangsa Melayu" digantikan dengan istilah "hak-hak bumiputera"--yang sekaligus menegaskan kembali unsur kebangsaan Melayu di dalam perjuangan PAS--ini walau bagaimanapun telah dikalahkan di dalam sesi pengundian.⁷⁶

Masalah ketidaktentuan di dalam dasar perjuangan PAS sejak parti itu kehilangan dua orang *ideologue* utamanya, iaitu Zulkiflee Muhammad dan Dr Burhanuddin al-Helmy, di samping hakikat bahawa Mohd Asri Muda sendiri adalah lebih merupakan seorang *orator*⁷⁷ daripada seorang *ideologue*,⁷⁸ jelas tergambar melalui gesaan, di dalam

⁷³ Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. II, No. 10, Wednesday, 11 August 1965. Col. 1797-1804. Sewaktu mengemukakan usul ini, Abdul Samad Gul Ahmad Mianji telah menyatakan: "Undang-undang kerakyatan yang longgar dan jumlah penduduk-penduduk yang bukan bumiputera melebihi peratusnya daripada bumiputera sendiri adalah unsur-unsur yang maha penting yang menjadi logik atas kebimbangan (yang mendebarkan hati bumiputera negeri ini)".

⁷⁴ Ibid. Vol. II, No. 10, Wednesday, 11 August 1965. Col. 1804-1814, 1814-1832, 1858-1870 dan 1870-1880. Berucap membangkang usul ini pula ialah lima orang Ahli Dewan Rakyat Perikatan, iaitu Dr Mahathir Mohamad, Othman Abdullah, Ahmad Arshad, Abdul Karim Abu dan Mohamed Khir Johari (Ibid. Vol. II, No. 10, Wednesday, 11 August 1965. Col. 1832-1836, 1836-1851, 1851-1856, 1856-1858 dan 1880-1887).

⁷⁵ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 Jun 1962. Hlm. 2.

⁷⁶ Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. II, No. 10, Wednesday, 11 August 1965. Col. 1892.

⁷⁷ Tulis Neil John Funston: "*(Mohd Asri Muda's) abilities as an orator gave him a charismatic image that probably exceeded even that of top UMNO politicians in Malay eyes*" (Neil John Funston (1980). Malay Politics in Malaysia: A Study of The United Malays National Organisation and Party Islam. Petaling Jaya: Heinemann Educational Books (Asia). Hlm. 125).

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 Oktober 1965, Jamahir Idris agar PAS Pusat "memberi penjelasan yang tegas tentang garis-garis kasar perjuangan PAS yang sebenarnya" kerana "banyak ahli PAS sekarang (yang) tidak tahu apakah garis-garis pokok perjuangan PAS mengenai politik, ekonomi, sosial, pelajaran dan sebagainya".⁷⁹ Selain jaminan Mohd Asri Muda bahawa beliau bersama-sama tokoh-tokoh PAS yang lain akan berusaha untuk merumuskan penjelasan yang diperlukan itu dan mengemukakannya di dalam ucapan dasar beliau pada Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14, mesyuarat itu juga telah memutuskan bahawa ia, selain akan memperkemaskan lagi jentera penerangan parti, akan menyiapkan sebuah risalah bagi memperjelaskan garis-garis pokok perjuangan PAS,⁸⁰ risalah yang kemudiannya gagal disiapkan olehnya menjadikan ucapan dasar beliau benar-benar satu "ucapan dasar".

⁷⁸ Hakikat bahawa Mohd Asri Muda adalah lebih merupakan seorang *orator* daripada seorang *ideologue* dimanifestasikan oleh kurangnya tulisan-tulisan yang menyentuh tentang persoalan ideologi PAS yang telah dihasilkan oleh beliau--lihat umpamanya kertas kerja Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 10 April 1977 bertajuk "Khittah Perjuangan Kita"--berbanding tulisan-tulisan yang telah dihasilkan oleh Dr Burhanuddin al-Helmy--lihat umpamanya "PAS Dengan Kemerdekaan", dlm. Suara Islam, Bil. 9 Thn. 1, Ogos 1957 (Keluaran Istimewa Menyambut Kemerdekaan Tanah Melayu). Hlm. 7-9; "Dari Dewan Pimpinan: Panduan Jiwa Pergerakan", dlm. Suara Islam, Bil. 1 Thn. 2, Disember 1957. Hlm. 4-5; "Dari Dewan Pimpinan: Amanat Dari Yang Dipertua Agung PAS", dlm. Suara Islam, Bil. 9 Thn. 2, Ogos 1958. Hlm. 7-9 dan 25; "Dari Dewan Pimpinan: Amanat Yang Dipertua Agung PAS Pada Hari Ulang Tahun Pertama Sambutan Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu", dlm. Suara Islam, Bil. 10 Thn. 2, September 1958. Hlm. 11-13 dan 16-17; Kertas kerja Yang Dipertua Agung PAS, Dr Burhanuddin al-Helmy, bertarikh 8 Mac 1963 bertajuk "Tujuan, Usaha Dan Cara Perjuangan"; dan Kertas kerja Yang Dipertua Agung PAS, Dr Burhanuddin al-Helmy, bertarikh 10 Mac 1963 bertajuk "Arah Perjalanan Politik Tanah Melayu Sekarang"--dan Zulkiflee Muhammad--lihat umpamanya "Di Sekitar Cita-Cita Politik PAS", dlm. Suara Islam, Bil. 4 Thn. 3 (Keluaran Istimewa Menghadapi Pilihan Raya 1959). Hlm. 13-15; "Dari Dewan Pimpinan: Melayu Raya Besar Dan Kuat! Ingin Mendapat Maruah Politik Di Tengah-Tengah Pertarungan Dunia! Panggilan Darah Dan Jiwa Telah Bersahut-Sahutan!!!", dlm. Suara Islam, Bil. 2 Thn. 1, Disember 1961. Hlm. 2-3; "Dari Dewan Pimpinan: Pindaan Perlombagaan Persekutuan: Jus Soli--Bolehkah Dijamin Kejujuran Perikatan Dalam Menghapuskan Kesan-Kesan Jenayah Politiknya???", dlm. Suara Islam, Bil. 4/5 Thn. 1, Februari/Mac 1962. Hlm. 2-3; "Dari Dewan Pimpinan: Tanggungjawab Bersama Menimbulkan Tenaga Bersama", dlm. Suara Islam, Bil. 6/12 Thn. 1, April/Okttober 1962. Hlm. 2-3; Kertas kerja Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Zulkiflee Muhammad, bertajuk "Islam as an Ideal and Practical Way of Life" (tidak bertarikh); dan Zulkiflee Muhammad (1963). Pegangan Hidup Umat Islam. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan PAS Pusat.

⁷⁹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 Oktober 1965. Hlm. 3.

⁸⁰ Ibid. Hlm. 4.

Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 yang dirancang untuk dilangsungkan pada 19, 20 dan 21 April 1966⁸¹ walau bagaimanapun hanya mampu dilangsungkan pada 12, 13 dan 14 Ogos 1966 kerana PAS, yang telah, pada 19 Ogos 1965, menyertai satu pilihan raya kecil di Jitra, Kedah,⁸² terpaksa menumpukan perhatiannya kepada tiga lagi pilihan raya kecil, iaitu di Krian Laut, Perak, pada 12 Mac 1966,⁸³ di Sungai Baru, Melaka, pada 19 Mac 1966⁸⁴ dan di Bruas, Perak, pada 4 Jun 1966.⁸⁵ Tumpuan terhadap pilihan raya-pilihan raya kecil ini juga menyebabkan rancangan PAS untuk memberikan kursus kepada ahli-ahli PAS di seluruh negara, yang dibahagikan kepada Kawasan Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Seberang Perai dan Perak Utara), Kawasan Pantai Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang) dan Kawasan Selatan (Perak Selatan, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor),⁸⁶ gagal untuk direalisasikan dengan sepenuhnya apabila ia hanya mampu diberikan kepada ahli-ahli PAS di Kawasan Pantai Timur sahaja. Kursus yang dilangsungkan di Kota Bharu, Kelantan, pada 25, 26, 27, 28 dan 29 April 1966 itu menyaksikan enam buah kertas kerja telah dibentangkan, termasuklah juga sebuah kertas kerja Amaluddin Darus yang bertajuk "Dasar Perjuangan PAS".⁸⁷

⁸¹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 9 Januari 1966. Hlm. 2.

⁸² Pilihan raya kecil ini telah dimenangi oleh calon Perikatan, Md Zain Lebai Ahmad, yang mengalahkan calon PAS, Abu Bakar Umar, dengan majoriti sebanyak 3,802 undi (Warta Kerajaan Negeri Kedah, 29 Julai 1965, No. 240; dan Warta Kerajaan Negeri Kedah, 26 Ogos 1965, No. 275).

⁸³ Pilihan raya kecil ini telah dimenangi oleh calon Perikatan, Sulaiman Taib, yang mengalahkan calon PAS, Baharuddin Abdul Latif, dengan majoriti sebanyak 2,722 undi (Warta Kerajaan Persekutuan, 24 Februari 1966, No. 691; dan Warta Kerajaan Persekutuan, 7 April 1966, No. 1330).

⁸⁴ Pilihan raya kecil ini telah dimenangi oleh calon Perikatan, Abdullah Samad, yang mengalahkan calon PAS, Mohd Taha Kalu, dengan majoriti sebanyak 3,097 undi (Warta Kerajaan Negeri Melaka, 10 Mac 1966, No. 19; dan Warta Kerajaan Negeri Melaka, 7 April 1966, No. 39).

⁸⁵ Pilihan raya kecil ini telah dimenangi oleh calon Perikatan, Chew Biow Chuan, yang mengalahkan calon PAS, Abdul Rahim Mat Saleh, dengan majoriti sebanyak 6,107 undi (Warta Kerajaan Persekutuan, 26 Mei 1966, No. 2029; dan Warta Kerajaan Persekutuan, 23 Jun 1966, No. 2541).

⁸⁶ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13 Ogos 1965. Hlm. 3.

⁸⁷ Penyata Tahunan PAS 1965/1966. Hlm. 4-5. Turut membentangkan kertas kerja di dalam kursus ini ialah Abdullah Nakula, Wan Mustapha Ali, Khairul Khatib, Baharuddin Abdul Latif dan Ahmad Abdullah. Peserta-peserta kursus juga telah dibawa melawat tanah-tanah rancangan yang diusahakan

Seperti yang telah beliau janjikan sebelumnya, Mohd Asri Muda telah menggunakan ucapan dasar beliau di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 untuk menjelaskan garis-garis pokok perjuangan PAS di mana, selain menegaskan semula dua cita-cita utama PAS sebelum ini, iaitu untuk "(me)wujud(kan) negara yang bercorak Islam"⁸⁸ dan untuk "(me)wujud(kan) satu bangsa Melayu yang berdaulat di (dalam) tanah airnya sesuai dengan cita-cita politik Islam yang (PAS) perjuangkan",⁸⁹ beliau turut menyebutkan cita-cita PAS untuk mewujudkan satu bentuk ekonomi Islam yang mencantumkan kepentingan individu dan kepentingan masyarakat,⁹⁰ "satu keadilan sosial dalam masyarakat pelbagai bangsa di Malaysia ini di mana jaminan yang tegas dan kekal dalam perlumbagaan mengenai hak bumiputera dari segi ketuanan dan dari segi kedudukan, khususnya dalam pelbagai lapangan hidup bernegara, diwujudkan",⁹¹ "satu

oleh Kerajaan Kelantan di Ulu Kelantan selain telah turut diberikan penerangan mengenai lawatan yang telah dilakukan oleh Mohd Asri Muda dan Abu Bakar Hamzah ke Timur Tengah.

⁸⁸ Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1966 (tidak bertajuk). Hlm. 3. Jelas Mohd Asri Muda: "Kita menghendaki wujudnya negara yang bercorak Islam, iaitu sebuah negara kebaikan di bawah pengampunan Tuhan. Ini kita perjuangkan di dalam segenap kesempatan yang telah dikurniakan Tuhan kepada kita. Di dalam Parlimen, dengan suara pembangkang yang kita miliki, kita laungkan cita-cita Islam dalam negara ini. Dengan kuasa politik yang terbatas yang kita dapat dengan memerintah kerajaan negeri, kita usahakan sekadar yang diperbolehkan oleh perlumbagaan".

⁸⁹ Ibid. Hlm. 3. Jelas Mohd Asri Muda: "Kita menghendaki wujudnya satu bangsa Melayu yang berdaulat di tanah airnya sesuai dengan cita-cita politik Islam yang kita perjuangkan. Ini kita dengungkan sehebat-hebatnya di luar dan di dalam Parlimen sebelum dan sesudah merdeka. Terkenallah PAS dengan memorandumnya kepada Suruhanjaya Reid menuntut jaminan mengenai kedudukan bangsa Melayu dari segi politik, ekonomi dan kemasyarakatan di tanah airnya. Terkenallah PAS dengan usul-usul di dalam Parlimen meminta supaya dinaskan di dalam perlumbagaan negara bahawa Tanah Melayu adalah hak bangsa Melayu. Terkenallah PAS dengan sikap gagahnya menentang penubuhan Malaysia di luar dan di dalam Parlimen kerana ianya membahayakan kepada kedudukan bangsa Melayu di dalam pertarungan politik".

⁹⁰ Ibid. Hlm. 6. Jelas Mohd Asri Muda: "Kita citakan satu bentuk ekonomi dalam negara ini yang tidak berumbikan kepada falsafah materialisme...Islam menggariskan dalam teori ekonominya (bahawa) kepentingan perseorangan manusia dan kepentingan sosial dalam masyarakat hendaklah dicantumkan menjadi satu dan ditegakkan di atas dasar ketuhanan, bukan (di atas) dasar materialisme. Dasar ketuhanan dalam ekonomi ini ialah merubah pandangan hidup manusia terhadap harta benda dunia sebagai alat (untuk) mewujudkan satu masyarakat yang teratur, bukan untuk dijadikan tujuan yang terakhir seperti dikenal selama ini".

⁹¹ Ibid. Hlm. 7. Jelas Mohd Asri Muda: "Akan timbulah sanggahan: "Keadilan apa yang tuan kehendaki ini? Mana boleh adil namanya kalau bangsa Melayu hendak lebih belaka?" Kepada orang yang menyanggah, ingin kita berkata: "Adalah adil. Tanyalah kepada siapa sahaja. Kalau tuan menumpang di rumah saya, tuan tidak mendapat hak seperti yang saya dapat. Tuan hanya boleh duduk

kebudayaan nasional yang berteraskan kebudayaan Melayu yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam"⁹² dan "satu sistem pelajaran kebangsaan yang dapat mewujudkan satu bangsa yang kuat dengan cita-cita satu bahasa dan satu negara dengan melalui hanya satu persekolahan (sekolah yang berbahasa-pengantar bahasa kebangsaan) sahaja".⁹³

Sementara ucapan dasar beliau di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-13 sebelumnya lebih merupakan satu pengungkapan kembali sejarah perjuangan PAS di dalam persada politik negara, satu aspek menarik di dalam ucapan dasar beliau di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 ini ialah bahawa ia turut mengandungi selaran-selaran lantang beliau ke atas UMNO yang dibuat dari dua landasan tradisi PAS, iaitu landasan Islam dan landasan kebangsaan Melayu. Dari landasan Islam, setelah mengisyiharkan PAS sebagai satu-satunya parti politik yang meyakini politik Islam dalam perjuangan menegakkan negara ini,⁹⁴ beliau telah menyelar UMNO kerana dikatakan menganut "ajaran pemisahan politik dari Islam yang terang-terang bertentangan dengan Islam" yang menyebabkan "tidak berniat mereka hendak

dan tidur dalam ruangan dan bilik yang dikhaskan untuk tamu sahaja. Jika tuan bertindak lebih dari itu, tuan dikatakan orang yang memperkosa hak dan keadilan orang lain"".

⁹² Ibid. Hlm. 7. Jelas Mohd Asri Muda: "Unsur-unsur kebudayaan asing yang diimport begitu banyak ke negara ini melalui bermacam-macam saluran adalah membahayakan pertumbuhan kebudayaan nasional yang sampai sekarang ini apakah istilah kebudayaan nasional itu yang sebenar-benarnya belum lagi wujud walaupun negara kita telah mempunyai satu kementerian yang bernama Kementerian Kebudayaan".

⁹³ Ibid. Hlm. 7-8. Jelas Mohd Asri Muda: "Dengan penggunaan pelbagai bahasa sebagai bahasa pengantar dalam pelbagai sekolah jenis kebangsaan seperti sekarang, kita nampak kerajaan cuba menarik beberapa garis lurus sejarah di mana mereka mengharapkan akan dapat mempertemukannya pada satu titik yang menjadi cita-cita kebangsaan. Kita percaya harapan ini akan tinggal menjadi dongeng politik buat selama-lamanya dan dongeng politik inilah sekarang yang dipekkik-pekkikan bahawa sistem pelajaran kita paling baik dan paling unggul".

⁹⁴ Ibid. Hlm. 5. Walaupun ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-13 pada 20 dan 21 April 1965 tidak mengandungi perisyiharan ini, ia juga turut mengandungi pesanan Mohd Asri Muda kepada para perwakilan agar tidak "berasa gusar, berasa kesal, berasa dukacita bila mana kita menghadapi cabaran pihak lawan yang fahamnya bertentangan dengan faham Islam yang sebenar" (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-13 pada 20 dan 21 April 1965 (tidak bertajuk). Hlm. 22).

menjalankan hukum Islam dalam pemerintahan negara".⁹⁵ Dari landasan kebangsaan Melayu pula, beliau telah--sebelum mendesak agar seluruh undang-undang kerakyatan yang ada pada masa itu dikaji semula dan warganegara selain dari bumiputera disaring kembali⁹⁶--turut menyelar UMNO kerana dikatakan "telah mewujudkan undang-undang kerakyatan yang menyebabkan bangsa Melayu tenggelam dalam tanah airnya sendiri".⁹⁷

Kelantangan suara Mohd Asri Muda ini walau bagaimanapun tidak mampu menghalang sesetengah perwakilan dari mengingat dan menyarankan pimpinan PAS supaya segala apa yang diperjuangkan di dalam PAS mestilah dipandukan kepada dasar-dasar keIslamam sebagaimana yang telah digariskan di dalam perlumbagaannya,⁹⁸ supaya segala apa yang diputuskan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh dan tidak tinggal sebagai cakap-cakap kosong sahaja⁹⁹ dan supaya Dewan Ulama' PAS Pusat diberikan kuasa untuk terlebih dahulu menapis perkara-perkara dasar yang akan diperjuangkan oleh PAS.¹⁰⁰ Selain jaminan peribadi beliau untuk menerima saranan yang terakhir itu--"dengan harapan semoga Dewan Ulama' kita dapat menyusunkan barisannya dengan bertambah kemas bagi menerima tanggungjawab itu"¹⁰¹--Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 ini telah meluluskan enam usul, termasuklah usul wakil Dewan Ulama'

⁹⁵ Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1966 (tidak bertajuk). Hlm. 6.

⁹⁶ Ibid. Hlm. 11.

⁹⁷ Ibid. Hlm. 10.

⁹⁸ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1966. Hlm. 14. Ingatan ini telah disuarakan oleh wakil Tanjung Karang.

⁹⁹ Ibid. Hlm. 29. Ingatan ini telah disuarakan oleh wakil Kuala Kurau.

¹⁰⁰ Ibid. Hlm. 28. Saranan ini telah disuarakan oleh wakil Tanjung Karang.

¹⁰¹ Ibid. Hlm. 30. Ingatan Mohd Asri Muda kepada Dewan Ulama' PAS Pusat ini adalah dikira agak wajar memandangkan sesetengah perwakilan, khususnya wakil-wakil Kayang Kuala Perlis dan Bachok, telah sebelumnya menyuarakan ketidakpuasan hati mereka ke atas kelemahan Dewan Ulama'

PAS Pusat yang meminta PAS memperjuangkan sistem ekonomi Islam dalam membentuk sebuah negara kebajikan¹⁰² dan usul wakil Dewan Pemuda PAS Pusat yang meminta PAS mendesak Kerajaan Malaysia menarik diri dari "British Commonwealth" bagi membolehkan cita-cita MAPHILINDO dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.¹⁰³

Setelah berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 yang menyaksikan para perwakilan telah dengan sebulat suara memilih semula Dr Burhanuddin al-Helmy sebagai Yang Dipertua Agung PAS¹⁰⁴--di sebalik sekatan berpolitik yang telah dikenakan ke atas diri beliau sebaik sahaja beliau dibebaskan dari tahanan,¹⁰⁵ malah di sebalik amaran yang telah diberikan oleh Tengku Abdul Rahman

PAS Pusat yang dikatakan sama ada telah gagal berada di "barisan hadapan bagi perjuangan PAS ini" atau telah gagal memainkan peranan sebagai "lampau suluh bagi rakyat Islam" (Ibid. Hlm. 19 dan 28).

¹⁰² Ibid. Hlm. 32. Usul ini merupakan usul pertama daripada enam usul yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 ini.

¹⁰³ Ibid. Hlm. 32-33. Usul ini merupakan usul ke-2 daripada enam usul yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 ini.

¹⁰⁴ Ibid. Hlm. 22. Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 ini juga telah memilih Mohd Asri Muda dan Hasan Adli Arshad sebagai Timbalan Yang Dipertua Agung dan Naib Yang Dipertua Agung PAS--di samping telah turut memilih Wan Mustapha Ali, Ahmad Abdullah, Amaluddin Darus, Mohd Daud Abdul Samad, Yusoff Rawa, Baharuddin Abdul Latif, Mohd Taha Kalu dan Abdul Samad Gul Ahmad Mianji sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS--bagi sesi 1966/1968 (Ibid. Hlm. 22-26).

¹⁰⁵ Pembebasan Dr Burhanuddin al-Helmy daripada tahanan pada 14 Mac 1966 (Surat Pegawai Yang Menjaga, Tempat Tahanan Khas, Batu Gajah, Omar Mohd Amin, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Dr Burhanuddin al-Helmy, bertarikh 14 Mac 1966 (tidak bertajuk). Hlm. 1) adalah disertakan dengan lima syarat, iaitu bahawa "(beliau) akan tinggal di dalam kawasan Daerah Polis Taiping", bahawa "(beliau) tidak akan meninggalkan negeri Perak dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pegawai Polis, Perak", bahawa "(beliau) tidak akan berjalan keluar dari kawasan-kawasan Negeri-Negeri Tanah Melayu dan tidak dibenar melawat Republik Singapura dan Negeri-Negeri Sabah dan Sarawak dengan tidak terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pesuruhjaya Polis (Negeri-Negeri Tanah Melayu)", bahawa "(beliau) tidak akan berucap dalam mesyuarat-mesyuarat di khalayak ramai atau memegang jawatan di dalam satu-satu aktiviti atau menjadi seorang penasihat kepada sebarang kesatuan sekkerja atau parti siasah atau mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti siasah selain daripada mengundi di dalam pilihan raya yang mana (beliau) adalah berhak mengundi" dan bahawa "...(beliau) akan mengikat jaminan diri sebanyak RM500 sahaja untuk memenuhi syarat-syarat tersebut di atas" (Surat S Kathiravelu kepada Yang Dipertua Agung PAS, Dr Burhanuddin al-Helmy, bertarikh 14 Mac 1966 (tidak bertajuk). Hlm. 1). Rayuan Dr Burhanuddin al-Helmy, di dalam surat beliau yang bertarikh 28 Mac 1966, agar syarat-syarat yang dikenakan ke atas pembebasan beliau ini dibatalkan telah kemudiannya ditolak oleh Perdana Menteri Malaysia, Tengku Abdul Rahman Putra, kerana, mengikut Tengku Abdul Rahman Putra, "apa-apa hal pun, bukti-bukti tetap menunjukkan bahawa (beliau) telah menyebelahi kepada

Putra bahawa beliau akan dimasukkan ke dalam tahanan kembali sekiranya beliau dipilih juga untuk menjawat jawatan itu¹⁰⁶--Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Ogos 1966 telah, selain melantik Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Negeri, melantik satu rombongan untuk menemui Tengku Abdul Rahman Putra khusus untuk membincangkan kedudukan Dr Burhanuddin al-Helmy di dalam parti itu.¹⁰⁷ Hasil daripada rayuan yang dikemukakan oleh rombongan ini, Dr Burhanuddin al-Helmy telah dibenarkan untuk menjawat jawatan Yang Dipertua Agung PAS, dengan syarat bahawa sekatan berpolitik yang dikenakan ke atas beliau tetap tidak akan ditarik balik¹⁰⁸--keputusan yang sekaligus mengekalkan kedudukan Mohd Asri Muda sebagai, secara *de facto*nya, Yang Dipertua Agung PAS.

PAS Kembali Menggugat Walaupun Turut Digugat

Sejurus setelah Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 ini berlalu, PAS telah dihadapkan dengan satu isu baru¹⁰⁹ apabila tindakan Kerajaan Kelantan

musuh negeri ini" (Surat Perdana Menteri Malaysia, Tengku Abdul Rahman Putra, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Dr Burhanuddin al-Helmy, bertarikh 31 Mac 1966 (tidak bertajuk). Hlm. 1).

¹⁰⁶ Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Dr Burhanuddin al-Helmy, bertarikh 27 Julai 1966 bertajuk "Pencalonan Yang Dipertua Agung PAS". Hlm. 1. Mengikut surat ini: "Pemangku Yang Dipertua Agung PAS kita, Dato' Asri, telah menemui Tengku Perdana Menteri sendiri meminta beliau melucutkan syarat-syarat yang dikenakan ke atas tuan itu... Sedihnya, pihak kerajaan, mengikut apa yang disuarakan oleh Tengku Perdana Menteri sendiri, (bertegas) bahawa kalau diri tuan di(lantik) juga menjadi Yang Dipertua Agung, maka tuan akan kembali ditahan di dalam tahanan... Di sinilah letaknya kerumitan pertubuhan siasah kita. Cawangan-cawangan semuanya berkehendakkan supaya tuan dipilih juga, tetapi mereka tidak tahu kedudukan perkara ini. Ada pula di antara mereka itu sukakan tuan kembali ke dalam tahanan sebagai tanda kekuatan jiwa perjuangan (tuan) menahan derita. Tetapi soal ini perlu tuan fikirkan sendiri...".

¹⁰⁷ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Ogos 1966. Hlm. 2. Rombongan ini adalah dianggotai oleh enam orang Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, iaitu Mohd Asri Muda, Abu Bakar Hamzah, Hussain Rahimi Saman, Abdullah Zawawi Hamzah, Abdul Samad Gul Ahmad Mianji dan Mohd Daud Abdul Samad.

¹⁰⁸ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 28 Ogos 1966. Hlm. 5.

¹⁰⁹ Isu ini walau bagaimanapun telah sebenarnya digunakan oleh Perikatan di dalam Pilihan Raya Umum 1964 lagi di mana, mengikut Hans H Indorf: "Five days before polling day, the Alliance

menandatangani, pada 20 Julai 1964¹¹⁰, satu perjanjian dengan Syarikat Timber Mine Industrial Corporation Limited, Singapura, "bagi membenarkan syarikat ini membalaik, mengeluarkan kayu balak serta hasil-hasil hutan, menubuhkan kilang-kilang yang bersangkutan, menyiasat bijih dan menjalankan lombong-lombong yang didapati berekonomi"¹¹¹ sekaligus membuka tanah di "kawasan yang ditentukan" dalam jajahan Ulu Kelantan¹¹² dengan syarat bahawa syarikat ini hendaklah membayar bayaran royalti pendahuluan-berjumlah RM1 juta bagi tiap-tiap satu sijil/pajakan melombong¹¹³ dan berjumlah RM2 juta bagi kebenaran membalaik¹¹⁴--kepada Kerajaan Kelantan¹¹⁵ telah,

dramatically declared that the PMIP state government was mortgaging one-fifth of Kelantan to a Chinese timber merchant tax-free for a 33-year period in return for sizable contributions to the party's coffers...Despite the PMIP response that it was a routine land development project opening up virgin jungle to thousands of new settlers, the Alliance air-dropped over Kelantan one half-million leaflets of its own version" (Hans H Indorf (1969). Party System Adaptation to Political Development in Malaysia During the First Decade of Independence, 1957-1967. New York University. Hlm. 305). Seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari UMNO, iaitu Che Mohyiddin @ Che Kadir Che Tengah, juga telah, pada 14 November 1964, mengemukakan satu usul--yang telah kemudiannya dikalahkan (Penyata Rasmi Perbahasan Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kedua, Persidangan Ketiga Bagi Tempoh Tahun Pertama 1964. Hlm. 34)--bagi meminta sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan pada hari itu "memandang berat langkah kerajaan mengikat perjanjian yang membenarkan Syarikat Timber Mine Industrial Corporation Limited, Singapura, mengeluarkan kayu-kayan dan galian-galian dalam kawasan seluas lebih 375,000 ekar dalam jajahan Ulu Kelantan dan mengambil ketetapan menyatakan rasa kesal terhadap perbuatan yang merugikan ekonomi rakyat dan negeri (ini)" (Ibid. Hlm. 19).

¹¹⁰ Kertas perjanjian ini mungkin juga telah ditandatangani pada 20 Februari 1964 lagi kerana, sementara Hakim-Hakim Barakkah, Azmi (walaupun Hakim Azmi mengasaskan penghakiman beliau kepada kertas perjanjian yang bertarikh 20 Julai 1962, ia dirasakan adalah tidak lebih daripada satu typographical error semata-mata), Ong Hock Thye dan (*presumably*) Ismail Khan telah kemudiannya mengasaskan penghakiman-penghakiman mereka kepada kertas perjanjian yang bertarikh 20 Julai 1964 ini (Government of Malaysia v. Government of the State of Kelantan, dlm. The Malayan Law Journal, 1968, January to June. Hlm. 129, 130, 132 dan 134), Hakim MacIntyre pula telah mengasaskan penghakiman beliau kepada kertas perjanjian yang bertarikh 20 Februari 1964 (Ibid. Hlm. 134).

¹¹¹ Kertas perjanjian yang dibuat di antara Kerajaan Kelantan dengan Syarikat Timber Mine Industrial Corporation Limited, Singapura, bertarikh 20 Julai 1964 bertajuk "Negeri Kelantan, Kertas Dewan Bilangan 5 Tahun 1965". Fasal Pendahuluan.

¹¹² "Kawasan yang ditentukan" ini adalah meliputi "lebih kurang 133,360 ekar tanah hutan yang dikehendaki untuk kemajuan tanah oleh kerajaan negeri" dan "lebih kurang 376,879 ekar tanah hutan (yang lain)" (Kertas perjanjian yang dibuat di antara Kerajaan Kelantan dengan Syarikat Timber Mine Industrial Corporation Limited, Singapura, bertarikh 20 Julai 1964 bertajuk "Negeri Kelantan, Kertas Dewan Bilangan 5 Tahun 1965". Hlm. 14-15).

¹¹³ Ibid. Fasal 2(b).

¹¹⁴ Ibid. Fasal 8(a).

¹¹⁵ Tulis Wan Mustapha Ali mengenai perjanjian ini kemudiannya: "Saya merasa hairan, sebagai Penasihat Undang-Undang PAS, kenapakah perjanjian yang dibuat di antara Kerajaan PAS dan

pada 18 Ogos 1966, dicabar oleh Kerajaan Persekutuan di atas alasan bahawa ia merupakan satu tindakan meminjam wang yang bertentangan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.¹¹⁶ Di sebalik desas-desus mengenai kegoncangan Kerajaan Kelantan jika ia disabitkan di dalam kes ini,¹¹⁷ Mahkamah Persekutuan telah, pada 1 Disember 1967, memutuskan bahawa tindakan ini bukanlah peminjaman wang¹¹⁸.

Di sebalik tekanan-tekanan yang mula dihadapi oleh PAS, Tengku Abdul Rahman Putra telah, pada 23 Februari 1967, dengan tiba-tiba menghadiahkan PAS satu senjata politik yang cukup ampuh untuk meranapkan reputasi UMNO sebagai pejuang

syarikat asing itu tidak ditunjukkan kepada saya, walaupun tidak memerlukan nasihat saya" (Surat Pemangku Naib Yang Dipertua Agung PAS, Wan Mustapha Ali, kepada Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, bertarikh 23 November 1965 bertajuk "Berita Utusan Melayu 15 Oktober 1965 Mengenai Gerakan Pembersihan Di Dalam PAS". Hlm. 2).

¹¹⁶ Government of Malaysia v. Government of the State of Kelantan, dlm. The Malayan Law Journal, 1968, January to June. Hlm. 129-137. Ringkasan hujjah Kerajaan Persekutuan, yang diasaskan kepada Fasal 2 dan Fasal 8 perjanjian berkenaan yang dikatakan memperuntukkan bahawa "*the company should make prepayments of royalty for its mining and forest concessions which should be refunded by the State in the manner set out in detail therein*", adalah: "*The prepayment of royalties constituted a borrowing in violation of Article 111(2) of the Federal Constitution*". Satu lagi hujjah sampingan yang turut digunakan oleh Kerajaan Persekutuan adalah: "*The refunding thereof would violate Article 97(2) of the Federal Constitution and Article LVII of the Kelantan State Constitution*".

¹¹⁷ Siaran Jabatan Penerangan PAS Kelantan bertarikh 17 September 1966 bertajuk "Tukang Karut Perikatan Dengan Cerita Dakwa Gadai Tanah". Hlm. 1.

¹¹⁸ Government of Malaysia v. Government of the State of Kelantan, dlm. The Malayan Law Journal, 1968, January to June. Hlm. 129-137. Ringkasan penghakiman yang telah diberikan di dalam kes ini adalah: "*Upon considering the agreement as a whole, rather than the impugned clauses in isolation, there was no legal relationship of lender and borrower as between the company and the State Government since 'borrowing necessarily implies repayment at some time under some circumstances' and there was no liability to repay upon forfeiture for breach of conditions imposed on the company*". Satu lagi ringkasan penghakiman yang telah turut diberikan di dalam kes ini adalah: "*The prepayment of RM1 million having been credited to the State Consolidated Fund, there was no breach of Article 97(2) of the Federal Constitution, and there was no ground for supposing that further payments, if any, would not go similarly into that Fund*". Fasal 8 daripada Akta (Pindaan) (No. 2) Perlembagaan, 1971, walau bagaimanapun telah menambahkan perkataan "atau dengan membuat apa-apa perkiraan yang menghendaki sesuatu cukai, kadar, royalti, bayaran atau sesuatu lain dibayar sebelum tarikhnya yang sepatut atau dengan membuat apa-apa perjanjian menghendaki kerajaan itu membayar balik atau memulangkan balik apa-apa faedah yang ia telah nikmati di bawah perjanjian itu" ke dalam takrif "meminjam" yang terdapat di dalam Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan (Warta Kerajaan Persekutuan, 18 Mac 1971, Akta (Pindaan) (No. 2) Perlembagaan, 1971)--tindakan yang, mengikut B H Shafruddin, bermotifkan untuk "*negate the above court's decision*" (B H Shafruddin (1987). The Federal Factor in the Government and Politics of Peninsular Malaysia. Singapore: Oxford University Press. Hlm. 67).

kebangsaan Melayu melalui tindakan beliau mengemukakan satu rang undang-undang¹¹⁹ yang dikatakan bukan sahaja mencabuli janji beliau untuk mendaulatkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi yang tunggal di negara ini mulai dari tahun 1967,¹²⁰ malah yang dikatakan turut mencabuli semangat Fasal 152 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa soal penerusan atau penamatkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai salah satu daripada bahasa-bahasa rasmi negara selain daripada bahasa kebangsaan hendaklah ditentukan oleh Parlimen di dalam tempoh sepuluh tahun dari tarikh kemerdekaan negara.¹²¹ Pencabulan pertama yang dikatakan terkandung di dalam rang undang-undang ini ialah kewujudan satu fasal¹²² yang membenarkan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri menggunakan apa-apa terjemahan bagi suratan-suratan atau perutusan-perutusan rasmi dalam bahasa mana-mana kaum lain yang dikatakan telah dengan sekaligus merasmikan penggunaan bahasa kaum-kaum lain.¹²³

¹¹⁹ Warta Kerajaan Persekutuan, 2 Mac 1967, Akta Bahasa Kebangsaan. Fasal 2 daripada akta yang "berjalan kuat kuasanya mulai dari 1 September 1967" (Ibid. Fasal 1(1)) tetapi yang "tidaklah dipakai bagi negeri-negeri Borneo" (Ibid. Fasal 1(2)) ini adalah berbunyi: "Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam akta ini kemudian daripada ini dan tertakluk kepada perlindungan-perlindungan yang ada diperuntukkan dalam Fasal (1) Perkara 152 dalam Perlembagaan (Persekutuan) berkenaan dengan mana-mana bahasa lain dan bahasa mana-mana kaum lain dalam Persekutuan, bahasa kebangsaan hendaklah digunakan untuk maksud-maksud rasmi" (Ibid. Fasal 2).

¹²⁰ Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. III, No. 45, Thursday, 2 March 1967. Col. 6021 dan 6026-6027. Mohd Asri Muda telah secara khususnya memetik ucapan Tengku Abdul Rahman Putra di dalam Persidangan Khas UMNO pada 4 Jun 1955 yang dikatakan berbunyi: "Kita telah menetapkan bahawa bahasa Melayu akan menjadi bahasa kebangsaan dan rasmi dengan sepenuh maknanya di dalam tempoh sepuluh tahun (selepas kemerdekaan)...Kita sungguh-sungguh hendak menggunakan bahasa Melayu jadi bahasa rasmi dan kebangsaan yang tetap digunakan di dalam semua peringkat jabatan pentadbiran, mahkamah, polis dan lain-lain lagi. Itulah sebabnya kita tentukan masa sepuluh tahun itu, iaitu masa yang kita fikirkan cukup untuk melengkapkan bahasa Melayu menerusi susunan pelajaran di sekolah-sekolah dan mengembangkannya dengan jalan sekolah-sekolah dewasa dan lain-lain jalan lagi".

¹²¹ Ibid. Vol. III, No. 45, Thursday, 2 March 1967. Col. 6030-6031.

¹²² Warta Kerajaan Persekutuan, 2 Mac 1967, Akta Bahasa Kebangsaan. Fasal 3.

¹²³ Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. III, No. 45, Thursday, 2 March 1967. Col. 6038-6041. Mengikut Robert L Winzeler: "*The problem of language, for example, the cause of one of the major governmental crises during 1967, is not so much a matter of replacing English with Malay, but rather of Malay versus Tamil and Chinese*" (Robert L Winzeler (1970). Malay Religion, Society and Politics in Kelantan. The University of Chicago. Hlm. 184-185).

Selain daripada pencabulan pertama yang telah digunakan oleh PAS untuk melabelkan Tengku Abdul Rahman Putra sebagai seorang pemimpin yang terlalu tunduk kepada desakan orang-orang bukan Melayu,¹²⁴ rang undang-undang ini juga dikatakan turut mengandungi satu pencabulan lain yang lebih besar akibat kegagalannya untuk menamatkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai salah satu daripada bahasa-bahasa rasmi negara, khususnya melalui kewujudan fasal-fasal yang memberikan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agung membenarkan penggunaan bahasa Inggeris dilanjutkan untuk apa-apa maksud rasmi yang difikirkan patut;¹²⁵ yang memberikan kuasa kepada Speaker Dewan Rakyat, Dewan Negara atau Dewan Undangan Negeri membenarkan seseorang ahlinya menggunakan bahasa Inggeris di dalam kerja-kerja dewan itu;¹²⁶ yang memberikan kuasa kepada Yang di-Pertuan Agung membuat pengecualian ke atas fasal yang memperuntukkan bahawa naskhah yang berkuatkuasa bagi segala undang-undang ialah naskhah dalam bahasa kebangsaan¹²⁷ di samping mengecualikan peruntukan fasal ini ke atas undang-undang bertulis yang diperbuat sebelum 1 September 1967;¹²⁸ dan yang membenarkan penggunaan bahasa Inggeris di dalam perbicaraan mahkamah.¹²⁹

Penentangan PAS terhadap rang undang-undang yang dikatakan akan merendahkan nilai bahasa kebangsaan--sekaligus memalapkan masa hadapan anak-anak Melayu yang belajar di sekolah-sekolah kebangsaan, juga masa hadapan sekolah-sekolah

¹²⁴ Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. III, No. 45, Thursday, 2 March 1967. Col. 6038-6041.

¹²⁵ Warta Kerajaan Persekutuan, 2 Mac 1967, Akta Bahasa Kebangsaan. Fasal 4.

¹²⁶ Ibid. Fasal 5.

¹²⁷ Ibid. Fasal 6.

¹²⁸ Ibid. Fasal 7.

¹²⁹ Ibid. Fasal 8.

kebangsaan itu sendiri¹³⁰--dan yang kelulusannya disifatkan oleh PAS sebagai "tambahan dari dosa-dosa jenayah politik UMNO yang telah begitu banyak (terhadap bangsa Melayu)",¹³¹ disusuli pula oleh tindakan seorang wakilnya, iaitu Abu Bakar Hamzah, mengemukakan kembali¹³² usul yang meminta supaya Melayu dijadikan rupa bangsa rakyat negara ini di dalam sidang Dewan Rakyat pada 26 Ogos 1967.¹³³ Sebagaimana nasib usul sama yang telah dikemukakan oleh Onn Jaafar di dalam sidang Dewan Rakyat pada 10 Februari 1961,¹³⁴ ia juga telah ditentang oleh Ahli Dewan Rakyat UMNO di atas

¹³⁰ Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. III, No. 45, Thursday, 2 March 1967. Col. 6045-6047.

¹³¹ Ibid. Vol. III, No. 45, Thursday, 2 March 1967. Col. 6048.

¹³² Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 1 September 1958 telah, selain menegaskan hasrat PAS supaya "diadakan kebangsaan yang tunggal di negeri ini bernama Melayu", sebenarnya memutuskan untuk "membantah dengan sekeras-kerasnya" kenyataan Abdul Razak Hussein, yang pada masa itu merupakan Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, bahawa "Melayu tidak boleh dijadikan kebangsaan bagi Persekutuan Tanah Melayu" kerana "(kenyataan ini) adalah menidakkannya hak politik dan kedaulatan Melayu di negeri ini", kerana "(ia) berertilah menggalakkan pengekalan perkauman di negeri ini yang adalah berlawanan dengan tujuan kebangsaan negeri ini" dan kerana "(ia) telah menceroboh hak kedaulatan Raja-Raja Melayu yang menjadi punca dan simbol kebangsaan Melayu di negeri ini sejak turun-temurun itu" (Siaran Politik Setiausaha Agung PAS, Othman Abdullah, bertarikh 1 September 1958 (tidak bertajuk). Hlm. 1-2). Sewaktu menjawab kritikan Tengku Abdul Rahman Putra, yang pada masa itu merupakan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, ke atas keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS ini, Jawatankuasa Politik PAS telah menyatakan: "Pihak tuan menyangka bahawa jika Melayu dijadikan kebangsaan (bagi Persekutuan Tanah Melayu) maka bangsa lain pun terus menjadi Melayu (tetapi) ini tidak mesti, sebab, bagi PAS, bangsa lain hanyalah diberikan kerakyatan Melayu sahaja dan bukan kebangsaan yang bererti jati...Mereka baru mendapat taraf kerakyatan sedang orang-orang Melayu mempunyai hak mutlak..." (Surat Setiausaha Agung PAS, Othman Abdullah, kepada Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman Putra, bertarikh 11 November 1958 (tidak bertajuk). Hlm. 1).

¹³³ Sewaktu mengemukakan usul yang berbunyi "bahawa Majlis ini memutuskan iaitu memandang betapa mustahaknya rakyat Malaysia mempunyai satu rupa bangsa yang tegas, yang mana pada saat ini belum ada lagi, maka rupa bangsa rakyat Malaysia hendaklah disebut 'Melayu'" ini, Abu Bakar Hamzah telah menyatakan: "Apabila pihak kerajaan tidak dapat menerima *motion* saya ini, maka berertilah orang-orang UMNO yang di dalam kerajaan itu tidak mempunyai falsafah kebangsaan dan perjuangan kebangsaan yang ada dalam UMNO itu adalah pembohong semata-mata pada pendapat saya". Tambah beliau lagi: "Kita akan menghadapi pilihan raya (umum pada) tahun 1969...Kalau orang-orang dalam Perikatan yang dalam UMNO tidak sokong yang ini, maka saya akan fotostat bangkangan orang itu menceritakan kepada rakyat bahawa orang UMNO sudah tidak mahu kepada kebangsaan Melayu...untuk menang pilihan raya dalam negeri ini...". (Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. IV, No. 13, Saturday, 26 August 1967. Col. 2538-2544).

¹³⁴ Ibid. Vol. II, No. 49, Friday, 10 February 1961. Col. 5414. Sembilan orang Ahli Dewan Rakyat UMNO yang berucap membangkang usul yang dikemukakan oleh Onn Jaafar ini ialah Mohamed Ujang, Othman Abdullah, Ibrahim Abdul Rahman, Ahmad Said, Mokhtar Ismail, Ahmad Arshad, Hajjah Zain Sulaiman, Sardon Jubir dan Abdul Rahman Talib (Ibid. Vol. II, No. 50, Saturday, 11 February 1961. Col. 5439-5443, 5444-5445, 5450-5452, 5452-5454, 5454-5456, 5456-5458, 5458-5459, 5472-5477 dan 5495-5500) manakala empat orang Ahli Dewan Rakyat PAS yang berucap

alasan bahawa ia hanya akan menjelaskan kepentingan orang-orang Melayu;¹³⁵ dan sebagaimana nasib usul sama yang telah dikemukakan oleh Onn Jaafar di dalam sidang-sidang Dewan Rakyat pada 24 Februari 1960¹³⁶ dan 2 Disember 1960,¹³⁷ perbahasan mengenainya juga telah terhenti--kali ini langsung tidak bersambung--selepas hanya Mohd Daud Abdul Samad dan Senu Abdul Rahman sahaja sempat membahaskannya.¹³⁸

Sementara itu, satu langkah penting yang telah diambil oleh Jawatankuasa Kerja Agung PAS sebaik sahaja berlalunya Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 ialah untuk memantapkan lagi jentera penerangannya, khususnya dengan menghidupkan kembali majalah "Suara Islam" yang pernah diterbitkan olehnya di antara tahun-tahun 1956 dan 1959 serta tahun-tahun 1961 dan 1962,¹³⁹ kali ini dengan nama "Bulan

menyokongnya pula ialah Khadijah Mohd Sidek, Othman Abdullah, Dr Burhanuddin al-Helmy dan Zulkiflee Muhammad (*Ibid.* Vol. II, No. 50, Saturday, 11 February 1961. Col. 5445-5450, 5459-5472, 5477-5486 dan 5487-5494). Usul ini telah akhirnya dikalahkan apabila ia dikemukakan untuk diundi (*Ibid.* Vol. II, No. 50, Saturday, 11 February 1961. Col. 5516).

¹³⁵ Sewaktu berucap membangkang usul yang dikemukakan oleh Abu Bakar Hamzah ini, Senu Abdul Rahman telah menyatakan: "Kita faham dengan sendirinya manakala usul ini diluluskan, bermakna akan hapus segala hak-hak istimewa yang ada di dalam Perlembagaan (Persekutuan) dan bermakna kedudukan orang-orang Melayu tidak berbeza--tidak ada lagi hak-hak istimewa yang hendak dibandingkan dengan orang yang bukan Melayu..." (*Ibid.* Vol. IV, No. 13, Saturday, 26 August 1967. Col. 2546-2550).

¹³⁶ Dewan Rakyat. Undi-Undi Dan Perjalanan Mesyuarat. Penggal Pertama. Jil. I, Bil. 19, Hari Rabu, 24 Februari 1960, dlm. Federation of Malaya Parliament. Dewan Rakyat. Votes and Proceedings. First Session. September 1959 to February 1960. Vol. I. Hlm. 137. Usul yang dikemukakan oleh Onn Jaafar ini berbunyi "bahawa rupa bangsa Persekutuan Tanah Melayu hendaklah dikenal sebagai 'Melayu'".

¹³⁷ Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. II, No. 28, Friday, 2 December 1960. Col. 3175-3183. Sempat berucap menyokong usul yang dikemukakan oleh Onn Jaafar ini ialah Dr Burhanuddin al-Helmy, Othman Abdullah dan Khadijah Mohd Sidek (*Ibid.* Vol. II, No. 28, Friday, 2 December 1960. Col. 3183-3191, 3201-3209 dan 3210-3212) manakala sempat berucap membangkangnya ialah Abdul Razak Hussein, Mohamed Yusof Mahmud, Abdul Hamid Khan Sakhawat Ali Khan, Mohamed Khir Johari dan Kang Kock Seng (*Ibid.* Vol. II, No. 28, Friday, 2 December 1960. Col. 3191-3198, 3198-3200, 3200-3201, 3209-3210 dan 3212).

¹³⁸ Sewaktu berucap menyokong usul yang dikemukakan oleh Abu Bakar Hamzah ini, Mohd Daud Abdul Samad telah menyatakan: "Saya sukalah pihak kerajaan menentukan sesuatu rupa bangsa di Malaysia ini selekas mungkin untuk menolak dan mengelakkan segala mala petaka ataupun bencana yang sedang (di)laku(kan) dan akan (di)laku(kan) di (masa) hadapan ini (oleh rakyat yang tidak taat setia kepada negeri ini)" (*Ibid.* Vol. IV, No. 13, Saturday, 26 August 1967. Col. 2544-2546).

¹³⁹ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 10 November 1966. Hlm. 3. Usaha untuk menghidupkan kembali majalah "Suara Islam" ini tidak menemui banyak halangan memandangkan

Bintang".¹⁴⁰ Bermula dari keluaran pertamanya pada bulan Ogos 1967 sehingga ke keluaran terakhirnya pada bulan Februari 1969,¹⁴¹ majalah yang mulanya dicadang untuk diterbitkan di dalam huruf rumi bagi "meluaskan langkah perjuangan (PAS)"¹⁴² tetapi kemudiannya diputus untuk diterbitkan di dalam huruf jawi disebabkan tentang ahli-ahli PAS terhadapnya¹⁴³ ini telah memainkan peranan yang penting di dalam menyebarkan maklumat-maklumat kepartian (khususnya dengan menyiar laporan-laporan mengenai kegiatan para pemimpin PAS di seluruh negara dan di dalam Parlimen),¹⁴⁴ menjelaskan dasar perjuangan keIslam dan keMelayuannya (khususnya dengan menyiar tulisan-tulisan mengenai bentuk negara Islam yang dicita-citakan olehnya),¹⁴⁵ juga menyerang¹⁴⁶ dan menjawab serangan¹⁴⁷ para pemimpin UMNO.

kesediaan PKINK memberikan derma sebanyak RM14 ribu untuk membayai penerbitannya (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 3 Februari 1967. Hlm. 2).

¹⁴⁰ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 30 April 1967. Hlm. 4. Nama "Bulan Bintang" hanya dipilih setelah nama asal yang dicadang untuk digunakan bagi majalah ini, iaitu "Suara PAS", telah ditolak oleh pihak kerajaan (*Ibid.* Hlm. 2).

¹⁴¹ Penyata Tahunan PAS 1968/1971. Hlm. 83. Ekoran berlakunya Peristiwa 13 Mei, kerajaan telah, pada 22 Mei 1969, menarik balik kebenaran menerbitkan majalah "Bulan Bintang" ini (*Ibid.* Hlm. 83)--keputusan yang mendorong Pejabat Agung PAS menerbitkan Siaran Penerangan di antara bulan-bulan Januari dan November 1970 (*Ibid.* Hlm. 84). Walaupun kebenaran ini telah, pada 1 Januari 1971, diberikan semula oleh kerajaan (*Ibid.* Hlm. 84), "kerana beberapa halangan teknikal di pihak kita sendiri" (*Ibid.* Hlm. 84), majalah ini hanya mampu diterbitkan kembali pada bulan Jun 1971 ("Muncul kembali", dlm. Bulan Bintang, Bil. 1 Thn. 3, Jun 1971. Hlm. 2 dan 11).

¹⁴² Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 30 April 1967. Hlm. 4. Cadangan untuk menerbitkan majalah "Bulan Bintang" di dalam huruf rumi ini hanya diluluskan setelah Mohd Asri Muda menggunakan undi pemutus beliau untuk menyokongnya apabila tujuh orang Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS telah mengundi menyokongnya manakala tujuh orang Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang lain telah mengundi membangkangnya.

¹⁴³ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Jun 1967. Hlm. 2. Pendedahan mengenai tentang ahli-ahli PAS kepada cadangan untuk menerbitkan majalah "Bulan Bintang" di dalam huruf rumi ini telah dibuat oleh Mohd Taha Kalu.

¹⁴⁴ Lihat umpamanya "Dari Dewan Rakyat: Usul PAS mengenai rupa bangsa ditolak", dlm. Bulan Bintang, Bil. 2 Thn. 1, September 1967. Hlm. 14-15; "Kebudayaan kita masih terjajah", dlm. Bulan Bintang, Bil. 4 Thn. 1, November 1967. Hlm. 5 dan 16; dan "Perikatan meniru jejak langkah kaum musyrikin", dlm. Bulan Bintang, Bil. 1 Thn. 2, September 1968. Hlm. 17.

¹⁴⁵ Lihat umpamanya "Kedudukan pemerintahan Islam (Siri 2)", dlm. Bulan Bintang, Bil. 4 Thn. 1, November 1967. Hlm. 8; "Memahami perjuangan PAS: Dasar dan ideologinya (Siri 2)", dlm. Bulan Bintang, Bil. 8 Thn. 1, Mac 1968. Hlm. 4, 9, 12 dan 19; dan "Sebuah kajian mengenai kerakyatan dan negara menurut pandangan Islam (Siri 2)", dlm. Bulan Bintang, Bil. 3 Thn. 2, Disember 1968. Hlm. 9, 12 dan 16.

Tatkala PAS sedang bersiap sedia untuk melangsungkan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 yang ditetap untuk dilangsungkan di Terengganu pada 7, 8, 9 dan 10 Ogos 1967,¹⁴⁸ ia telah dikejutkan dengan kematian seorang ahli jawatankuasa kerja agungnya, Abdul Samad Gul Ahmad Mianji, yang telah dibunuh oleh seorang yang tidak dikenali pada 2 Julai 1967,¹⁴⁹ yang diikuti oleh kematian seorang lagi ahli jawatankuasa kerja agungnya, Ahmad Abdullah, yang telah terbunuh akibat satu kemalangan jalan raya pada 30 Ogos 1967,¹⁵⁰ menyebabkan pilihan raya kecil terpaksa dilangsungkan bagi merebut dua kerusi Dewan Rakyat, iaitu Pasir Mas Hulu dan Kelantan Hilir,¹⁵¹ sekaligus menyebabkan tarikh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali

¹⁴⁶ Lihat umpamanya "Khir Johari dan kegagalan projek luar bandar", dlm. Bulan Bintang, Bil. 2 Thn 1, September 1967. Hlm. 10-12; "Bantuan kerajaan kepada pembinaan berhala, gereja dan rumah ibadat bukan Islam", dlm. Bulan Bintang, Bil. 5 Thn. 1, Disember 1967. Hlm. 13 dan 16; dan "Pelajaran: Aliran menengah Melayu dan masa depannya", dlm. Bulan Bintang, Bil. 1 Thn. 2, September 1968. Hlm. 6, 7, 14 dan 18.

¹⁴⁷ Lihat umpamanya "PAS melakukan dosa? Kajian dangkal penulis Mingguan Merdeka", dlm. Bulan Bintang, Bil. 2 Thn 1, September 1967. Hlm. 9, 16 dan 19; "PAS dalam sidang UMNO", dlm. Bulan Bintang, Bil. 4 Thn. 1, November 1967. Hlm. 3 dan 16; dan "Tragedi Pulau Pinang", dlm. Bulan Bintang, Bil. 5 Thn. 1, Disember 1967. Hlm. 3 dan 18.

¹⁴⁸ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Jun 1967. Hlm. 2.

¹⁴⁹ "Ahli Parlimen PAS mati lepas ditetak", dlm. Utusan Malaysia, 4 Julai 1967; Siaran Jabatan Penerangan PAS Pusat bertarikh 17 Julai 1967 bertajuk "Kenyataan Ringkas Dari PAS". Hlm. 1; dan Laporan Tahunan Badan Perhubungan PAS Kelantan 1966/1968. Hlm. 7. Sementara beliau "diserang dengan sebilah kapak kecil" "setelah beliau turun dari majlis perayaan maulud di Dewan Zulkiflee Muhammad" pada pukul 12.15 malam 2 Julai 1967, Abdul Samad Gul Ahmad Mianji sendiri hanya meninggal dunia pada pukul 5.55 pagi 3 Julai 1967.

¹⁵⁰ Surat Hasan Adli Arshad, Naib Yang Dipertua Agung PAS, kepada Mohd Asri Muda, Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, bertarikh 2 September 1967 (tidak bertajuk). Hlm. 1; Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 20 September 1967. Hlm. 1; "Tuan Haji Ahmad Abdullah kembali ke rahmatullah", dlm. Bulan Bintang, Bil. 2 Thn. 1, September 1967. Hlm. 2; Perbahasan Parlimen. Dewan Rakyat Yang Kedua. Penggal Keempat. Penyata Rasmi. Jil. IV, No. 14, Hari Isnin, 13 November 1967. Ruangan 2570; dan Laporan Tahunan Badan Perhubungan PAS Kelantan 1966/1968. Hlm. 7. Sementara kemalangan jalan raya yang melibatkan beliau berlaku pada 30 Ogos 1967, Ahmad Abdullah sendiri hanya meninggal dunia pada 2 September 1967.

¹⁵¹ Selain daripada menyertai pilihan raya kecil bagi mempertahankan kerusi-kerusi Dewan Rakyat Pasir Mas Hulu dan Kelantan Hilir ini, PAS juga telah kemudiannya turut menyertai pilihan raya kecil bagi merebut kerusi Dewan Undangan Negeri Chukai, Terengganu, pada 23 Disember 1967 dan kerusi Dewan Undangan Negeri Baling Barat, Kedah, pada 27 Januari 1968. Kedua-dua pilihan raya kecil ini walau bagaimanapun telah dimenangi oleh calon-calon Perikatan, iaitu Ngah Awang yang mengalahkan calon PAS, Abdul Hamid Yahya, dengan majoriti sebanyak 1,019 undi di Chukai (Warta Kerajaan Negeri Terengganu, 30 November 1967, No. 362; dan Warta Kerajaan Negeri Terengganu, 25 Januari 1968, No. 11) dan Muhammad Zain Yusof yang mengalahkan calon PAS, Mohd Ramli

Ke-15 terpaksa dipinda, mulanya kepada 6, 7, 8 dan 9 Oktober 1967¹⁵² dan kemudianya kepada 19, 20, 21 dan 22 April 1968.¹⁵³ Di dalam dua pertarungan yang sengit, kedua-dua calon PAS--iaitu Tengku Zaid Tengku Ahmad¹⁵⁴ yang telah mengalahkan Hussain Ahmad di Pasir Mas Hulu pada 19 Ogos 1967 dan Nik Abdul Aziz Nik Mat¹⁵⁵ yang telah mengalahkan Tengku Nor Asiah Tengku Ahmad di Kelantan Hilir pada 21 Oktober 1967--berjaya mengekalkan kerusi-kerusi itu walaupun majoriti mereka jauh merosot.¹⁵⁶

Abdullah, dengan majoriti sebanyak 1,587 undi di Baling Barat (Warta Kerajaan Negeri Kedah, 11 Januari 1968, No. 5; dan Warta Kerajaan Negeri Kedah, 22 Februari 1968, No. 97).

¹⁵² Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 25 Ogos 1967. Hlm. 2.

¹⁵³ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 18 Januari 1968. Hlm. 2.

¹⁵⁴ Cadangan untuk memilih Tengku Zaid Tengku Ahmad sebagai calon PAS di dalam Pilihan Raya Kecil Pasir Mas Hulu telah pada asalnya dikemukakan oleh Ahli Jawatankuasa Kerja Agung merangkap Penasihat Undang-Undang PAS, Wan Mustapha Ali, di dalam Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 20 Julai 1967 (Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 20 Julai 1967. Hlm. 5) manakala keputusan untuk memilih beliau pula telah dibuat oleh Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 21 Julai 1967 (Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 21 Julai 1967. Hlm. 3) yang telah mengenepikan keputusan Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 20 Julai 1967 yang memilih Khadir Khatib (Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 20 Julai 1967. Hlm. 7).

¹⁵⁵ Cadangan untuk meletakkan Nik Abdul Aziz Nik Mat di dalam Pilihan Raya Kecil Kelantan Hilir telah dikemukakan oleh Yang Dipertua PAS Kota Bharu, Nik Abdullah Arshad, di dalam Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 20 September 1967 (Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 20 September 1967. Hlm. 2) manakala keputusan untuk memilih beliau pula telah dibuat oleh Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 September 1967 (Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 September 1967. Hlm. 2) yang telah sekadar mengesahkan keputusan Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 20 September 1967 yang memilih beliau (Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 20 September 1967. Hlm. 3).

¹⁵⁶ Undi majoriti yang diperolehi oleh Tengku Zaid Tengku Ahmad di dalam Pilihan Raya Kecil Pasir Mas Hulu ialah 2,802 (Warta Kerajaan Persekutuan, 31 Ogos 1967, No. 3795) berbanding undi majoriti yang diperolehi oleh Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani di dalam Pilihan Raya Umum 1959, iaitu 5,959 (Report on the Parliamentary and State Elections 1959. Hlm. 53), dan undi majoriti yang diperolehi oleh Abdul Samad Gul Ahmad Mianji di dalam Pilihan Raya Umum 1964, iaitu 4,361 (Penyata Pilihan Raya-Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) dan Dewan-Dewan Negeri, Tahun 1964, bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu. Hlm. 150). Undi majoriti yang diperolehi oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat di dalam Pilihan Raya Kecil Kelantan Hilir pula ialah 3,259 (Warta Kerajaan Persekutuan, November 1967, No. 4919) berbanding undi majoriti yang diperolehi oleh Wan Mustapha Ali di dalam Pilihan Raya Umum 1959, iaitu 8,111 (Report on the Parliamentary and State Elections 1959. Hlm. 53), dan undi majoriti yang diperolehi oleh Ahmad Abdullah di dalam Pilihan Raya Umum 1964, iaitu 6,225 (Penyata Pilihan Raya-Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) dan Dewan-Dewan Negeri, Tahun 1964, bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu. Hlm. 149).

Berhadapan dengan masalah kemerosotan pengaruh PAS di Kelantan yang ditambah pula dengan "tekanan-tekanan dari Perikatan (yang) semakin bertambah luar biasa (untuk) menghancurkan PAS Kelantan", Mohd Asri Muda telah, di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13 November 1967, mengarahkan para pemimpin PAS "(memper)hebatkan kempen (mereka) di luar Kelantan, lebih-lebih (lagi) di kawasan yang (PAS) ada harapan (untuk menang)",¹⁵⁷ tetapi belum pun sempat arahan ini dilaksanakan, PAS telah dihadapkan dengan satu masalah yang lebih besar pula, iaitu kemungkinan untuk--bersama-sama dengan PB--diharamkan kerana dikatakan terlibat mencetuskan rusuhan-rusuhan berdarah di dalam Peristiwa "Hartal" yang berlaku di Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis pada akhir bulan November dan awal bulan Disember 1967.¹⁵⁸ Para pemimpin PAS telah kemudiannya menafikan keterlibatan ahli-ahlinya di dalam peristiwa yang asalnya hanyalah berupa tunjuk perasaan bagi membantah penurunan mengejut nilai mata wang lama Malaysia ini¹⁵⁹ manakala Tengku

¹⁵⁷ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13 November 1967. Hlm. 3.

¹⁵⁸ Sementara 30 ahli PAS di Kedah dan 11 ahli PAS di Perak turut ditahan (tetapi telah kemudiannya dibebaskan melainkan 2 ahli PAS di Kedah) kerana dikatakan turut terlibat di dalam Peristiwa "Hartal" ini (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 18 Januari 1968. Hlm. 2), Abdul Razak Hussein telah, sewaktu menjawab pertanyaan daripada D R Seenivasagam di dalam Dewan Rakyat, menyatakan: "*Mr Lim Kean Siew, the leader of the Labour Party of Penang, was responsible for initiating the hartal which turned out into disturbances*" (Perbahasan Parliment. Dewan Rakyat Yang Kedua. Penggal Keempat. Penyata Rasmi. Jil. IV, No. 18. Hari Khamis, 18 Januari 1968, Ruangan 3221-3222). Apabila Dr Tan Chee Khoon menafikan penglibatan PB di dalamnya, Abdul Razak Hussein kemudiannya menyatakan: "*It was clear to us that this hartal was started by the Labour Party. It was admitted by Mr Lim Kean Siew himself: He admitted to us that the Labour Party started this, but he did say that he never expected that it could turn in the way it did*" (Ibid. Jil. IV, No. 18, Hari Khamis, 18 Januari 1968. Ruangan 3222). Abdul Razak Hussein juga telah, sewaktu menjawab pertanyaan daripada Abu Bakar Hamzah, turut menyatakan bahawa sejumlah 43 orang, dengan hanya 8 daripada mereka berbangsa Melayu, telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ekoran penglibatan mereka di dalam Peristiwa "Hartal" ini (Ibid. Jilid IV, No. 18. Hari Khamis, 18 Januari 1968, Ruangan 3235-3236).

¹⁵⁹ "Dari meja Setiausaha Agung", dlm. Bulan Bintang, Bil. 5 Thn. 1, Disember 1967. Hlm. 6; dan Kenyataan akhbar Setiausaha Penerangan PAS Pusat, Baharuddin Abdul Latif, bertarikh 20 Disember 1967 bertajuk "PAS Ulas Khir Johari". Hlm. 1.

Abdul Rahman Putra sendiri telah kemudiannya menolak desakan yang disuarakan oleh Mohamed Khir Johari, Setiausaha Agung UMNO, supaya PB dan PAS diharamkan.¹⁶⁰

Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 Dan Ke-16

Setelah sekali lagi terpaksa menghadapi pilihan raya kecil, kali ini bagi merebut kerusi Dewan Undangan Negeri Bachok Utara yang menjadi kosong akibat kematian, pada 7 Februari 1968, Shafei Ahmad, akibat penyakit darah tinggi yang dihidapi oleh beliau¹⁶¹--kerusi yang akhirnya dimenangi kembali oleh wakil PAS, Mohd Noor Ismail, yang mengalahkan wakil UMNO, Ismail Mamat, dengan majoriti hanya 473 undi¹⁶² berbanding majoriti 4,267 dan 1,724 undi yang diperolehi oleh Shafei Ahmad di dalam Pilihan Raya-Pilihan Raya Umum 1959¹⁶³ dan 1964¹⁶⁴ masing-masingnya--PAS telah akhirnya berjaya melangsungkan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15, yang digabungkan dengan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-16, di Dewan Syarikat Pegawai-Pegawai Kerajaan Perlis, Kangar, Perlis, pada 19, 20, 21 dan 22 April 1968. Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 dan Ke-16 ini merupakan satu mesyuarat agung tahunan yang amat penting kerana--selain menggabungkan dua mesyuarat agung tahunan yang sekaligus menyaksikan PAS terpaksa memilih semula barisan ahli-ahli

¹⁶⁰ "Macam-macam!", dlm. Bulan Bintang, Bil. 6/7 Thn. 1, Januari/Februari 1968. Hlm. 14; dan Kenyataan akhbar Setiausaha Penerangan PAS Pusat, Baharuddin Abdul Latif, bertarikh 20 Disember 1967 bertajuk "PAS Ulas Khir Johari". Hlm. 1.

¹⁶¹ "Dalam kenangan: Saudara Ustaz Shafei Ahmad", dlm. Bulan Bintang, Bil. 8 Thn. 1, Mac 1968. Hlm. 3; dan Laporan Tahunan Badan Perhubungan PAS Kelantan 1966/1968. Hlm. 7.

¹⁶² Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 22 Februari 1968, No. 78; dan Warta Kerajaan Negeri Kelantan, 30 Mei 1968, No. 207.

¹⁶³ Report on the Parliamentary and State Elections 1959. Hlm. 36.

¹⁶⁴ Penyata Pilihan Raya-Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) dan Dewan-Dewan Negeri, Tahun 1964, bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu. Hlm. 79.

jawatankuasa kerja agungnya--ia merupakan mesyuarat agung tahunan yang terakhir sekali dilangsungkan sebelum berlangsungnya pilihan raya umum yang akan datang.¹⁶⁵

Ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 dan Ke-16 ini merupakan satu ucapan dasar yang--mungkin disebabkan oleh keyakinan beliau bahawa Perikatan, disebabkan "kekuatan MCA mulai rapuh" manakala "kepercayaan pengundi-pengundi Melayu terhadap UMNO semakin pudar,"¹⁶⁶ akan gagal memperolehi "majoriti mutlak" sekaligus menggagalkan hasratnya untuk membentuk sebuah kerajaan yang kuat setelah berakhirnya Pilihan Raya Umum Kali Ke-4¹⁶⁷ dan bahawa PAS pada ketika itu akan menjadi faktor penentu di dalam persada politik negara yang telah berubah perimbangan kuasanya¹⁶⁸--cukup bertenaga sekali melalui selaran-selaran tajamnya ke atas dasar-dasar Kerajaan Perikatan. Walaupun begitu, Mohd Asri Muda telah terlebih dahulu membersihkan imej PAS dengan menyifatkan kemerosotan undi calon-calonnya di dalam tiga pilihan raya kecil di Kelantan itu sebagai berpunca daripada tindakan UMNO "mencabuli prinsip-prinsip demokrasi dan melanggar susila-susila kemanusiaan"¹⁶⁹ dan dengan menyifatkan langkah Kerajaan Kelantan meminjam

¹⁶⁵ Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 dan Ke-16 pada 19, 20, 21 dan 22 April 1968 (tidak bertajuk). Hlm. 4. Jelas Mohd Asri Muda: "Inilah mesyuarat agung yang terakhir sebelum menghadapi pilihan raya umum nanti, sama ada dalam tahun ini atau dalam tahun 1969 mengikut apa yang dijamin oleh Tengku Perdana Menteri. Kita tidak akan bermesyuarat agung selepas ini melainkan sesudah selesainya pilihan raya besar nanti".

¹⁶⁶ Ibid. Hlm. 5.

¹⁶⁷ Ibid. Hlm. 5. Ramal Mohd Asri Muda: "Harapan Parti Perikatan untuk mendapatkan *absolute majority* nampaknya amat tipis sekali walaupun mungkin mereka hanya akan dapat memerintah dengan sekadar majoriti *fifty plus* sahaja, yang mana dengan sendirinya kerajaan sedemikian akan merupakan sebuah kerajaan yang lemah sekali".

¹⁶⁸ Ibid. Hlm. 6. Akui satu penerbitan rasmi UMNO kemudiannya: "Akibat kemerosotan pengaruh UMNO-Perikatan, kekacauan dalam negara berlaku selepas Pilihan Raya (Umum) 1969. Orang-orang Melayu sedar bahawa kuasa politik mereka telah merosot sedangkan perbaikan kepada ekonomi mereka belum tentu. Perimbangan politik yang wujud selama ini telah digoncang. Orang-orang Melayu menjadi lebih radikal dan menentang sebarang perbuatan tolak-ansur yang berlebih-lebihan..." (Bahagian Penyelidikan UMNO Malaysia (1971). Persidangan Agung UMNO Kali Ke-22: UMNO Di Persimpangan Jalan. Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan UMNO Malaysia. Hlm. 21-22).

RM1 juta dari Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 1967 sebagai berpunca daripada tindakan berterusan Kerajaan Persekutuan melumpuhkan kedudukan kewangannya.¹⁷⁰

Setelah menjelaskan betapa PAS tidak akan menyertai barisan pembangkang bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Kali Ke-4,¹⁷¹ Mohd Asri Muda telah menyelar Kerajaan Perikatan kerana dikatakan menyelewengkan Perlembagaan Persekutuan dengan membina rumah-rumah ibadat agama lain,¹⁷² dengan tidak mendaulatkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi negara yang tunggal,¹⁷³ dengan tidak melaksanakan dengan sepenuhnya hak-hak istimewa Melayu--yang dikatakan "tidak lebih daripada suatu tolak-ansur yang longgar dari kalangan yang bukan Melayu"--itu kepada bangsa Melayu¹⁷⁴ dan dengan "mengugut, menangkap dan menahan siapa saja yang

¹⁶⁹ Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 dan Ke-16 pada 19, 20, 21 dan 22 April 1968 (tidak bertajuk). Hlm. 2-3. Secara khususnya, Mohd Asri Muda telah mendakwa bahawa "di samping penangkapan-penangkapan dan penggunaan alat-alat negara, (pihak Perikatan) telah melakukan kekerasan-kekerasan dan ugutan-ugutan kepada pengundi-pengundi dengan merampas kad-kad pengenalan, sama ada dengan memberi wang atau dengan paksaan dan ancaman".

¹⁷⁰ Ibid. Hlm. 7-13. Mengikut Mohd Asri Muda, tindakan berterusan Kerajaan Persekutuan ini adalah dipandu oleh kecenderungan Perikatan untuk "mewujudkan bentuk satu negara kesatuan seperti percubaan kolonial Inggeris memalaykan negara kita ini pada satu masa dahulu". Di sebalik tindakan ini, Kerajaan Kelantan dikatakan "masih hidup sebagai satu-satunya kerajaan orang Melayu yang tunggal yang paling dibenci dan dimusuhi oleh Perikatan yang anti-Melayu".

¹⁷¹ Ibid. Hlm. 4-5. Mengikut Mohd Asri Muda, ketidaksediaan PAS untuk menyertai barisan pembangkang ini adalah didorong oleh hasratnya untuk "(berlaku) jujur kepada cita-cita perjuangan kita", khususnya bagi membolehkannya "mengambil-alih pimpinan pemerintahan dan dengan demikian melaksanakan dasar dan tujuan parti kita". Walau bagaimanapun, beliau juga turut menyatakan bahawa PAS tidaklah menolak terus sebarang persefahaman atau kerjasama yang mungkin timbul, "dengan syarat tidaklah terpaksa kita mengorbankan dasar perjuangan kita".

¹⁷² Ibid. Hlm. 13-15. Pembinaan rumah-rumah ibadat agama lain ini dikatakan telah mencabuli Fasal 3 dari Perlembagaan Malaysia yang memperuntukkan bahawa Islam adalah agama negara.

¹⁷³ Ibid. Hlm. 15-19. Kegagalan untuk mendaulatkan bahasa kebangsaan sebagai bahasa rasmi negara yang tunggal ini dikatakan telah mencabuli Fasal 152 dari Perlembagaan Malaysia yang sekadar memperuntukkan kedudukan bahasa Inggeris sebagai salah satu bahasa rasmi negara untuk tempoh selama sepuluh tahun dari tarikh hari kemerdekaan negara sahaja.

¹⁷⁴ Ibid. Hlm. 19-20. Kegagalan melaksanakan dengan sepenuhnya hak-hak istimewa Melayu ini dikatakan telah mencabuli Fasal 153 dari Perlembagaan Malaysia yang memperuntukkan bahawa bangsa Melayu hendaklah diberikan keutamaan yang khusus di dalam beberapa bidang yang tertentu.

dikehendaknya tanpa dihadapkan ke muka pengadilan mengikut semestinya".¹⁷⁵ Selain selaran yang turut diberikan ke atas kegagalan Kerajaan Perikatan--yang dikatakan "parti yang didokong oleh kapitalis"¹⁷⁶--untuk menseimbangkan kedudukan ekonomi di antara golongan bumiputera dan golongan bukan bumiputera,¹⁷⁷ juga ke atas kegagalannya menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang utama di institusi-institusi pelajaran,¹⁷⁸ ia--yang dikatakan "pemerintah yang tidak berdasarkan Islam"¹⁷⁹--juga turut diselar sebagai punca kepada semua kemaksiatan yang wujud di dalam negara ini.¹⁸⁰

Di sebalik penegasan Mohd Asri Muda mengenai matlamat PAS untuk "mewujudkan negara keredhaan Allah" di negara ini,¹⁸¹ hakikat bahawa PAS sebenarnya masih belum bersedia untuk memainkan peranan sebagai sebuah parti pemerintah jelas terserlah melalui kenyataan Jawatankuasa Kerja Agung PAS, sewaktu menjawab

¹⁷⁵ Ibid. Hlm. 20-21. Pengugutan, penangkapan dan penahanan tanpa dihadapkan ke muka pengadilan ini dikatakan telah mencabuli Fasal 5 dari Perlembagaan Malaysia yang menjamin kebebasan hak-hak asasi seseorang individu.

¹⁷⁶ Ibid. Hlm. 28. Rujukan kepada Perikatan sebagai sebuah "parti yang didokong oleh kapitalis (bagi maksud mencari kemewahan di atas kesengsaraan rakyat terbanyak)" ini telah dibuat oleh Mohd Asri Muda di dalam konteks untuk menunjukkan kemampuan PAS untuk "melaksanakan program ekonomi nasional dalam semua bentuk dan rupa dari sebesar-besar hingga sekecil-kecil usaha".

¹⁷⁷ Ibid. Hlm. 22-28. Mohd Asri Muda telah kemudiannya mengisyiharkan bahawa "seluruh persoalan ekonomi negara dan keutuhan negara dalam jangka pendek dan jangka panjang (hanya) dapat diatasi... dengan menjadikan seluruh susunan ekonomi negara sebagai satu bentuk ekonomi nasional".

¹⁷⁸ Ibid. Hlm. 28-34. Selain selaran umum yang telah dibuat oleh beliau ke atas sokongan kerajaan kepada sekolah kebangsaan yang menggunakan bahasa Inggeris, dan sekolah jenis kebangsaan yang menggunakan bahasa-bahasa Cina dan Tamil, sebagai bahasa pengantarnya, Mohd Asri Muda juga telah turut menyelar keputusan kerajaan untuk mewujudkan satu fakulti Cina di Universiti Malaya yang dikatakan akan "menguatkan kedudukan sekolah jenis kebangsaan aliran bahasa Cina dalam negeri ini untuk hidup terus-menerus tanpa diganggu-gugat lagi" (Ibid. Hlm. 34-35).

¹⁷⁹ Ibid. Hlm. 43.

¹⁸⁰ Ibid. Hlm. 43. Tegas Mohd Asri Muda: "Ya, pada hakikatnya negara yang tidak berdasarkan Islam dalam pemerintahannya adalah punca daripada segala maksiat. Tak usah marah kepada rakyat yang mempersetan agama dalam tindak dan laku mereka sebab mereka beragama mengikut agama orang-orang yang berkuasa dalam pemerintahan".

¹⁸¹ Ibid. Hlm. 45. Mengulangi penegasan beliau di dalam ucapan dasar beliau pada Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1966, Mohd Asri Muda juga telah turut menyatakan: "Dalam percaturan politik di Malaysia ini, hanyalah PAS satu-satunya parti politik yang

pertanyaan seorang perwakilan¹⁸² mengenai perlaksanaan ketetapan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 yang meminta PAS "menetapkan dari sekarang akan dasar-dasar pemerintahan Islam dari segi politik, ekonomi, pelajaran, kebudayaan dan lain-lainnya yang akan diperjuangkan oleh PAS bila ia berkuasa kelak, sama ada di peringkat negeri atau persekutuan",¹⁸³ bahawa "PAS telah ada jawatankuasanya tetapi masih dalam usaha rangkaan dan belum dapat dijadikan pernyataan".¹⁸⁴ Begitu juga dengan Dewan Ulama' PAS Pusat yang telah dikritik hebat kerana dikatakan gagal berperanan sebagai sebuah dewan yang tertinggi di dalam PAS¹⁸⁵ dan kerana dikatakan tidak aktif,¹⁸⁶ termasuklah kerana gagal melangsungkan mesyuarat,¹⁸⁷ memberikan penerangan kepada

berdasarkan Islam...(yang memperjuangkan) (per)laksana(an) hukum Allah dalam diri perseorangan, masyarakat dan pemerintahan negara bagi mencapai keredhaan Allah" (Ibid. Hlm. 41-42).

¹⁸² Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 dan Ke-16 pada 19, 20, 21 dan 22 April 1968. Hlm. 16. Pertanyaan mengenai perkara ini telah dikemukakan oleh wakil Kota Setar Barat.

¹⁸³ Ketetapan ini terhasil daripada satu usul yang telah dikemukakan oleh wakil Sena Mata Air di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1966 (Peringatan bertarikh 18 Ogos 1966 bertajuk "Usul-Usul Yang (Dikemukakan) Oleh Para Perwakilan Dalam Sidang (Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali) Ke-14". Hlm. 2).

¹⁸⁴ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 dan Ke-16 pada 19, 20, 21 dan 22 April 1968. Hlm. 18. Jawapan kepada pertanyaan mengenai perkara ini telah diberikan oleh Amaluddin Darus yang mewakili Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang lainnya. Mesyuarat Jawatankuasa Penerangan PAS Pusat pada 8 Jun 1968 telah kemudiannya meluluskan ketetapan yang menghendaki "supaya tiap-tiap seksi kerja (jabatan-jabatan) mengemukakan konsep perjuangan PAS di bidang seksi masing-masing yang akan dijadikan pegangan mutlak dalam penerangan-penerangan PAS... (di mana) hasil rumusan tiap-tiap seksi (yang) akan dibincangkan dalam suatu perjumpaan terdiri dari(pada) Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS dan ahli-ahli parti yang dianggap ahli dalam bidang-bidang yang berkaitan... itu kelak akan merupakan konsep PAS dalam bidang-bidang tersebut" (Surat Setiausaha Jabatan Penerangan PAS Pusat, Baharuddin Abdul Latif, kepada Pengurus Jawatankuasa-Jawatankuasa Politik; Ekonomi; Pelajaran; Buruh, Kebajikan dan Kemasyarakatan; Pilihan Raya dan Penerangan PAS Pusat bertarikh 17 Jun 1968 bertajuk "Rumusan Konsep Perjuangan PAS". Hlm. 1). Keputusan yang dikatakan dibuat kerana "pada masa-masa yang lampau kita belum/tidak lagi mempunyai suatu konsep yang jelas atau cukup jelas mengenai bidang-bidang tersebut" (Ibid. Hlm. 1) ini walau bagaimanapun "telah tidak terlaksana kerana tidak ada jabatan-jabatan yang telah berusaha melaksanakannya" (Penyata Tahunan PAS 1968/1971. Hlm. 83).

¹⁸⁵ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 dan Ke-16 pada 19, 20, 21 dan 22 April 1968. Hlm. 24 dan 25. Kritikan ini telah dibuat oleh wakil-wakil Kayang Kuala Perlis dan Tanjung Karang. Kegagalan Dewan Ulama' PAS Pusat berperanan sebagai sebuah dewan yang tertinggi di dalam PAS ini menyebabkan wakil Kuala Langat terus mencadangkan supaya ia dibubarkan.

¹⁸⁶ Ibid. Hlm. 24 dan 25. Secara khususnya, wakil Machang telah menanyakan, "apakah tugas (Dewan Ulama' PAS Pusat)?", manakala wakil Bachok pula telah menanyakan, "apakah yang telah dihasilkan (Dewan Ulama' PAS Pusat) dalam masa dua tahun yang lalu?".

¹⁸⁷ Ibid. Hlm. 24. Kritikan ini telah dibuat oleh wakil Sena Mata Air.

ahli-ahli PAS¹⁸⁸ dan melakukan sesuatu ke atas tuntutan Pendaftar Pertubuhan Malaysia supaya kalimah "Allah Muhammad" pada bendera dan pingat PAS dihapuskan.¹⁸⁹

Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 dan Ke-16 ini juga menyaksikan berlakunya keributan di dalam urusan pemilihan Pegawai-Pegawai Agung PAS tatkala tindakan pengerusinya membenarkan para perwakilan menambahkan nama calon-calon baru untuk jawatan-jawatan itu telah segera dipergunakan oleh seorang perwakilan untuk mencalonkan nama Mohd Asri Muda sebagai Yang Dipertua Agung PAS¹⁹⁰--cadangan yang kemudiannya mencetuskan perbahasan yang hangat di antara golongan yang mahukan Dr Burhanuddin al-Helmy, yang merupakan calon tunggal untuk jawatan itu, terus kekal memimpin PAS dan golongan yang mahukan Mohd Asri Muda mengambil-alih jawatan itu dari beliau.¹⁹¹ Di sebalik penjelasan mengenai bertambah uzurnya Dr Burhanuddin al-Helmy¹⁹² dan mengenai hasrat kebanyakan Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS untuk mendapat pucuk pimpinan yang cergas,¹⁹³ hujjah-hujjah yang mempertikaikan kewajaran cadangan ini terus bergema di atas alasan bahawa ia tidak dibuat mengikut peraturan parti, bahawa ia akan menambahkan lagi keuzuran Dr Burhanuddin al-Helmy, bahawa Rasulullah sendiri walaupun gering hanya digantikan sesudah Baginda wafat¹⁹⁴ dan bahawa ia hanya akan memecahkan perpaduan parti.¹⁹⁵

¹⁸⁸ Ibid. Hlm. 24. Kritikan ini telah dibuat oleh wakil Kangkung Bukit Raya.

¹⁸⁹ Ibid. Hlm. 24. Kritikan ini telah dibuat oleh wakil Tanah Merah.

¹⁹⁰ Ibid. Hlm. 27. Pencalonan ini telah dibuat oleh wakil Paya Kaki Bukit, tetapi ia, yang disokong oleh wakil Machang, telah dibangkang oleh wakil Dungun yang disokong pula oleh wakil Kangar Bintong.

¹⁹¹ Berhujjah menyokong pencalonan ini ialah wakil-wakil Kuala Terengganu Selatan dan Kangkung Bukit Raya, tetapi juga Hashim Gera, seorang "pemerhati dari Perak" yang dibenarkan berucap oleh pengerusi (Ibid. Hlm. 28-29).

¹⁹² Ibid. Hlm. 28. Penjelasan mengenai perkara ini telah dibuat oleh Amaluddin Darus.

¹⁹³ Ibid. Hlm. 28. Penjelasan mengenai perkara ini telah dibuat oleh Hasan Adli Arshad.

¹⁹⁴ Ibid. Hlm. 28. Hujjah-hujjah ini telah dikemukakan oleh wakil Dungun.

Kehangatan perbahasan yang terhenti ekoran tindakan pengerusi menangguhkan sidang mesyuarat lebih awal pada hari itu untuk memberikan peluang kepada para perwakilan memikirkan dengan "secara halus dan luas" mengenainya¹⁹⁶ bergema kembali keesokan paginya dengan hujjah-hujjah yang menyokong¹⁹⁷ dan membangkangnya¹⁹⁸ yang lebih dihangatkan oleh tuduhan seorang perwakilan bahawa pengerusi mempunyai agenda untuk menggulingkan Dr Burhanuddin al-Helmy kerana membuka peluang pencalonan tanpa terlebih dahulu meminta pendapat para perwakilan,¹⁹⁹ tuduhan yang dinafikan oleh beliau yang--di sebalik permintaan seorang perwakilan lain agar beliau, wakil yang mencalonkan nama Mohd Asri Muda atau Mohd Asri Muda sendiri sama ada mengakui kesilapan mereka atau menarik diri dari dicalonkan²⁰⁰--telah sebaliknya mengemukakan cadangan ini untuk diundi.²⁰¹ Sementara Mohd Asri Muda, yang diberikan peluang untuk berucap sebelum pengundian itu dilakukan, telah menegaskan bahawa "waima (beliau) Timbalan Yang Dipertua Agung atau Yang Dipertua Agung pun

¹⁹⁵ Ibid. Hlm. 28. Hujjah ini telah dikemukakan oleh wakil-wakil Kuala Terengganu Utara dan Kemaman.

¹⁹⁶ Ibid. Hlm. 29.

¹⁹⁷ Ibid. Hlm. 29-30. Turut berhujjah menyokong cadangan untuk mencalonkan nama Mohd Asri Muda sebagai Yang Dipertua Agung PAS ini ialah wakil Bachok, yang menyatakan bahawa ia adalah tidak bertentangan dengan mana-mana peruntukan yang ada di dalam Perlembagaan PAS dan bahawa Dr Burhanuddin al-Helmy tidak akan keberatan untuk melepaskan jawatan beliau kerana beliau dikatakan seorang ahli sufi yang ikhlas di dalam perjuangan, dan wakil Dewan Pemuda PAS Pusat, yang menyatakan keyakinan beliau bahawa, kalaupun beliau dipilih untuk menjawat jawatan Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda tidak akan berkesanggupan untuk menerima jawatan itu.

¹⁹⁸ Ibid. Hlm. 29-30. Berhujjah membangkang cadangan untuk mencalonkan nama Mohd Asri Muda sebagai Yang Dipertua Agung PAS ini ialah wakil Dewan Ulama' PAS Pusat, yang menyatakan bahawa ahli-ahli PAS perlu mengutamakan dasar menolak fitnah dan sengketa daripada mencari kebaikan, dan wakil Tanjung Karang, yang menyatakan bahawa "harimau itu walaupun ia tidur tetapi orang tetap takut juga".

¹⁹⁹ Ibid. Hlm. 29-30. Tuduhan ini telah dibuat oleh wakil Besut.

²⁰⁰ Ibid. Hlm. 30. Permintaan ini telah dibuat oleh wakil Kuala Kangsar.

²⁰¹ Ibid. Hlm. 30. Cadangan yang dikemukakan untuk diundi ini walau bagaimanapun tidak hanya menyentuh pencalonan nama Mohd Asri Muda sebagai Yang Dipertua Agung PAS sahaja kerana ia adalah berbentuk umum, iaitu sama ada para perwakilan bersetuju menambahkan nama calon-calon baru untuk jawatan Pegawai-Pegawai Agung PAS ataupun tidak.

(beliau) seperti biasa",²⁰² cadangan itu sendiri telah ditolak apabila 92 perwakilan telah mengundi membangkangnya berbanding 8 undi menyokong dan 13 undi berkecuali.²⁰³

Selain dihangatkan dengan perbahasan mengenai pengharaman penggunaan kalimah "Allah Muhammad" pada bendera dan pingat PAS²⁰⁴ yang berakhir dengan kelulusannya ke atas resolusi yang meminta agar tempat kalimah itu di dalam bulatan hijau pada bendera dan pingat PAS dikosongkan sahaja dengan tidak diganti oleh sesuatu yang lain sehingga PAS mencapai kemenangan,²⁰⁵ Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 dan Ke-16 ini juga dihangatkan dengan percubaan wakil Dewan Ulama' PAS Pusat untuk mendapatkan "kedudukan yang lebih tinggi dan kuasa yang lebih luas" kepada dewan itu melalui pengemukaan usul yang meminta agar Perlembagaan PAS dipinda bagi menambahkan frasa "dengan panduan Dewan Ulama'" kepada frasa

²⁰² Ibid. Hlm. 31. Sementara Mohd Asri Muda kelihatan bersikap terbuka ke atas pencalonan nama beliau sebagai Yang Dipertua Agung PAS ini, beliau juga turut menegaskan: "Kalau ada orang (yang) mempertahankan Tuan Dr Burhanuddin sebagai tokoh pemimpin, maka sayalah orangnya. Saya telah berdamping dengan beliau sejak tahun 1945 sehingga PAS ini wujud. Malah hendak menilai sudut ketokohan dan kepimpinan beliau tak perlu diungkit-ungkit..." (Ibid. Hlm. 30).

²⁰³ Ibid. Hlm. 31. Penolakan cadangan untuk menambahkan nama calon-calon baru untuk jawatan Pegawai-Pegawai Agung PAS ini sekaligus mengekalkan kedudukan Dr Burhanuddin al-Helmy sebagai Yang Dipertua Agung PAS, juga kedudukan Mohd Asri Muda sebagai Timbalan Yang Dipertua Agung PAS. Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 dan Ke-16 ini juga telah memilih Hasan Adli Arshad sebagai Naib Yang Dipertua Agung PAS--di samping telah turut memilih Wan Mustapha Ali, Amaluddin Darus, Tengku Zaid Tengku Ahmad, Abu Bakar Hamzah, Mohd Daud Abdul Samad, Mohd Taha Kalu, Yusoff Rawa dan Baharuddin Abdul Latif sebagai Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS--bagi sesi 1968/1970 (Ibid. Hlm. 31-32)--tempoh yang telah kemudiannya dilanjutkan ke tahun 1971 disebabkan oleh kegagalan PAS melangsungkan mesyuarat agung tahunannya pada tahun 1970.

²⁰⁴ Selaras dengan pengharaman penggunaan kalimah "Allah Muhammad" pada bendera dan pingat PAS ini, Pejabat Agung PAS telah mengarahkan seluruh Badan Perhubungan PAS Negeri dan PAS Cawangan "menghapuskan (kedua-dua perkataan) itu dari papan-papan tanda masing-masing" dengan cara "(menge)catkan warna hijau dahulu sebagai ganti tempat yang dipadamkan itu" (Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Setiausaha-Setiausaha (Badan) Perhubungan (PAS Negeri) dan (Setiausaha-Setiausaha) PAS Cawangan bertarikh 11 Oktober 1967 bertajuk "Lambang Allah Dan Muhammad". Hlm. 1).

²⁰⁵ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 dan Ke-16 pada 19, 20, 21 dan 22 April 1968. Hlm. 34-35. Resolusi yang dikemukakan oleh wakil Yan Merbuk ini telah memperolehi 117 undi menyokong berbanding 6 undi membangkang dengan wakil-wakil Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Tanjung Piandang, Kuala Kangsar, Kota Setar Selatan, Dewan Muslimat PAS Pusat dan Dewan Ulama'

"dengan tertakluk kepada (Kitabullah dan Sunnah Rasul serta Ijma' Ulama' dan Qias yang terang dan nyata), adalah kekuasaan PAS dipegang oleh Majlis Mesyuarat Agung".²⁰⁶ Walaupun begitu, percubaan ini telah tidak kesampaian apabila Mohd Asri Muda menyatakan bahawa ia hanya akan merumitkan PAS²⁰⁷ dan bahawa ia adalah bertentangan dengan kehendak Pendaftar Pertubuhan Malaysia yang mahukan pertubuhan-pertubuhan di negara ini dikendalikan secara "benar-benar demokratik".²⁰⁸

Pilihan Raya Umum 1969 Dan Peristiwa 13 Mei

Hanya empat bulan setelah Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 dan Ke-16 ini dilangsungkan, PAS Kelantan--yang kini diketuai oleh Mohd Noor Yusoff²⁰⁹-- telah dihadapkan dengan kemungkinan jatuhnya Kerajaan Kelantan sekiranya usul undi tidak percaya yang dirancang untuk dikemukakan terhadapnya oleh wakil-wakil

PAS Pusat berhujjah menyokongnya sementara wakil-wakil Tanah Merah dan Sala berhujjah membangkangnya.

²⁰⁶ Ibid. Hlm. 38. Berhujjah menyokong usul untuk mendapatkan "kedudukan yang lebih tinggi dan kuasa yang lebih luas" kepada Dewan Ulama' PAS Pusat ini ialah wakil Besut, manakala berhujjah membangkangnya ialah wakil-wakil Dewan Pemuda PAS Pusat dan Semantan.

²⁰⁷ Ibid. Hlm. 38. Secara khususnya, Mohd Asri Muda telah menyatakan bahawa kelulusan usul ini akan menyebabkan ahli-ahli Dewan Ulama' PAS Pusat tidak boleh menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan PAS sebagai perwakilan di samping turut menyebabkan Dewan Ulama' PAS Pusat terpaksa melangsungkan mesyuarat agung tahunannya lebih awal dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan PAS.

²⁰⁸ Ibid. Hlm. 38. Mohd Asri Muda walau bagaimanapun telah, sewaktu mengulas penjelasan wakil Dewan Ulama' PAS Pusat kemudiannya bahawa "hal ini timbul ialah kerana salah susunan dan kedudukan dewan-dewan (yang) perlu diperbetulkan (bagi tujuan) (peny)elaras(an) dan kemudahan memperjuangkannya", turut menyatakan kesanggupan Jawatankuasa Kerja Agung PAS untuk "menyusun semula kedudukan dewan-dewan dan kemudiannya dirundingkan bersama-sama".

²⁰⁹ Perlantikan Mohd Noor Yusoff sebagai Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan telah dibuat di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 April 1968 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 April 1968. Hlm. 2). Beliau kekal memegang jawatan ini sehinggalah beliau digantikan oleh Ishak Lotfi Omar yang telah dilantik untuk mengambil-alih jawatan ini di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 21 Jun 1971 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 21 Jun 1971. Hlm. 2). Penggantian Khairul Khatib sebagai Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 23 April 1968 ini walau bagaimanapun telah diimbangi oleh perlantikan beliau sebagai Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada tarikh yang sama (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 April 1968. Hlm. 2), begitu juga dengan Mohd Noor Yusoff (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 21 Jun 1971. Hlm. 2).

Perikatan di dalam sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 20 Ogos 1968 diluluskan oleh dewan itu.²¹⁰ Percubaan yang didorong oleh kejayaan Perikatan²¹¹ mendorong empat orang Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS, iaitu Abdul Rahman Mohd Salleh, Omar Mohammad, Yusoff Abdul Latif dan Abdullah Yusoff, mengisyiharkan penarikan diri mereka dari menjadi ahli PAS dengan tiga daripadanya, iaitu Omar Mohammad, Yusoff Abdul Latif dan Abdullah Yusoff, turut mengisyiharkan kemasukan mereka ke dalam UMNO²¹² bersama-sama dengan kemasukan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari Bebas, iaitu Saufi Idris,²¹³ ke dalamnya pada 18

²¹⁰ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 30 Ogos 1968. Hlm. 2-4; "Dari hati ke hati: 'Lembu UMNO' untuk memenangi hati rakyat Kelantan", dlm. Siaran PAS Kelantan, Bil. 10/11 Thn. 3, Oktober/November 1968. Hlm. 2 dan 19; dan Wawancara dengan Wan Sulaiman Ibrahim di kediaman beliau pada 16 April 1999. Percubaan UMNO untuk "membeli" Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS ini telah sebenarnya disedari oleh para pemimpin PAS sejak dari tahun 1961 lagi setelah mereka dimaklumkan oleh Yang Dipertua PAS Teluk Anson, Othman Saidi, mengenai rancangan para pemimpin UMNO untuk berbuat demikian (Surat Yang Dipertua PAS Teluk Anson, Othman Saidi, kepada Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Mohd Asri Muda, bertarikh 11 November 1961 bertajuk "Nak Menculik Ahli-Ahli (Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS)". Hlm. 1). Mohd Asri Muda juga telah, di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 18 Januari 1968, melaporkan mengenai kewujudan percubaan sebegini yang dikatakan telah berjaya beliau gagalkan (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 18 Januari 1968. Hlm. 2).

²¹¹ Abdullah Yusoff dan Saufi Idris walau bagaimanapun telah kemudiannya menyatakan bahawa mereka "dengan beberapa orang rakan (mereka) yang lain telah membuat keputusan perjanjian bersama hendak menumbangkan Kerajaan PAS Kelantan"--di atas "kesedaran" bahawa "Parti PAS yang memperalatkan agama Islam yang maha suci itu tidak dapat berbuat apa-apa perkembangan dan kemajuan (untuk) agama Islam sesudah mereka berkuasa memerintah negeri Kelantan hampir sepuluh tahun, lebih-lebih lagi Parti PAS tidak mampu memberi pertolongan kepada bangsa Melayu, bangsa kita yang dikasihini itu", juga di atas "kesedaran" bahawa "di dalam memainkan peranannya sebagai parti pemerintah di negeri Kelantan ini, pemimpin-pemimpin Kerajaan PAS Kelantan hanya asyik mencari dan mengumpulkan kekayaan bagi diri mereka sendiri (sahaja)"--sejak dari tarikh 31 Mac 1967 lagi (Kenyataan akhbar Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari Tok Uban, Abdullah Yusoff, dan Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari Kota Bharu Timur, Saufi Idris (tidak bertarikh dan tidak bertajuk). Hlm. 1).

²¹² Sementara Abdul Rahman Mohd Salleh, Omar Mohammad dan Yusoff Abdul Latif dikatakan bersumpah dengan menggunakan kalimah-kalimah "*wallahi*", "*wabillahi*" dan "*watallahi*" untuk menarik diri dari menjadi ahli PAS, hanya Omar Mohammad dan Yusoff Abdul Latif sahaja turut bersumpah untuk menyertai UMNO manakala Abdul Rahman Mohd Salleh pula dikatakan sekadar bersumpah untuk menjadi seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari Bebas (Ibid. Hlm. 1).

²¹³ Saufi Idris asalnya merupakan seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS, tetapi beliau telah bertindak keluar dari PAS sejurus setelah beliau dibebaskan dari tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya (Badan Perhubungan PAS Negeri), Pengerusi Tetap dan Pegawai-Pegawai Penerangan PAS bertarikh 5 Mei 1965 bertajuk "Permohonan Berhenti Dari YB Encik Saufi Idris". Hlm. 1; "Wakil rakyat yang dibebaskan dari tahanan keluar dari PAS", dlm. Utusan Melayu, 6 Mei 1965; dan Kenyataan akhbar Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS

Ogos 1968²¹⁴ ini walau bagaimanapun telah digagalkan oleh tindakan Abdul Rahman Mohd Salleh kembali menyertai PAS sewaktu sidang itu hendak dimulakan--tindakan yang kemudiannya turut diikuti oleh Omar Mohammad dan Yusoff Abdul Latif.²¹⁵

Selain kehilangan Abdullah Yusoff, yang merupakan Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan, kepada UMNO, PAS Kelantan juga telah, pada 10 November 1968, kehilangan Ahmad Yatim--yang merupakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan--ekoran penahanan beliau,²¹⁶ juga beberapa orang pemimpin bawahan PAS lainnya, di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana dikatakan terlibat di dalam gerakan subversif komunis di sempadan Malaysia-Thailand--tuduhan yang segera dinafikan oleh PAS yang telah sebaliknya menyifatkan penahanan itu sebagai langkah "pondan" Perikatan untuk melumpuhkan PAS bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Kali Ke-4.²¹⁷

Kelantan, Khairul Khatib, bertarikh 10 Mei 1965 bertajuk "Keberhentian Encik Saufi Idris Sebagai Ahli PAS". Hlm. 1).

²¹⁴ Akhbar-akhbar tempatan telah sebenarnya melaporkan berita penarikan diri Abdul Rahman Mohd Salleh, Omar Mohammad, Yusoff Abdul Latif dan Abdullah Yusoff dari menjadi ahli PAS pada 2 Ogos 1968 lagi--laporan yang menyebabkan Mohd Asri Muda terpaksa mengeluarkan satu kenyataan akhbar yang, selain menegaskan bahawa "sehingga saat ini mereka belum lagi membuat pengumuman rasmi atau perisytiharan rasmi keluar dari PAS", menyatakan: "Nampaknya dalam sehari dua ini Perikatan begitu bernafsu untuk merebut kuasa di Kelantan, tetapi saya suka memberitahu kepada pemimpin-pemimpin mereka supaya berusaha secara terhormat sesuai dengan kehormatan yang ada pada diri mereka untuk mengambil kembali negeri Kelantan ini. Tunggulah saat yang dihalalkan oleh perlombagaan, iaitu pilihan raya umum tahun depan" (Siaran Pejabat Agung PAS bertarikh 3 Ogos 1968 bertajuk "Ahli-Ahli Dewan PAS Yang Diberitakan Melompat Masuk UMNO". Hlm. 1). Selain daripada itu, berita kemasukan empat orang lagi Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS, iaitu Ishak Lotfi Omar, Abdul Rahman Awang Sulung, Wan Yusof Wan Yaakub dan Abdul Kadir Mat Saad, ke dalam UMNO juga telah turut disiarkan di dalam akhbar-akhbar tempatan pada 3 dan 4 Ogos 1968, tetapi berita ini telah kemudiannya dinafikan oleh mereka yang terlibat ("Wakil-Wakil Rakyat dakwa suratkhabar", dlm. Siaran PAS Kelantan, Bil. 6/8 Thn. 3, Jun/Ogos 1968. Hlm. 1).

²¹⁵ "Kata dan peristiwa", dlm. Siaran PAS Kelantan, Bil. 9 Thn. 3, September 1968. Hlm. 7-9 dan 11.

²¹⁶ Terang Mohd Asri Muda mengenai penahanan Ahmad Yatim di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ini kemudiannya: "Orang politik yang ditahan sedemikian rupa, dalam keadaan tekanan jiwa yang sedemikian hebat, orang yang tidak merasa dirinya bersalah tiba-tiba dia dituduh bersalah dan tuduhan itu tidak tepat sama sekali, menderita batinnya. Orang seperti ini tidak lama hidupnya. Orang itu sudah meninggal dunia lebih kurang dua minggu yang lalu, penderitaan sakit yang dibawa daripada tempat tahanan politik Kerajaan Perikatan" (Penyata Rasmi, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, Penggal Parlimen Pertama. Jil. I, Bil. 4, Hari Khamis, 25 Februari 1971. Ruangan 225).

Di sebalik beberapa masalah yang dihadapi oleh PAS di Kelantan, ia, selaras dengan arahan Mohd Asri Muda setahun sebelumnya agar para pemimpin PAS memperhebatkan kempen mereka di luar Kelantan,²¹⁸ ternyata telah berjaya mempertingkatkan pengaruhnya di luar Kelantan sebagaimana yang dimanifestasikan oleh kejayaan calonnya, Soffian Abdul Aziz, mengurangkan dengan banyaknya majoriti yang diperolehi oleh calon UMNO, Abdul Manaff Abdullah, di dalam pilihan raya kecil bagi merebut kerusi Dewan Undangan Negeri Padang, Kedah, pada 30 November 1968.²¹⁹

Setelah beberapa lama menunggu,²²⁰ akhirnya Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri--kecuali Dewan Undangan Negeri Kelantan yang hanya dibubarkan

²¹⁷ "Kenyataan akhbar Jabatan Penerangan PAS Pusat: Langkah pondan Perikatan untuk melumpuhkan PAS", dlm. Bulan Bintang, Bil. 2 Thn. 2, Oktober/November 1968. Hlm. 10. Kandungan kenyataan akhbar Jabatan Penerangan PAS Pusat ini kelihatan disokong oleh Hans H Indorf yang, sewaktu mengulas mengenai penahanan para pemimpin pembangkang di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, secara umumnya menyatakan: "*One other campaign feature is noteworthy for its perennial recurrence: An Alliance-sponsored public round-up of suspected subversives. In a white paper issued in early 1959, the Alliance Government sought to placate MCP infiltration into the PMIP, PPP and SF...A similar 'cleansing operation' was conducted just prior to the national elections of 1964 and another white paper was published in November 1968, preceding the 1969 elections by five months*" (Hans H Indorf (1969). Party System Adaptation to Political Development in Malaysia During the First Decade of Independence, 1957-1967. New York University. Hlm. 186).

²¹⁸ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13 November 1967. Hlm. 2.

²¹⁹ Warta Kerajaan Negeri Kedah, 14 November 1968, No. 728; dan Warta Kerajaan Negeri Kedah, 12 Disember 1968, No. 803. Majoriti yang diperolehi oleh calon UMNO di dalam Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Padang ini ialah sebanyak 712 undi sahaja berbanding majoriti sebanyak 1,230 dan 2,837 undi yang diperolehi oleh calon-calonnya di dalam Pilihan Raya Umum 1959 (*Report on the Parliamentary and State Elections 1959*, Hlm. 34) dan Pilihan Raya Umum 1964 masing-masingnya (*Penyata Pilihan Raya-Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) dan Dewan-Dewan Negeri, Tahun 1964*, bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu. Hlm. 73).

²²⁰ Sebagai persiapan untuk menghadapi Pilihan Raya Umum Kali Ke-4 ini, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 12 Januari 1969 telah membentuk Jawatankuasa Menapis dan Menetapkan Calon-Calon PAS yang "(di)beri(kan) kuasa penuh untuk menetapkan calon-calon yang akan bertanding itu secara muktamad", di mana jawatankuasa ini adalah dipengerusikan oleh Mohd Asri Muda dan dianggotai oleh Hasan Adli Arshad, Abu Bakar Hamzah, Mohd Taha Kalu, Yusoff Rawa, Amaluddin Darus, Abdullah Akin dan Abdullah Zawawi Hamzah (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 12 Januari 1969. Hlm. 2). Khusus mengenai penetapan calon bagi kerusi-kerusi Dewan Rakyat, Abdullah Zawawi Hamzah telah, setelah menyatakan bahawa "dalam Dewan Rakyat sekarang ini, suara kita masih agak terbatas dan kurang konstruktif", sebelumnya mencadangkan: "Jawatankuasa Kerja Agung hendaklah menetapkan satu keputusan bahawa calon-calon yang akan bertanding bagi merebut kerusi-kerusi Dewan Rakyat itu janganlah diambil semata-mata dari ahli-ahli kita yang ada dalam negeri-negeri yang tertentu sahaja. Errinya, tokoh-tokoh kita yang benar-benar dapat bertanggungjawab dari negeri Melaka misalnya hendaklah dibawa supaya dapat bertanding di

pada 31 Mac 1969--telah dibubarkan pada 20 Mac 1969²²¹ bagi membolehkan penamaan calon dan pengundian bagi Pilihan Raya Umum Kali Ke-4 dilangsungkan masing-masingnya pada 5 April 1969 (12 April 1969 bagi Dewan Undangan Negeri Kelantan) dan 10 Mei 1969.²²² Setelah hari penamaan calon--yang menyaksikan Perikatan memenangi 9 kerusi Dewan Rakyat tanpa bertanding, 6 daripadanya melalui UMNO,²²³ juga yang menyaksikan dua buah parti pembangkang baru, iaitu DAP dan GRM, turut meletakkan calon mereka di 24 dan 14 kerusi Dewan Rakyat serta di 57 dan 38 kerusi Dewan Undangan Negeri²²⁴--berlalu, PAS telah sekali lagi meletakkan dirinya sebagai pencabar utama Perikatan dengan meletakkan calon-calonnya di 62 daripada 104 kerusi Dewan Rakyat,²²⁵ juga di 185 daripada 283 kerusi Dewan Undangan Negeri,²²⁶ di

Terengganu atau di Kelantan atau lain-lain negeri. Ini ialah apabila ia mustahil akan dapat kemenangan dalam negerinya sendiri oleh beberapa hal, sedang dirinya sangat-sangat perlu ada di Dewan Rakyat demi kepentingan parti" (Kertas kerja Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertajuk "Beberapa Fikiran, Kalau Perlu, Untuk Diputuskan Oleh Jawatankuasa Kerja Agung Bagi Menghadapi Pilihan Raya Yang Akan Datang" (tidak bertarikh). Hlm. 2). Di sebalik cadangan Abdullah Zawawi Hamzah ini, PAS kemudiannya hanya memperuntukkan satu kerusi, iaitu Besut, sahaja daripada 16 kerusi yang terdapat di Terengganu dan Kelantan kepada pemimpinnya yang bukan berasal dari negeri-negeri itu (Jaiz Anuar) (Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969. Hlm. 53-55).

²²¹ Ibid. Hlm. 4 dan 32. Tarikh ini adalah menepati jangkaan Mohd Asri Muda yang telah sebelumnya meramalkan bahawa "Parlimen akan dibubarkan di antara 15 dan 30 Mac (1969)" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 12 Januari 1969. Hlm. 2).

²²² Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969. Hlm. 1, 9, 29 dan 37.

²²³ Ibid. Hlm. 11, 38 dan 52-69. Selain kerusi-kerusi Raub, Rembau-Tampin, Muar Dalam, Muar Selatan, Pontian Selatan dan Muar Utara yang dimenangi oleh UMNO, Perikatan juga turut memenangi tanpa bertanding kerusi-kerusi Bagan, Bentong dan Batu Pahat melalui calon-calon MCA. Di Sabah, 11 kerusi Dewan Rakyat turut dimenangi tanpa bertanding oleh USNO.

²²⁴ Ibid. Hlm. 11 dan 38.

²²⁵ Ibid. Hlm. 11, 38 dan 52-69. 14 daripada 62 kerusi Dewan Rakyat yang ditandingi oleh calon-calon PAS adalah terletak di Perak, 12 di Kedah, 10 di Kelantan, 6 di Terengganu, 4 di Pahang, 4 di Selangor, 3 di Negeri Sembilan, 3 di Melaka, 2 di Pulau Pinang, 2 di Perlis dan 2 di Johor.

²²⁶ Ibid. Hlm. 11, 38 dan 70-114. 30 daripada 185 kerusi Dewan Undangan Negeri yang ditandingi oleh calon-calon PAS adalah terletak di Kelantan, 29 di Perak, 24 di Kedah, 24 di Terengganu, 14 di Pahang, 14 di Melaka, 12 di Selangor, 12 di Perlis, 11 di Negeri Sembilan, 10 di Johor dan 5 di Pulau Pinang.

Semenanjung, malah tekadnya untuk memenangi negeri-negeri majoriti Melayu²²⁷ jelas terserah melalui tindakan sulungnya menandingi kesemua 90 kerusi Dewan Undangan Negeri dan 30 kerusi Dewan Rakyat di Kelantan, Kedah, Terengganu dan Perlis.²²⁸

Kempen agresif parti-parti pembangkang²²⁹ di dalam Pilihan Raya Umum Kali Ke-4 ini ternyata telah menghadapkan Perikatan dengan satu dilema yang besar,²³⁰ di mana di satu pihak, PAS telah--selain mendedahkan penipuan Perikatan kepada bangsa Melayu dari sudut pelajaran, bahasa, ekonomi dan agama²³¹ dan selain menjanjikan

²²⁷ Keazaman, malah keyakinan, PAS untuk memenangi negeri-negeri majoriti Melayu--yang selari dengan penegasan bahawa ia memilih cara "berkuasa dari negeri ke negeri" sebagai strategi untuk "terus mara dalam gelanggang politik neg(a)r(a) ini" ("PAS menjawab", dlm. Bulan Bintang, Bil. 1 Thn. 2, September 1968. Hlm. 2 dan 19)--ini turut terserah di dalam kenyataan Abdullah Zawawi Hamzah yang berbunyi: "PAS mungkin dapat menang dalam pilihan raya-pilihan raya bagi negeri-negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis" (Kertas kerja Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertajuk "Beberapa Fikiran, Kalau Perlu, Untuk Diputuskan Oleh Jawatankuasa Kerja Agung Bagi Menghadapi Pilihan Raya Yang Akan Datang" (tidak bertarikh). Hlm. 3).

²²⁸ Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969. Hlm. 52-55 dan 70-81. Di dalam Pilihan Raya Umum 1959, PAS tidak menandingi 4--2 di Kedah dan 2 di Terengganu--daripada 30 kerusi Dewan Rakyat dan 3--2 di Perlis dan 1 di Kedah--daripada 90 kerusi Dewan Undangan Negeri di Kelantan, Kedah, Terengganu dan Perlis (Report on the Parliamentary and State Elections 1959. Hlm. 34-37, 46-47, 48-50, 52-53, 56 dan 57). Di dalam Pilihan Raya Umum 1964, walaupun PAS menandingi kesemua 30 kerusi Dewan Rakyat, ia tidak menandingi 5--1 di Perlis, 3 di Kedah dan 1 di Terengganu--daripada 90 kerusi Dewan Undangan Negeri di Kelantan, Kedah, Terengganu dan Perlis (Penyata Pilihan Raya-Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) dan Dewan-Dewan Negeri, Tahun 1964, bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu. Hlm. 67-90 dan 145-153).

²²⁹ Ramal Hans H Indorf mengenai bentuk kempen parti-parti pembangkang ini: "*Significant in the Malaysian context is that politics coalesces around personalities. The high individual survival rate of Alliance leaders is matched by the opposition...Party labels may have changed, but the personal following has been retained for more than a decade by such prominent 1957 politicians as the Seenivasagam brothers, Dr Burhamuddin, Ahmad Boestamam, Lim Kean Siew, Aziz Ishak, Dr Lim Chong Eu and Devan Nair. Yet personal charisma is on the decline and party functionaries are coming to the fore...With personality as a catalyst fading, opposition parties could become more issue conscious, more concerned with an efficient sub-structure and possibly more amenable to inter-party co-operation*" (Hans H Indorf (1969). Party System Adaptation to Political Development in Malaysia During the First Decade of Independence, 1957-1967. New York University. Hlm. 525-526).

²³⁰ Walaupun kedua-dua parti pembangkang Melayu dan parti-parti pembangkang bukan Melayu memperolehi pertambahan jumlah undi di dalam Pilihan Raya Umum Kali Ke-4 ini, pertambahan jumlah undi parti pembangkang Melayu yang dikatakan lebih tinggi daripada pertambahan jumlah undi parti-parti pembangkang bukan Melayu menyebabkan UMNO menyimpulkan bahawa "pada umumnya orang-orang Melayulah, lebih daripada orang-orang bukan Melayu, merasa mereka tidak mendapat keadilan" (Bahagian Penyelidikan UMNO Malaysia (1971). Persidangan Agung UMNO Kali Ke-22: UMNO Di Persimpangan Jalan. Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan UMNO Malaysia. Hlm. 42).

"(ke)wujud(an) sebuah negara hukum yang berdasarkan kepada hukum-hukum dan ajaran-ajaran Islam serta pandangan hidup Islam",²³² khususnya melalui "(pe)nyusun(an) kembali undang-undang, aturan dan peraturan mahkamah yang ada sekarang agar sesuai dengan undang-undang Islam dan hukum Islam"²³³--menggunakan isu "(peng)ekal(an) hak dan kedaulatan bangsa Melayu sebagai bumiputera di atas persada tanah air ibundanya",²³⁴ khususnya melalui "(pen)injau(an) dan (peng)kaji(an) kembali perlembagaan yang ada sekarang yang mengenai soal-soal kerakyatan di samping (pen)injau(an), (peng)kaji(an) dan (pe)napis(an) kembali hak-hak kewarganegaraan yang telah pun diperolehi pada masa sekarang",²³⁵ manakala di satu pihak lain, DAP pula telah menggunakan isu pemberian hak politik, ekonomi dan sosial yang sama kepada semua rakyat dan isu pemberian taraf rasmi kepada bahasa-bahasa Cina, Tamil dan Inggeris.²³⁶

Di sebalik percubaan UMNO untuk menjatuhkan imej keislaman PAS dengan di antara lainnya mengaitkannya dengan gerakan subversif komunis di sempadan Malaysia-Thailand,²³⁷ di sebalik percubaannya untuk meningkatkan imej keislamannya dengan di antara lainnya menganjurkan Persidangan Negara-Negara Islam di Kuala Lumpur pada

²³¹ Manifesto PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1969 bertajuk "Undilah Bulan Bintang Untuk Keselamatan Dan Keagungan Agama, Bangsa Dan Tanah Air Kita!!!". Hlm. 4-5.

²³² Ibid. Hlm. 5.

²³³ Ibid. Hlm. 7.

²³⁴ Ibid. Hlm. 6.

²³⁵ Ibid. Hlm. 7.

²³⁶ Manifesto DAP di dalam Pilihan Raya Umum 1969 bertajuk "Our Triple Objective: Towards A Malaysian Malaysia", dlm. R K Vasil (1972). The Malaysian General Election of 1969. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 59-61. Selain digunakan oleh DAP, tema "Malaysian Malaysia" ini juga telah turut digunakan oleh PPP (Manifesto PPP di dalam Pilihan Raya Umum 1969 bertajuk "Malaysia for Malaysians", dlm. R K Vasil (1972). The Malaysian General Election of 1969. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 65-69).

²³⁷ R K Vasil (1972). The Malaysian General Election of 1969. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 25-27. Mengikut R K Vasil, perkaitan ini telah di antara lainnya dibuat oleh Tengku Abdul

21 April 1969,²³⁸ di sebalik percubaannya untuk menjatuhkan imej keMelayuan PAS dengan di antara lainnya mendedahkan pakatan politik yang dikatakan wujud di antara PAS dan DAP,²³⁹ di sebalik percubaannya untuk meningkatkan imej keMelayuannya dengan di antara lainnya menjanjikan pengekalan hak-hak istimewa Melayu²⁴⁰ dan di sebalik percubaannya untuk memenangi hati rakyat Kelantan dengan menjanjikan peruntukan yang berjumlah RM550 juta untuk membebaskan Kelantan dari belenggu kemiskinan sekiranya Perikatan dipilih menerajui kerajaan negeri itu,²⁴¹ PAS, selain memenangi 12 kerusi Dewan Rakyat, iaitu 6 di Kelantan, 3 di Kedah, 2 di Terengganu dan 1 di Perak,²⁴² akhirnya berjaya mengekalkan penguasaannya di Kelantan setelah ia

Rahman Putra di dalam ucapan beliau di Alor Setar pada 14 November 1968 dan oleh Senu Abdul Rahman di dalam ucapan beliau di Kota Bharu pada 14 April 1969.

²³⁸ Ibid. Hlm. 28.

²³⁹ Ibid. Hlm. 28. Mengikut R K Vasil, Tengku Abdul Rahman Putra telah khususnya mendakwa bahawa PAS menerima bantuan kewangan dari PAP melalui DAP.

²⁴⁰ Ibid. Hlm. 26.

²⁴¹ Ibid. Hlm. 27. Mengikut R K Vasil, peruntukan ini terkandung di dalam sebuah manifesto khas yang telah, pada 10 April 1969, dikeluarkan oleh Perikatan bagi Kelantan. Sewaktu mengulas janji ini, PAS telah, selain menyatakan keyakinannya bahawa "rakyat negeri Kelantan... tahu dan faham bahawa janji itu terlahir dan dilahirkan dari nafsu gelojoh Perikatan sekadar untuk berkuasa", mempersoalkan kemampuan Perikatan untuk memenuhi dengan menanyakan dua soalan, iaitu "dengan hutang negara yang begitu banyak, maka bagaimakah Perikatan mampu mengadakan wang peruntukan sebanyak RM550 juta untuk Kelantan?" dan "dengan kekurangan perbelanjaan yang dihadapi tiap-tiap tahun itu, maka, sekali lagi kita bertanya, bagaimakah Perikatan mampu mengadakan wang peruntukan sebanyak RM550 juta untuk Kelantan itu?" (Siaran Jabatan Penerangan PAS Pusat bertajuk "Peruntukan RM550 Juta Untuk Kelantan: Apakah Kerajaan Perikatan Mampu Mengadakan Wang Sebanyak Itu?" (tidak bertarikh). Hlm. 2-3).

²⁴² Kerusi Dewan Rakyat yang dimenangi oleh PAS di Perak ini walau bagaimanapun telah terlucut dari genggamannya apabila Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 15, 16 dan 17 Mei 1972 yang dihadiri oleh hanya tujuh orang ahlinya, iaitu Abu Bakar Hamzah (Abu Bakar Hamzah, yang mempergerusikan mesyuarat ini, walau bagaimanapun memegang dua jawatan di dalam PAS pada waktu itu, iaitu sebagai Naib Yang Dipertua Agung dan Setiausaha Agung PAS), Baharuddin Abdul Latif, Nik Abdul Aziz Nik Mat, Hassan Shukri, Yusoff Rawa, Mohd Daud Abdul Samad, Abu Bakar Umar dan Mohd Noor Yusoff, tetapi tidak dihadiri oleh lapan ahlinya yang lain, iaitu Mohd Asri Muda, Hasan Adli Arshad, Sakinah Junid, Mohd Taha Kalu, Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani, Khairil Khatib, Amaluddin Darus, Dr Mohd Dali Moin dan Salmah Shaikh Hussain, telah, berdasarkan kepada aduan Dewan Ulama' PAS Pusat bahawa Ahli Dewan Rakyat Parit, iaitu Hashim Gera, "menari joget dan mungkin juga berdansa pada pukul 10 malam 9 Mei 1972 beriringan jamuan makan malam yang diadakan oleh pihak Parliment bersempena pembukaan Parliment oleh Yang di-Pertuan Agung... (walaupun) beliau melalui PAS Perak telah pun (pada 28 Februari 1971) berikrar tidak akan melakukan(nya) lagi..." (Surat Setiausaha Dewan Ulama' PAS Pusat, Othman Hamzah, kepada Pengurus Jawatankuasa Tata tertib PAS, Mohd Taha Kalu, dan Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 11 Mei 1972 bertajuk "Wakil Parliment PAS Berjoget". Hlm. 1), sebulat suara

memenangi 19 kerusi Dewan Undangan Negeri yang dipertandingkan di sana di samping memenangi 11 kerusi yang sama di Terengganu, 8 di Kedah dan 1 di Perlis dan Perak.²⁴³

Bertepatan dengan ramalan Mohd Asri Muda sebelumnya, keputusan pengundian di Semenanjung menunjukkan bahawa Perikatan, melainkan ia memenangi 30 daripada 40 kerusi yang proses pengundiannya masih berjalan di Sabah dan Sarawak, juga 1 kerusi yang proses pengundiannya telah ditangguhkan di Semenanjung,²⁴⁴ akan gagal memperolehi majoriti mutlak di dalam Dewan Rakyat apabila ia hanya memenangi 66 daripada 103 kerusi di Semenanjung dan terpaksa melepaskan 13 kerusi selebihnya kepada DAP, 12 kepada PAS, 8 kepada GRM dan 4 kepada PPP.²⁴⁵ Selain itu, ia juga telah terus kehilangan Pulau Pinang apabila ia memenangi hanya 4 daripada 24 kerusi di sana—berbanding 16 kerusi yang dimenangi oleh GRM, 3 kerusi yang dimenangi oleh

bersetuju "memecat keahlian (beliau) dari PAS mulai jam 10.15 pagi hari Selasa, 16 Mei 1972" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 15, 16 dan 17 Mei 1972. Hlm. 2-3). Abu Bakar Hamzah, selaku Setiausaha Agung PAS, telah kemudian ditegur oleh Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani dan Mohd Taha Kalu kerana dikatakan tidak memanggil kesemua Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 15, 16 dan 17 Mei 1972 ini (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Jun 1972. Hlm. 2).

²⁴³ Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969. Hlm. 115. Salah satu daripada 11 kerusi Dewan Undangan Negeri yang dimenangi oleh PAS di Terengganu ini walau bagaimanapun telah terlucut dari genggamannya apabila Ahli Dewan Undangan Negeri Sura, iaitu Ibrahim Mat Noh, telah bertindak keluar dari PAS untuk menyertai UMNO hanya tiga bulan setelah berlangsungnya Pilihan Raya Umum 1969 ini ("Bersalaman selepas isytihar keluar PAS", dlm. Utusan Malaysia, 11 Ogos 1969; dan Penyata Tahunan PAS 1968/1971. Hlm. 75).

²⁴⁴ Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969. Hlm. 15, 19, 20, 41, 45 dan 46. Kerusi yang proses pengundiannya telah ditangguhkan di Semenanjung ini ialah Melaka Selatan. Tarikh pengundian awalnya, iaitu 10 Mei 1969, telah, pada 26 April 1969, dibatalkan ekoran kematian, pada 23 April 1969, seorang daripada calon-calon yang menandinginya. Pengundian telah tidak dapat dijalankan pada tarikh barunya, iaitu 31 Mei 1969, ekoran pembuatan satu ordinan yang memperuntukkan penggantungan pilihan raya bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negeri bagi mana-mana negeri yang belum lagi selesai (Warta Kerajaan Persekutuan, 15 Mei 1969, P.U. (A) 146. Seksyen 7) sebagai lanjutan daripada perisytiharan darurat yang telah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agung sebelumnya (Warta Kerajaan Persekutuan, 15 Mei 1969, P.U. (A) 145).

²⁴⁵ Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969. Hlm. 14 dan 41. 20 daripada 37 kerusi Dewan Rakyat yang gagal dimenangi oleh Perikatan ini adalah diwakili oleh calon-calon MCA, 16 oleh calon-calon UMNO dan 1 oleh calon MIC.

DAP dan 1 kerusi yang dimenangi oleh PR--di samping telah turut gagal memiliki majoriti mudah di Perak dan Selangor apabila ia memenangi hanya 19 daripada 40 kerusi di Perak--berbanding 12 kerusi yang dimenangi oleh PPP, 6 kerusi yang dimenangi oleh DAP, 2 kerusi yang dimenangi oleh GRM dan 1 kerusi yang dimenangi oleh PAS--dan hanya 14 daripada 28 kerusi di Selangor--berbanding 9 kerusi yang dimenangi oleh DAP, 4 kerusi yang dimenangi oleh GRM dan 1 kerusi yang dimenangi oleh Bebas.²⁴⁶

Sementara PAS merayakan kemenangan parti mereka secara sederhana,²⁴⁷ DAP dan GRM²⁴⁸ pula merayakan kemenangan parti mereka dengan mengadakan perarak-an-perarakan yang bertukar menjadi medan penghinaan terhadap orang-orang Melayu dan yang sekaligus bertukar menjadi satu rusuhan perkauman yang mengerikan di sekitar Kuala Lumpur pada 13 Mei 1969.²⁴⁹ Ekoran daripada tragedi yang mengorbankan

²⁴⁶ Ibid. Hlm. 115.

²⁴⁷ Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 20 Julai 1969. Hlm. 2.

²⁴⁸ Sementara Mubin Sheppard menyatakan bahawa "*it should have been abundantly clear that the atrocities of 13 May were the direct results of the two processions on 8 May and 12 May and that the principal responsibility for the mammoth funeral procession on 8 May and for the excesses which occurred during the latter part of the GRM-DAP 'Victory Parade' procession on the 12 May lay with communist agitators and left-wing extremists who wished to disrupt the peace of the country*" (Mubin Sheppard (1987). Tunku: A Pictorial Biography (1957-1987). Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd. Hlm. 83), Dr Tan Chee Khoon, yang disifatkan oleh Raj Vasil sebagai "*the chief architect of the GRM*", pula, selain menyatakan bahawa "*(our 12 May) procession throughout was entirely peaceful (and) it is absolutely untrue, as alleged by Tengku Abdul Rahman, that we insulted the Malays*", telah menyalahkan "*the arrogant and downright foolish DAP leaders*", khususnya Goh Hock Guan yang dikatakan "*kept shouting that he would form a new government*", "*(for) exacerbating the already tense situation (among the Selangor Malays)*" (Raj Vasil (1987). Tan Chee Khoon: An Elder Statesman. Petaling Jaya: Pelanduk Publications. Hlm. 114 dan 129-131).

²⁴⁹ Sementara Ahli-Ahli Dewan Rakyat DAP dan PPP dari Bandar Melaka dan Menglembu, iaitu Lim Kit Siang dan S P Seenivasagam, masing-masingnya mendakwa bahawa "*May 13 racial riots started because there were people who were not prepared to accept the verdict of the people at the polls on 10 May 1969 which returned an unprecedented number of opposition candidates in both State and Parliamentary elections*" (Penyata Rasmi. Dewan Rakyat. Parlimen Ketiga. Penggal Parlimen Pertama. Jil. I, Bil. 2, Hari Selasa, 23 Februari 1971. Ruangan 87) dan bahawa "*the riots of May 13 were due to the fact that there were certain individuals (in Selangor UMNO) who were not prepared to lose power in the state*" atau bahawa "*the cause of the trouble on May 13 (was) that one community, i.e. the Malays, are not prepared to share political power with the non-Malays*" (Ibid. Jil. I, Bil. 3, Hari Rabu, 24 Februari 1971. Ruangan 154 dan 156)--dakwaan-dakwaan yang kelihatan disokong oleh Yaacob Hussain Merican dan Jeffrey G Kitingan yang menyatakan bahawa "*the 13 May riots of 1969 resulted, in a way, from the reluctance of voters of defeated candidates to accept the adverse verdict of the*

sebanyak 196 nyawa ini,²⁵⁰ satu perisyiharan darurat telah dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong,²⁵¹ diikuti oleh pembuatan satu ordinan²⁵² yang memperuntukkan penggantungan pilihan raya bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negeri bagi mana-mana negeri yang belum lagi selesai,²⁵³ oleh pembuatan satu ordinan lain²⁵⁴ yang memperuntukkan perwakilan kuasa pemerintah bagi Malaysia kepada seorang Pengarah Gerakan²⁵⁵ yang akan dibantu

election against them" (Yaacob Hussain Merican, Developments in the Law concerning Elections in Malaysia, dlm. Mohamed Suffian, H P Lee dan F A Trindade (eds.) (1978). The Constitution of Malaysia: Its Development (1957-1977). Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 227) dan bahawa "*the Malays, who feared non-Malay dominance, resented the Chinese victory because they feared that it could mean the end of their political dominance; (and) this fear was aggravated by the jubilance of the non-Malays who paraded around and celebrated their victory, provoking the Malays even further; (and) what followed was predictable*" (Jeffrey G Kitingan (1984). Political Stability and Economic Development in Malaysia. The Fletcher School of Law and Diplomacy. Hlm. 107)--Jomo Kwame Sundaram pula menyatakan bahawa "Peristiwa 13 Mei" ini adalah diakibatkan oleh "*growing income inequalities among all ethnic groups (which) had sharpened (class-based) frustrations... which led to a disenchantment with the Alliance government (as reflected in the 1969 general election results) and exacerbated ethnic tensions... (because of) the absence of concerted mobilization across ethnic lines by class-based organizations*" (Jomo Kwame Sundaram (1986). A Question of Class: Capital, The State and Uneven Development in Malaya. Singapore: Oxford University. Hlm. 271).

²⁵⁰ The National Operations Council (1974). The May 13 Tragedy: A Report. Kuala Lumpur: Government Printers. Hlm. 88. Dari segi kaum, 143 daripada 196 kematian ini adalah membabitkan kaum Cina, 25 membabitkan kaum Melayu, 13 membabitkan kaum India dan 15 membabitkan kaum-kaum lain manakala dari segi negeri, 172 daripada 196 kematian ini adalah berlaku di Selangor, 11 di Perak, 7 di Melaka, 4 di Negeri Sembilan, 1 di Pulau Pinang dan 1 di Terengganu. Walau bagaimanapun, Stephen Hong-Chye Chee pula telah menyatakan bahawa "*estimates of the casualties... ranged from the official total of 196 killed to the oft-quoted unofficial figure of about 600 deaths*" (Stephen Hong-Chye Chee (1971). Sociocultural Pluralism and Political Change: The Dilemmas of the Bimodal Society in Malaya. University of Pittsburgh. Hlm. 480).

²⁵¹ Warta Kerajaan Persekutuan, 15 Mei 1969, P.U. (A) 145. Selain daripada perisyiharan darurat ini, Yang di-Pertuan Agong juga telah turut mengisytiharkan bahawa "semasa perisyiharan darurat sedang berjalan kuat kuasanya, maka Yang di-Pertuan Agung mengarahkan supaya Dewan Undangan atau Majlis Negeri bagi mana-mana negeri tidaklah boleh dipanggil untuk bersidang sehingga kepada satu tarikh yang akan ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agung" (Warta Kerajaan Persekutuan, 15 Mei 1969, P.U. (A) 147) dan bahawa "semua kawasan dalam Persekutuan (adalah) kawasan keselamatan bagi maksud Bahagian II Akta (Keselamatan Dalam Negeri, 1960)" (Warta Kerajaan Persekutuan, 15 Mei 1969, P.U. (A) 148).

²⁵² Ordinan (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat, 1969.

²⁵³ Warta Kerajaan Persekutuan, 15 Mei 1969, P.U. (A) 146. Seksyen 7.

²⁵⁴ Ordinan No. 2 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat, 1969.

²⁵⁵ Warta Kerajaan Persekutuan, 17 Mei 1969, P.U. (A) 149. Seksyen 2(1). Ordinan ini walau bagaimanapun "adalah dianggapkan berjalan kuat kuasa(nya) pada 16 Mei 1969" (Ibid. Seksyen 1). Berdasarkan kepada Seksyen 2(1) Ordinan No. 2 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat, 1969, ini, Yang di-Pertuan Agong telah, pada 17 Mei 1969, mengisytiharkan perlantikan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Abdul Razak Hussein, sebagai Pengarah Gerakan (Warta Kerajaan Persekutuan, 17 Mei 1969, P.U. (A) 150). Seksyen 2(2) Ordinan No. 2 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat, 1969, memperuntukkan bahawa "Pengarah Gerakan... hendaklah bertindak dengan mengikut nasihat Perdana

oleh suatu majlis yang akan dinamakan Majlis Gerakan Negara²⁵⁶ yang akan mempunyai seorang Ketua Pegawai Kerja,²⁵⁷ juga oleh pembuatan peraturan-peraturan²⁵⁸ yang melarang "segala kegiatan berhubung dengan pilihan raya".²⁵⁹ Di dalam suasana politik negara yang tidak menentu beginilah²⁶⁰ maka Dr Burhanuddin al-Helmy, yang telah sekian lama berada di dalam keuzuran,²⁶¹ menghembuskan nafas beliau yang terakhir.²⁶²

Menteri... ", tetapi William Shaw dan Jeffrey G Kitingan menyatakan bahawa "*(the position of Director of Operations) was a position which gave (Abdul Razak Hussein) almost unlimited executive powers; so that although a new cabinet was sworn in (on 20 May 1969) with Tengku Abdul Rahman Putra once more as Prime Minister, it was he, in fact, who from that date was the chief decision-maker of the country*" (William Shaw (1976). Tun Razak: His Life and Times. Kuala Lumpur: Longman Malaysia. Hlm. 212) dan bahawa "*in the Straits Times issue of Saturday, 26 July 1969, the Tunku said (that) during the emergency period, the cabinet is playing a secondary role to the National Operations Council...*" (Jeffrey G Kitingan (1984). Political Stability and Economic Development in Malaysia. The Fletcher School of Law and Diplomacy. Hlm. 109).

²⁵⁶ Warta Kerajaan Persekutuan, 17 Mei 1969, P.U. (A) 149. Seksyen 3. Berdasarkan kepada Seksyen 3 Ordinan No. 2 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat, 1969, ini, Abdul Razak Hussein telah, pada 17 Mei 1969, mengisyiharkan perlantikan Dr Ismail Abdul Rahman, Tan Siew Sin, V T Sambanthan, Menteri Penerangan dan Penyiaran, Ketua Turus Angkatan Tentera Malaysia, Ketua Polis Negara Malaysia, Abdul Kadir Shamsuddin dan Mohd Ghazali Shafei sebagai ahli-ahli bagi Majlis Gerakan Negara (Warta Kerajaan Persekutuan, 17 Mei 1969, P.U. (A) 151). Sementara satu laporan rasmi Majlis Gerakan Negara menyatakan bahawa tugas-tugasnya adalah untuk "mengembalikan keamanan dan undang-undang", untuk "menentukan pentadbiran yang licin dalam negara ini" dan untuk "mengembalikan (ke)harmoni(an) dan kepercayaan antara kaum dalam negara ini" (Majlis Gerakan Negara Malaysia (1969). Tragedi 13 Mei: Laporan Oleh Majlis Gerakan Negara Malaysia. Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan. Hlm. 83), Stephen Hong-Chye Chee pula telah mendakwa bahawa ia adalah sebenarnya "*an instrument of Malay civil-military rule*" di mana "*the (unjustified) continuation of rule by decree gave the UMNO leadership an extraordinary opportunity to rebuild its base...*" (Stephen Hong-Chye Chee (1971). Sociocultural Pluralism and Political Change: The Dilemmas of the Bimodal Society in Malaya. University of Pittsburgh. Hlm. 481)--dakwaan yang kelihatan dikongsi oleh Jeffrey G Kitingan yang menulis: "*The emergency gave the UMNO-dominated government the opportunity to exercise even greater political control than before 1969 while denying the opposition the opportunity to enjoy and exercise their increased representation. At the same time, the emergency gave UMNO the chance needed to formulate new policies and plans that would favor an increase in the Malay's share of the nation's economic pie*" (Jeffrey G Kitingan (1984). Political Stability and Economic Development in Malaysia. The Fletcher School of Law and Diplomacy. Hlm. 109).

²⁵⁷ Warta Kerajaan Persekutuan, 17 Mei 1969, P.U. (A) 149. Seksyen 4(1). Berdasarkan kepada Seksyen 4(1) Ordinan No. 2 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat, 1969, ini, Abdul Razak Hussein telah, pada 17 Mei 1969, mengisyiharkan perlantikan Letenan Jeneral Ibrahim Ismail sebagai Ketua Pegawai Kerja bagi Majlis Gerakan Negara (Warta Kerajaan Persekutuan, 17 Mei 1969, P.U. (A) 151).

²⁵⁸ Peraturan-Peraturan Perlu (Milarang Kegiatan-Kegiatan Berhubung Dengan Pilihan Raya), 1969.

²⁵⁹ Warta Kerajaan Persekutuan, 11 Jun 1969, P.U. (A) 176A. Seksyen 2. Peraturan-peraturan ini walau bagaimanapun "hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 27 Mei 1969" (Ibid. Seksyen 1).

²⁶⁰ Sementara mengalui-alukan perubahan sikap Kerajaan Persekutuan ke atas Kerajaan Kelantan setelah berlakunya Peristiwa 13 Mei, khususnya kesediaannya "memberikan pinjaman (kewangan sebanyak) RM14 juta kepada Kerajaan (Kelantan) untuk menyelesaikan hutang-hutang bank dan sebagainya" (Minit Perjumpaan Ahli-Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan Dengan Ahli-Ahli

Dewan (Undangan) Negeri Dan Ahli-Ahli Parlimen (PAS) Kelantan pada 8 September 1969. Hlm. 2), dan sementara menyokong dasar-dasar baru yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Perikatan setelah berlakunya Peristiwa 13 Mei (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 20 Julai 1969. Hlm. 2 dan 3), sikap awal PAS di dalam menghadapi suasana politik negara yang tidak menentu ekoran meletusnya Peristiwa 13 Mei ini adalah tergambar di dalam ucapan Mohd Asri Muda ini: "Sesudah tujuh hari saja (Peristiwa) 13 Mei itu berlaku, saya telah dijemput ke Kuala Lumpur untuk ditinjau pendapat oleh pihak pemimpin Perikatan, bagaimana pandangan bagi pihak PAS tentang zaman depan di dalam Malaysia dan zaman depan bangsa Melayu sesudah berlakunya Peristiwa 13 Mei. Memang pada masa itu belum pernah keluar cerita kerajaan campuran, tetapi suara-suara daripada orang-orang yang kesampingan pernah menyarankan ada baiknya saat seperti ini Parti PAS dan Parti UMNO bersatu, bukan kerajaan campuran, tubuh satu parti. Saya dengan tegas telah memberikan jawapan (bahawa) langkah seperti itu adalah satu langkah yang terlalu bodoh dan satu langkah yang boleh membunuh diri sendiri di kalangan bangsa Melayu. Wujudnya Parti PAS sebagai sebuah parti pembangkang sebelum Peristiwa 13 Mei adalah merupakan suatu rahmat yang besar kepada perkembangan politik bagi bangsa Melayu sendiri sebab ianya merupakan satu perimbangan yang kuat yang boleh menjaminkan *demand* atau tuntutan yang lebih besar terhadap kedudukan bangsa Melayu di tengah-tengah gelanggang politik Malaysia yang hebat ini" (Rakaman ucapan tidak berteks Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, di dalam majlis ceramah khas Yang Dipertua Agung PAS anjuran Dewan Muslimat PAS Kelantan di Kota Bharu, Kelantan, pada awal tahun 1974 (tidak bertajuk)).

²⁶¹ Abdul Aziz Ishak (Abdul Aziz Ishak (1976). Tamu Istimewa: Kisah Penahanan Seorang Bekas Menteri Kabinet Di Malaysia. Singapura: Abdul Aziz Ishak. Hlm. 200), Mokhtar Petah (Mokhtar Petah (1997). Sheikh Abdullah Fahim: Penentu Tarikh Kemerdekaan Negara 31 Ogos 1957. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn Bhd. Hlm. 124) dan Ramlah Adam (Ramlah Adam (1996). Burhanuddin al-Helmy: Suatu Kemelut Politik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 232-233; dan Ramlah Adam (2004). Gerakan Radikalisme Di Malaysia (1938-1965). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 463) mendakwa bahawa keuzuran Dr Burhanuddin al-Helmy ini adalah diakibatkan oleh kegagalan pihak penjara untuk membenarkan beliau membuang air kecil di dalam masa yang sepatutnya--dakwaan yang kelihatan disokong oleh kandungan surat-surat peribadi Dr Burhanuddin al-Helmy sendiri yang di antara lainnya menyatakan bahawa "sakit saya yang kena masa dalam *lock-up* di Kuala Lumpur kerana menahan kencing yang melarat sampai sekarang masih lagi saya dalam jagaan hospital dan menunggukan hasil pemeriksaan lanjut *specialist lagi*" (Surat Yang Dipertua Agung PAS, Dr Burhanuddin al-Helmy, kepada Pemangku Naib Yang Dipertua Agung PAS, Wan Mustapha Ali, bertarikh 30 Mac 1966 (tidak bertajuk). Hlm. 1) dan bahawa "saya masih sehari-hari masyghul dengan sakit hidapan yang saya dapat masa tahanan itu" (Surat Yang Dipertua Agung PAS, Dr Burhanuddin al-Helmy, kepada Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bertarikh 31 Mei 1966 (tidak bertajuk). Hlm. 1).

²⁶² Surat Setiausaha Kerja PAS, Baharuddin Abdul Latif, kepada Setiausaha-Setiausaha PAS Cawangan bertarikh 15 November 1969 bertajuk "Beberapa Maklumat Dan Arahan Untuk Cawangan Dan Ranting". Hlm. 1. Mengikut Abdul Aziz Ishak, pertanyaan terakhir yang dikemukakan oleh Dr Burhanuddin al-Helmy kepada beliau adalah "(sama ada) konsep (Melayu) Raya atau kerajaan yang berasaskan Islam sudah hampir wujud" (Abdul Aziz Ishak (1976). Tamu Istimewa: Kisah Penahanan Seorang Bekas Menteri Kabinet Di Malaysia. Singapura: Abdul Aziz Ishak. Hlm. 200). Mengikut Mokhtar Petah, pesanan terakhir yang diucapkan oleh Dr Burhanuddin al-Helmy kepada beliau adalah "saya harap saudara dan kawan-kawan teruskan perjuangan kita menegakkan negara Islam..." (Mokhtar Petah (1997). Sheikh Abdullah Fahim: Penentu Tarikh Kemerdekaan Negara 31 Ogos 1957. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn Bhd. Hlm. 124).